



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

**Bil. 38**

**Rabu**

**18 November 2020**

---

**K A N D U N G A N**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman	24)
<b>USUL-USUL:</b> Merentikan Kuat Kuasa Peraturan Mesyuarat Di Bawah P.M 90(2)	(Halaman	22)
Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman	24)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 18 November 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mempertimbangkan kelulusan lesen pukat tunda sementara untuk mencari udang kepada nelayan pada musim tengkujuh yang bakal menjelma.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, sehingga bulan Oktober 2020, kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melesenkan sejumlah 148 lesen pukat tunda sementara bagi peralatan tambahan bagi tujuan menangkap udang semasa musim tengkujuh sahaja iaitu pada bulan November sehingga Mac.

Lesen ini juga dikenali sebagai Lesen Peralatan Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) yang hanya dilesenkan kepada vesel tradisional zon A khusus bagi negeri-negeri di Pantai Timur sahaja iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga Johor Timur.

Pada masa ini, Jabatan Perikanan masih mempertimbangkan permohonan baharu Lesen Peralatan Tambahan PTMT secara tahunan kepada pemilik vesel zon A yang mematuhi syarat seperti berikut. Pertama, muatan vesel tersebut adalah 15 gross register tonnage (GRT) ke bawah dan vesel yang terlibat memasang peralatan *turtle exclusion device* (TED).

Walau bagaimanapun, jumlah kelulusan khas permohonan Lesen Peralatan Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) setiap tahun adalah tertakluk kepada keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada. Ini adalah bagi memastikan sumber perikanan dapat diuruskan secara mapan, mengurangkan kesesakan di zon tangkapan serta mengelakkan konflik di kalangan nelayan. Terima kasih.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Apakah status terkini *soft landing* penghapusan pukat tunda di zon B. Antara yang sering tertangkap semasa operasi pukat tunda mencari udang ini ialah penyu. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi kepada nelayan untuk membeli alat peranti penyisih penyu untuk menyelamatkan spesies penyu?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, pukat tunda merupakan peralatan menangkap ikan yang sangat destruktif, tidak selektif dan tidak mesra sumber yang mengakibatkan kemerosotan sumber perikanan terutamanya di kawasan pesisiran pantai.

Pada masa yang sama, isu pencerobohan vesel pukat tunda zon B ke zon A yang tinggi telah mencetuskan konflik antara nelayan tradisi dan pengusaha pukat tunda komersial. Beberapa buah negara telah mengharamkan penggunaan peralatan tersebut termasuk Indonesia, Jepun, Hong Kong dan Palau.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan *exit policy* secara *soft landing* bagi pukat tunda, bermula pada tahun 2014. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh DOF adalah seperti berikut. Sekiranya pemilik ingin kekal di zon B, maka peralatan perlu ditukar kepada peralatan lain, selain daripada pukat tunda iaitu kepada pukat jerut atau peralatan tradisional.

Sejumlah 44 orang pemilik vesel memilih untuk kekal di zon yang sama dan sekiranya pemilik ingin pindah milik dan kekal dengan peralatan pukat tunda, vesel hendaklah berpindah ke zon C. Sejumlah 226 pemilik telah berpindah ke zon C dengan mengekalkan kegunaan peralatan pukat tunda.

Pelaksanaan inisiatif *exit policy* ini telah dilanjutkan bagi membolehkan penambahbaikan dan perancangan yang lebih teratur dengan mengambil kira pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi. Antaranya kesediaan pengusaha pukat tunda di zon B untuk bertukar, pengusaha akan hilang mata pencarian tanpa alternatif sumber ekonomi yang lain dan juga kesan kepada jumlah pendaratan ikan dalam jangka masa yang pendek seterusnya meningkatkan harga ikan di pasaran.

Sehubungan itu, kementerian telah bersetuju agar inisiatif ini dilaksanakan secara *soft landing* untuk memberikan persediaan penuh kepada industri perikanan negara. Selaras dengan hasrat ini, DOF telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan termasuk sesi libat urus bersama kumpulan sasar terutamanya nelayan pukat tunda zon B. Sehingga kini, sebanyak 238 program telah dilaksanakan. Sehingga

Mac 2020, sebanyak 20 sesi libat urus diadakan untuk memperoleh sokongan kumpulan sasar terhadap inisiatif ini.

Sebanyak dua buah kawasan iaitu di Kuala Kedah, Kedah dan Rompin, Pahang telah bebas daripada pukat tunda dan pelaksanaan musim tutup iaitu *close season* di Manjung dan Hilir Perak di negeri Perak. Mengambil kira kejayaan dan halangan...

#### ■1010

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Sorry?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Panjang lagi?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Pendek sahaja. Cuma soalan dia tadi ada dua bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ya. Kalau panjang sangat, Yang Berhormat boleh bagi jawapan bertulis.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi:** Okey, okey, saya habiskan. Mengambil kira kejayaan dan halangan pelaksanaan inisiatif ini, DOF telah merangka usaha ke arah pengurangan vesel pukat tunda zon B secara berfasa ke arah sifar pukat tunda zon B menjelang tahun 2030. Usaha-usaha yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 sehingga tahun 2030 iaitu tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas iaitu Insentif Penstrukturran Vesel Pukat Tunda Zon B, iaitu pampasan secara *one-off* kepada pemilik vesel pukat tunda zon B untuk keluar terus daripada industri perikanan tangkapan.

Keduanya, Skim Pembiayaan Pemodenan Vesel bagi nelayan yang bersetuju untuk berpindah ke zon C. Ketiga, pemberian geran bagi pertukaran kepada peralatan tradisi dan pertukaran kawasan dan pertukaran kawasan operasi yang lebih jauh. Mengenai pertanyaan berkenaan dengan *turtle exclusion device*, itu satu cadangan yang baik. Ya, *insya-Allah* kita akan bincangkan di kementerian.

2. **Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan syarikat yang menerima bantuan subsidi upah dan terpaksa gulung tikar. Nyatakan bilangan penutupan perniagaan SME dan kemuflian individu akibat pandemik COVID-19 daripada Mac – Oktober 2020 dan bilangan majikan yang menerima subsidi upah tetapi tidak menyalurkan wang tersebut kepada pekerja dan hukuman terhadap mereka. Apakah proses pemantauannya?

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan rekod PERKESO, sebanyak 220 majikan telah menerima bantuan Program Subsidi Upah dan telah menutup perniagaan mereka. Menerusi laporan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang merekodkan jumlah mereka yang hilang

pekerjaan pula, sebanyak 2,713 syarikat berstatus SME telah menutup perniagaan sepanjang bulan Mac 2020 sehingga 30 Oktober 2020.

Berhubung kemuflihan, kebankrapan individu akibat pandemik COVID-19 dari bulan Mac 2020 hingga bulan Oktober 2020, Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai sebarang rekod berkaitan dan ia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Insolvensi Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam hal ini kerajaan telah mengambil langkah dengan menaikkan amaun keterhutangan daripada RM50,000 kepada RM100,000 untuk mengurangkan kes kebankrapan melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829].

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini di mana sehingga 11 November 2020, PERKESO telah menerima sebanyak 388 kes aduan oleh pekerja terhadap majikan yang menyalahgunakan bayaran Program Subsidi Upah melibatkan dana hampir RM20 juta. Dalam perkembangan yang sama, PERKESO akan menggantung daripada segi tindakan penguatkuasaan. PERKESO akan menggantung pembayaran kepada majikan-majikan yang disyaki membuat tuntutan palsu sehingga siasatan ke atas aduan-aduan tersebut diselesaikan.

Dalam menangani masalah tuntutan palsu ini, PERKESO telah mengambil tindakan ke atas sebahagian majikan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Daripada aduan yang diterima, sebanyak 156 kes tuntutan palsu dan salah guna dana PSU telah dikenal pasti oleh PERKESO untuk tindakan menuntut kembali bayaran daripada majikan-majikan tersebut. Daripada jumlah keseluruhan aduan iaitu sebanyak 388 kes, sebanyak 232 kes aduan adalah dalam proses *inquiry* bagi melengkapkan maklumat aduan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Dalam pada itu, PERKESO juga bekerjasama dengan pihak SPRM dan sebanyak lima kes masih lagi dalam siasatan SPRM dan daripada jumlah tersebut satu kes tangkapan telah dibuat di Kedah pada 6 Oktober 2020. Pada masa yang sama, PERKESO juga telah mengenal pasti, seramai 5,537 majikan yang telah melanggar syarat dan terma yang telah ditetapkan di mana majikan tersebut telah disenaraihitamkan.

Antara sebab-sebab penyenaraian hitam majikan adalah pemberhentian pekerja dan tidak membayar caruman kepada PERKESO. PERKESO akan terus meneruskan lagi perkongsian maklumat lengkap agar siasatan dapat dimulakan ke atas majikan-majikan yang gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah PSU. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pemantauan dan maklumat, PERKESO akan memaparkan senarai majikan yang telah menerima bantuan PSU di portal rasmi Prihatin PERKESO untuk rujukan golongan pekerja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan. Silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang lengkap itu. Saya ada satu cadangan yang mungkin akan boleh dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Satu, bila sesuatu majikan diberikan wang dalam Program Subsidi Upah, mungkin nama majikan itu boleh dimuatkan di website PERKESO dan juga website kementerian untuk pengetahuan awam, *for public screening*. Kedua, kalau kita ada masalah dengan mana-mana pihak majikan, mungkin kita boleh mencari peluang untuk menyalurkan wang bantuan itu terus kepada pekerja.

Ini saya bangkitkan sebab saya telah menerima banyak aduan mengatakan bahawa majikan telah menerima wang daripada pihak kerajaan, tetapi pekerja diberikan cuti tanpa gaji untuk enam bulan, tujuh bulan dan sebagainya. Akan tetapi gaji telah diberi dan telah diambil oleh pihak majikan, tetapi pekerja dilepaskan. So, minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat atas satu cadangan yang baik walaupun setakat ini PERKESO ini sedang memaparkan senarai majikan yang menerima PSU melalui portal rasmi Prihatin PERKESO. Walau bagaimanapun, saya akan bincang dengan pihak kementerian terhadap cadangan Yang Berhormat untuk memaparkan dalam portal Kementerian Sumber Manusia secara rasmi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua di mana kita salurkan dana itu terus kepada pekerja di bawah program PSU. Saya kena mengkaji secara mendalam sebab tujuan kita beri PSU adalah untuk memastikan syarikat itu kekal ataupun kekal beroperasi. Maka, terus salurkan kepada pekerja itu saya kurang pasti, saya akan mengkaji. Pada masa yang sama daripada segi bantuan ERP, terus kepada pekerja mungkin boleh dilaksanakan setelah diperhalusi dan meneliti. Terima kasih.

**3. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda sebarang akta atau peraturan sedia ada kepada hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang menghina, mempersendakan atau memainkan isu-isu agama demi untuk kepentingan-kepentingan tertentu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Cameron Highlands. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasanya bertindak tegas melalui penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia bagi

melakukan tangkapan dan pendakwaan terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan menghina, mempersendakan atau memainkan isu-isu agama berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan juga Kanun Keseksaan dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Ketika ini, Kementerian Dalam Negeri berpandangan undang-undang sedia ada adalah mencukupi bagi menyedarkan pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti ini dan sebagai satu bentuk *deterrent* kepada rakyat Malaysia supaya tidak mempersendakan isu-isu sensitif seperti agama dan perkauman. Walau bagaimanapun, Kementerian dalam Negeri dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji perundangan tersebut untuk ditambah baik. Selain daripada itu, pihak polis juga akan terus melakukan pemantauan ke atas penyebaran maklumat dan tindakan segera akan diambil sekiranya terdapat elemen yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama. Ini kerana isu-isu sensitif tersebut boleh menjelaskan ketenteraman dan keharmonian rakyat jika tidak dibendung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Pada tahun 2014, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara pernah mencadangkan supaya diadakan suatu akta baharu iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Anti Diskriminasi. Pada tahun 2018, Kerajaan Barisan Nasional telah mewujudkan Akta Antiberita Tidak Benar, namun pada tahun 2019 kerajaan Pakatan Harapan telah membatalkan. Baru-baru ini, Menteri Komunikasi dan Multimedia telah menyatakan tidak perlu membawa akta itu kembali. Portfolio ini adalah portfolio Kementerian Dalam Negeri. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengembalikan Akta Antiberita Tidak Benar ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Memang betul pada asalnya Kerajaan Pakatan Harapan untuk mewujudkan Akta Kementerian Agama dan Kaum, namun begitu melalui Mesyuarat Kabinet pada 30 Januari 2019, kerajaan ketika itu telah memutuskan supaya perkara-perkara elemen-elemen yang hendak disebut di bawah Akta Kementerian Agama dan Kaum itu hendaklah diserapkan kepada akta-akta yang sedia ada seperti Akta Hasutan dan juga Kanun Keseksaan.

■1020

Jadi setakat ini pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mendengar pandangan dan akan mengambil tindakan untuk meneliti agar akta yang sedia ada ini dapat kita perkukuhkan. Terima kasih.

4. **Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan kerajaan terhadap Statut Rom dan kebarangkalian kerajaan akan bersetuju menganggotai Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam masa yang terdekat.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya atas pertanyaan yang dikemukakan.

Sebagaimana Yang Berhormat Petaling Jaya sedia maklum, Malaysia telah menyertai Statut Rom pada 4 Mac 2019. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pakatan Harapan yang terdahulu telah memutuskan pada 5 April 2019 supaya Malaysia menarik balik penyertaan negara kita ke Statut Rom tersebut.

Lanjutan daripada keputusan tersebut, Kementerian Luar Negeri telah mengemukakan surat penarikan penyertaan Malaysia ke Statut Rom kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) selaku depositori bagi triti tersebut pada 29 April 2019. Pada 15 Mei 2019, PBB telah mengesahkan penarikan balik penyertaan Malaysia daripada Statut Rom yang berkuat kuasa pada 29 April 2019 iaitu tarikh surat penarikan balik penyertaan Malaysia ke Statut Rom.

Sehubungan dengan itu, Malaysia telah dikeluarkan secara rasmi daripada senarai negara pihak kepada Statut Rom. Setakat hari ini, kerajaan masih mengekalkan pendirian yang dibuat oleh kerajaan yang lalu. Terima kasih.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, adakah kerajaan sekarang mengadakan perbincangan di tempat awam supaya kita lebih memahami tindakan yang akan diambil?

Sekiranya kita tidak menyokong Statut Rom, apakah saluran antarabangsa yang kita boleh gunakan pada masa ini untuk jenayah terhadap kemanusiaan (*crime against humanity*) dengan izinnya. Misalnya bila pesawat MAS ditembak jatuh atau bila kita memperjuangkan warganegara Palestin dan Rohingya, apakah saluran yang kita boleh gunakan jika tidak melalui Mahkamah Jenayah Antarabangsa? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sebagaimana yang saya maklumkan dan Yang Berhormat amat maklum bahawa kerajaan yang dahulu, sebagaimana saya sebutkan tadi telah pun menarik diri daripada penyertaan kepada Statut Rom. Jadi kalau kerajaan yang lalu, Yang Berhormat percaya mempunyai mandat rakyat pun tarik diri setelah memahami hasrat majoriti rakyat ketika itu, *[Tepuk]* maka sudah tentulah kerajaan hari ini yang pada saya amat memahami...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak ada mandat rakyat.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Tidak ada mandat rakyat, belum bincang lagi.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Pada saya amat memahami hasrat rakyat berbanding dengan kerajaan yang kononnya ada mandat rakyat itu... *[Tepuk]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Bukan hasrat rakyat. Itu perkauman.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahniah, tahniah.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Maka ia sudah tentulah kita....

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Perkauman. Peralatkan agama dan bangsa.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Nanti, kita ada masa di luar Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri hebat.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Jadi, kita akan memastikan bahawa tindakan kita selepas ini sudah tentulah berpandukan antara lainnya kepada apa yang rakyat Malaysia yang majoriti sebenarnya hendakkan.

Jadi, soalan berkaitan dengan saluran-saluran antarabangsa dan sebagainya itu, negara kita melalui Kementerian Luar Negeri dan lain-lain agensi sentiasa aktif di bidang antarabangsa termasuklah dalam isu-isu berkaitan dengan kes Rohingya, kes Palestin dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Hendak tahu majoriti kena buat referendum, bukan demo.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpantun;

*Gua ikan tempatnya indah,*

*Pakat mari berkelah bersama-sama,*

*Ucapan takziah untuk keluarga Allahyarham Dato' Hasbullah,*

*Yang Berhormat Menteri mohon jawab soalan saya nombor lima.*

5. **Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan apakah tindakan pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di laluan D219 Bukit Sireh-Kuala Nal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri Undang-undang hendak jawab bagi pihak?

**Menteri Alam Sekitar [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ada? Sorry, sorry. Tak nampak. Silakan. *[Ketawa]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Sorry. Terima kasih pada yang bertanya. Untuk penjelasan kepada persoalan ini, saya ingin jelaskan bahawa tragedi ataupun insiden banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Bukit Sireh, Mukim Mengkebang, Kuala Krai khususnya antara 27 November 2019 dan beberapa buah kampung yang berdekatan seperti Kampung Bukit Sireh, Kampung Chenulang, Kampung Pasir Jering, Kampung Dusun Ban, Kampung Batu Pagar, Kampung Dusun Bunut dan Kampung Kebun Pisang disebabkan oleh hujan yang lebat yang berpanjangan melebihi tiga jam berlaku di kawasan tadahan bagi lembangan Sungai Nal.

Keadaan ini telah pun menyebabkan Sungai Bedal tidak dapat menampung jumlah air larian yang banyak dan melimpah keluar ke kawasan sekitar sektor selain faktor hujan serta kawasan yang saliran yang tidak sempurna turut juga menyumbang kepada banjir tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi kerja-kerja pemuliharaan Sungai Bedal untuk mempertingkatkan kapasiti dan kadar aliran terutama semasa hujan lebat dan kerja-kerja naik taraf sistem saliran sedia ada serta kerja membina takungan banjir di kawasan tersebut.

Bagi langkah penyelesaian jangka panjang, kementerian melalui JPS telah juga memohon peruntukan dalam RMKe-12 bagi Pelan Induk Saliran Mesra Alam Kuala Krai. Sehubungan dengan itu, diharapkan semua pembangunan dapat mematuhi Pelan Induk Saliran Mesra Alam khususnya dalam kelulusan kebenaran merancang bagi mengelak tragedi banjir pada masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kekerapan banjir di kawasan tersebut melebihi lima kali setahun. Setiap kali hujan lebat pasti berlaku banjir dan ada kalanya akan memakan masa sehingga sehari untuk air surut dan laluan boleh dilalui semula.

Saya harap projek ini dapat dilaksanakan pada suku pertama dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Namun begitu, apakah pelan jangka pendek yang dicadangkan oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan masalah tersebut memandangkan musim tengkujuh bakal tiba? Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, bahawa pihak kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran kita menyediakan antara sejumlah RM5 juta ke RM10 juta setahun kepada semua kerajaan negeri untuk penyelenggaraan sungai-sungai. Jumlah yang sama juga diperuntukkan bagi penyediaan ataupun penyelenggaraan kolam-kolam takungan.

Bagi kerja-kerja pemuliharaan sungai dan mengurangkan risiko banjir, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita kementerian telah pun melaksanakan program pengorekan sungai yang telah selesai dilaksanakan pada 30 Ogos 2020 baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu juga, kita menyediakan satu peruntukan khusus bagi mengatasi masalah banjir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman juga dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, kita merangka satu strategi bagi mengatasi kawasan-kawasan yang sering kali berlaku banjir.

Mudah-mudahan kita harapkan dengan peruntukan yang telah disediakan dan perancangan di peringkat kementerian, akan dapat kita atasi masalah yang diwakilkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Merbok. Silakan.

**6. Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana kementerian dalam memperluaskan hala tuju dan liputan kesihatan mental dan tidak hanya dilihat sebagai masalah kesihatan semata-mata agar dapat mewujudkan masyarakat yang penyayang, inklusif dan berdaya tahan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Merbok. Tuan Yang di-Pertua, KKM menyedari bahawa permasalahan kesihatan mental dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial dan bukan masalah kesihatan semata-mata.

Untuk itu KKM telah bekerjasama dengan beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental dalam masyarakat khususnya dalam kalangan remaja dan belia.

Antaranya ialah Program Minda Sihat Sekolah yang melibatkan sebanyak 2,440 buah sekolah menengah dan 7,780 buah sekolah rendah. Kedua, Program PEARL ataupun digelar Program Ekspresi Anak Remaja Lestari yang memfokuskan kepada kemahiran daya tindak dan daya tahan iaitu *coping skill* dan *resilience*.

**■1030**

Ketiga, Program Siswa Sihat iaitu PROSIS di kalangan pelajar IPTA dan IPTS secara kolaborasi dengan KPT. Keempat, berkolaborasi dengan pihak KPWKM dalam pelaksanaan Program Perkhidmatan Sokongan Psikososial dan menyokong Program Cafe@Teen di setiap daerah.

Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memperluaskan hala tuju dan liputan menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat adalah dengan:

- (i) penubuhan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental sejak tahun 2011 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri dan dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang kesihatan mental dan pelbagai agensi dan bukan kerajaan;
- (ii) pewujudan Dasar Kesihatan Mental Negara yang menekankan aspek kerjasama di kalangan pelbagai agensi bagi memaksimumkan penggunaan sumber di dalam memastikan penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh dan bersepadu;
- (iii) Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental yang diusahakan untuk tahun 2020 hingga tahun 2025 oleh KKM untuk memfokuskan kepada strategi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental, kolaborasi antara agensi kerajaan, swasta dan NGO;
- (iv) talian bantuan sokongan psikososial diwujudkan oleh KKM dengan kerjasama NGO bagi meningkatkan akses terhadap liputan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial, terutama kepada membantu individu yang memerlukan sokongan semasa pandemik COVID-19;
- (v) melaksanakan Kempen *Lets Talk*, Minda Sihat TALK (*T-tell someone, A-ask for help, L-listen without judgment, K-know where to seek help*);
- (vi) pelaksanaan advokasi kesihatan mental dan pemerkasaan komuniti melalui Program KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dan Program KOSPEN Plus bagi warga bekerja;
- (vii) di seluruh Malaysia perkhidmatan kesihatan mental dilaksanakan di 1,100 klinik kesihatan di peringkat primer dan 4 institusi mental dan 66 buah hospital KKM, perkhidmatan

kaunseling dan psikologi diberikan seramai 148 pegawai yang terlatih dan mendapat tambahan seramai 200 orang yang baharu untuk diletakkan di seluruh negara; dan

- (viii) 24 juta telah diluluskan semasa pembentangan Bajet 2021 untuk Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan. Soalan tambahan.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih atas jawapan Menteri.

Saya ingin melihat kepada realitinya, sebenarnya kesihatan mental ini masih menjadi stigma dalam masyarakat. Persoalan saya, sebenarnya sejauh mana kalau kita lihat dalam carta organisasi Kementerian Kesihatan, tidak ada satu jabatan atau pun unit khusus untuk kesihatan mental.

Apakah perancangan KKM dengan struktur organisasi sedia ada ini? Sejauh manakah perancangan KKM dan keseriusan dalam Bajet 2021? Oleh kerana di dalam butiran unit psikiatri dan juga kesihatan mental, tiada pertambahan jawatan, bahkan berlaku pemotongan lebih 31 juta. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah stigma terhadap kesihatan mental, kita usahakan melalui penerangan dan penjelasan setiap kali kita melaksanakan Program Hala Tuju Kesihatan Mental. Di kementerian kita ada unit khas sebenarnya yang mengendalikan kesihatan mental, *substance abuse*, keganasan rumah tangga di bawah pegawai ataupun pengarah kawalan penyakit.

Sebenarnya untuk tahun 2021, bajet diberikan 24 juta. Ia merangkumi program-program khusus. Boleh senaraikan. Saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis senarai program untuk 2021. Walau bagaimanapun, tidak ada penurunan peruntukan kepada kementerian untuk kesihatan mental, malahan RM24 juta yang diberikan kepada kita untuk 2021 adalah merupakan satu daripada inisiatif menambah baik hala tuju kesihatan mental dan juga menambah fasiliti serta sumber manusia kesihatan mental KKM. Terima kasih.

**7. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status pelaksanaan Pelan Holistik Penguatkuasaan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang dirangka untuk jangka masa lima tahun bagi membanteras kebanjiran PATI di negara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa menitik beratkan isu pendatang asing

tanpa izin (PATI) di negara ini yang memerlukan strategi pemberantasan secara berterusan. Justeru, sebagai langkah memperkuatkuhkan tadbir urus dan menambah baik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada, KDN sedang memperhalus pelan strategik penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

Oleh itu, pihak KDN telah melaksanakan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI bagi 5 tahun merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI ke negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik antara pelbagai kementerian dan agensi. Antara lain yang hendak saya nyatakan bahawa lima strategi utama iaitu:

- (i) strategi perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI;
- (ii) strategi kawalan sempadan dan pintu masuk;
- (iii) strategi pengurusan pekerja asing;
- (iv) strategi operasi penguatkuasaan PATI; dan
- (v) strategi media dan publisiti.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah meningkatkan imej penyampaian perkhidmatan awam, terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan dengan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan agensi penguatkuasaan lain, terutamanya Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warga asing. JIM akan juga turut melibatkan kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jawatankuasa pembangunan dan keselamatan kampung serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Selain itu, bagi memantau pelaksanaan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang dilancarkan, kementerian turut menubuhkan Jawatankuasa Induk Penguatkuasaan PATI yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang akan bersidang sebanyak empat kali setahun. Baru-baru ini, pihak Yang Berhormat Menteri juga telah memperkenalkan bagi mengukuhkan dan menyokong pelaksanaan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI. Pelan tersebut iaitu Pelan Rekalibrasi PATI yang bertujuan untuk menyelaraskan pendatang PATI melalui pendaftaran maklumat oleh PATI dan majikan yang terlibat. Oleh itu, untuk keterangan lanjut bolehlah Yang Berhormat membuat pertanyaan ke Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, soalan tambahan. Silakan.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas barisan hadapan di sempadan negara yang bertungkus-lumus mengawal sempadan negara daripada pencerobohan PATI sepanjang tempoh PKP ini.

Berbalik kepada isu PATI. Saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kementerian mengenai aspek perundangan dan dasar sedia ada kerana ia terdapat dalam salah satu strategi pelan holistik tersebut. Soalannya, apakah aspek-aspek utama yang akan diberikan perhatian, khususnya berkenaan dengan perundangan dan dasar yang akan digubal kelak oleh pihak kementerian bagi mengisi sebahagian daripada strategi Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat kerana memberikan pengiktirafan dan terima kasih kepada barisan hadapan yang menguatkuasakan supaya pintu-pintu masuk sempadan negara kita selamat daripada pembolosan PATI ke dalam negara kita.

#### ■1040

Memang menjadi tanggungjawab KDN dan JPM untuk melibatkan bagi menguatkuasakan dan juga meneliti undang-undang dan peraturan yang sedia ada, pihak KDN telah berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam perbincangan pindaan Akta Imigresen 1959/63 khusus bagi aspek perundangan pada 24 hingga 26 September 2020. Saya percaya hasil perbincangan tersebut akan kita perinci dan perhalusi untuk kita menggubal satu peraturan dan undang-undang untuk kita memperkuatkan dan memperketatkan hukuman yang sedia ada kepada PATI dan juga majikan yang terlibat. Terima kasih.

**8. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah RFP untuk pembinaan Jambatan Labuan-Sabah secara PFI akan diteruskan ataupun pembinaan tersebut akan dibuat dengan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan memandangkan ianya adalah perkara pertama yang dijanjikan di dalam manifesto Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dalam Pilihan Raya Negeri Sabah ke 16 baru-baru ini.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih pada Yang Berhormat Labuan yang bertanyakan soalan yang sangat relevan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, suatu Kertas Memorandum Jemaah Menteri telah pun dikemukakan pada bulan lepas yakni pada 9 September

2020 untuk memohon kelulusan bagi pembinaan jambatan Labuan ke Sabah dipersetujui. Sukalah saya maklumkan, Kabinet telah pun memberikan persetujuan agar cadangan pembinaan jambatan tersebut dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya dalam tindakan memuktamadkan terma-terma rujukan untuk melaksanakan proses *request for proposal*. Cadangan pembinaan jambatan Labuan ke Sabah akan dilaksanakan secara kerjasama awam swasta yakni *public private partnership* menggunakan kaedah penswastaan ataupun *private finance initiative* ataupun PFI.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek secara kerjasama awam swasta adalah bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan sektor swasta di samping mengurangkan bebanan kewangan dan untuk memastikan pelaksanaannya memberikan nilai faedah terbaik kepada kerajaan dan memastikan pelaksanaan projek tersebut berjalan dengan sempurna maka ia akan dilakukan secara telus melalui bidaan bersaing ataupun *competitive bidding* dengan menjemput *request for proposal*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan soalan tambahan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Dalam keadaan sekarang, menarik pelabur untuk projek usaha sama Jambatan Labuan-Sabah tersebut adalah agak mencabar. Adakah kementerian atau Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menyediakan tanah di Kuala Lumpur atau Klang Valley untuk *land swap* dan menyatukannya dengan RFP untuk Pelabuhan Bersepadu Labuan yang baru untuk menjadikan projek ini lebih komprehensif dan berdaya maju.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita menerima banyak *request* dan cadangan awal sama ada kepada kementerian ataupun juga pada Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan kepada ramainya syarikat-syarikat yang ingin menawarkan syor dan cadangan mereka, kita berkeyakinan, proses RFP ini akan mendapat sambutan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya faham sebagai wakil rakyat bagi Labuan, mungkin Yang Berhormat ingin mengetahui sedikit sebanyak tentang *timeline* yang telah disusun.

Kita mengharapkan terma-terma rujukan RFP ini yang sedang disiapkan sekarang akan dapat dikemukakan kepada syarikat yang berminat dengan *timeline* sebelum hujung tahun ini, pembentangan oleh syarikat-syarikat yang berminat berdasarkan kepada terma awal yang disediakan. Selepas itu, tempoh kira-kira enam ke lapan bulan akan digunakan untuk menyiapkan dokumen-dokumen RFP secara terperinci bagi membolehkan pembidaan-pembidaan dilakukan sepenuhnya.

Pada menjelang September suku tahun ketiga tahun hadapan, pembidaan akan dibuat penilaian oleh pihak UKAS dan dijangkakan menjelang Oktober kita dapat memuktamadkan kaedah manakah yang akan dipakai dan syarikat mana yang akan diberi peluang untuk membina jambatan tersebut. Terima kasih.

**9. Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menilai semula pemberian insentif kepada petani yang telah diberhentikan oleh kerajaan terdahulu sebanyak RM600.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Jerai memang merupakan seorang wakil rakyat yang sangat prihatin dan sensitif terhadap kepentingan dan kebijakan para petani khususnya para pesawah.

Insentif kepada petani yang telah diberhentikan oleh kerajaan terdahulu sebanyak RM600 yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jerai adalah merupakan bantuan kepada pesawah, bukannya kepada semua petani. Bantuan ini adalah untuk sementara pesawah menunggu hasil tuaian. Ia dilaksanakan pada tahun 2018 dengan bantuan meliputi wang tunai sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh selama tiga bulan yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM600. Memandangkan ianya adalah bantuan secara *one-off* untuk tahun tersebut sahaja, ianya tidak akan diteruskan. Terima kasih.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya tidak nampaklah untuk program ini ataupun insentif ini dihentikan dengan keadaan para petani kita sekarang terlibat dengan benih padi yang melambung tinggi dan sebagainya. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi insentif baru bagi mengurangkan kos sara hidup petani dalam tempoh PKPB ini? Sekian.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]:** Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun bantuan insentif sebanyak RM600 ini tidak diteruskan, kebijakan pesawah sentiasa dijaga melalui subsidi dan insentif yang berterusan kepada pesawah. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion setiap tahun bagi industri padi dan beras di bawah pelbagai program subsidi dan insentif seperti berikut:

- (i) Subsidi Baja Padi, Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Insentif Pengeluaran Padi;
- (iii) Insentif Benih Padi Sah;
- (iv) Skim Subsidi Harga Padi; dan
- (v) Subsidi Baja dan Racun Padi iaitu padi bukit dan padi huma.

Jadi, pelaksanaan program input dan output pertanian bersubsidi berkaitan industri padi dan beras ini juga akan diteruskan pada tahun 2021 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.57 bilion berbanding RM1.55 bilion pada tahun 2020. Peruntukan tersebut adalah, peruntukan ini adalah munasabah, mengambil kira pelbagai penambahaikan industri padi dan beras yang sedang dilaksanakan oleh kementerian pada masa ini. Terima kasih.

**10. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kemajuan terkini projek Laluan Rel Pantai Timur atau '*East Coast Rail Link*' (ECRL) dan apakah keputusan jajaran yang akan digunakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan amat komited untuk memastikan projek ECRL ini dilaksanakan mengikut jadual dan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat secepat mungkin. Komitmen ini dibuktikan apabila sehingga 31 Oktober tahun ini, pembinaan keseluruhan projek ini telah mencapai kemajuan sebenar sebanyak 19.09 peratus berbanding jadual sebanyak 18.3 peratus iaitu mendahului jadual sebanyak 0.79 peratus.

Bagi Seksyen A iaitu dari Kota Bharu ke Dungun, skim kereta api telah diluluskan pada 14 Mei tahun ini merangkumi pembinaan enam buah stesen iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Dungun. Kelulusan ini adalah bertepatan dengan program kerja penyediaan tapak yang telah dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2020 lalu iaitu tahun ini.

#### ■1050

Pada masa ini kemajuan kerja fizikal telah mencapai sebanyak 0.16 peratus *ahead of schedule*. Kerja-kerja fizikal juga sedang giat dilaksanakan di seksyen B iaitu jajaran daripada Dungun ke Temerloh sejak disambung semula pada Julai 2019, kemajuan kerja fizikal di seksyen ini telah mencapai sebanyak 5.93 peratus berbanding jadual sebanyak 4.07 peratus mendahului jadual sebanyak 1.86 peratus merangkumi kerja-kerja tanah dan pembinaan terowong di Dungun, Paka dan Kuantan.

Kerja-kerja awalan bagi pembinaan terowong di Gambang, Sri Jaya, Gedung Siam dan Paya Pasir telah pun dimulakan. Kerja-kerja pembinaan dijangkakan akan bermula di 101 lokasi di sepanjang seksyen A dan B menjelang penghujung tahun 2020 ini. Bagi seksyen C pula iaitu daripada Temerloh ke Pelabuhan Klang, kerajaan sedang mengkaji jajaran terbaik bagi memastikan ECRL memberi impak ekonomi yang

maksimum apabila disiapkan kelak. Jajaran yang terbaik dan memberi impak maksimum kepada rakyat akan diumumkan apabila kajian tersebut sudah dilengkapi.

Dalam hal ini adalah penting ECRL dipastikan tersambung secara strategik dengan jaringan logistik rel kebangsaan. Kelebihan logistik ini akan dicapai tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan penumpang sekali gus menjadikan ECRL sebagai pemangkin ekonomi dan pekerjaan bagi kawasan di sepanjang jajaran-jajaran ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Buat sementara kita tolak politik di tepi demi kemakmuran bersama.

Hulu Selangor setuju sekiranya kerajaan kaji balik dengan jajaran asal khususnya di Hulu Selangor, Serendah, negeri Selangor kerana ia dilihat projek mega ini adalah pemangkin sosioekonomi menaikkan nilai harta tanah, menaikkan peluang pekerjaan dan juga merangsang ekonomi, ekopelancongan. Hulu Selangor setuju juga Yang Berhormat Pasir Salak dalam perbahasan iaitu memberi kelonggaran syarat kepada kontraktor tempatan supaya aliran wang masih kekal di negara kita.

Ingin saya— jika silap tolong betulkan. Jika rujuk pada Belanjawan 2021, Hulu Selangor tidak jumpa butiran pembangunan projek mega ini dan adakah projek ECRL akan diteruskan pada tahun hadapan sedangkan negara kita masih berusaha untuk memerangi pandemik COVID-19. Jika ya, apakah justifikasi projek ini tetap diteruskan? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Projek ini akan diteruskan sebab *construction* sudah bermula ya dan sudah pastinya memang ada peruntukan untuk meneruskan projek ini terutama seksyen A dan B yang sudah pun bermula. Saya ucapkan terima kasih atas permohonan Yang Berhormat Hulu Selangor persetujuan ini untuk melalui Selangor ini sebab Kerajaan Negeri Selangor pun memang memohon ya untuk laluan ini melalui Serendah menuju ke *Port Klang* ya.

Jadi, saya dari segi penglibatan kontraktor bumiputera dan sebagainya, saya boleh nyatakan di sini memang dalam kontrak ini *it is* penglibatan kontraktor tempatan adalah telah disebutkan dalam perjanjian EPCC ini. Di klausula 38.1 menyatakan pihak CCC perlu berusaha untuk memberikan sub kontraktor sebanyak 40 peratus daripada kerja-kerja sivil tidak termasuk kerja terowong pada kontraktor tempatan ya. Skop ini mewakili sebanyak 48.9 peratus daripada keseluruhan projek yang bernilai 21.49. Ini untuk kontraktor daripada negara kita. Terima kasih.

11. **Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang mengambil pendekatan yang lebih tegas seperti dilakukan oleh Kerajaan Filipina, Vietnam dan Indonesia bagi mengatasi masalah pencerobohan kapal Pengawal Pantai China yang menceroboh Beting Patinggi Ali dan menggugat kedaulatan negara memandangkan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan pada masa ini menerusi nota protes diplomatik gagal membawa kepada penyelesaian yang efektif.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin bin Jaffar]:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Arau yang membangkitkan sekali lagi isu berkaitan dengan Beting Patinggi Ali. *[Ketawa]* Ini satu tajuk yang amat diminati dan konsisten di pihak Yang Berhormat Arau yang saya yakin menandakan sifat beliau yang amat cinta kepada negara kita dan begitu juga sifat beliau yang sentiasa menyokong kerajaan yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tegas dalam komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan dan hak kedaulatannya di dalam perairan negara termasuk di Laut China Selatan. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks berikutan tuntutan-tuntutan bertindih. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

Dalam hal ini, Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Pendirian negara juga telah disuarakan secara konsisten di platform-platform antarabangsa dan serantau seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga di peringkat Asia.

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa sesi pertemuan di antara Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita dengan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China pada 13 Oktober 2020 yang baru lalu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyuarakan sekali lagi pendirian Malaysia iaitu kepada pihak negara China. Pihak Republik Negara China juga bersetuju supaya isu berkaitan Laut China Selatan ini diselesaikan secara diplomasi bagi mengelakkan sebarang ketegangan dan ketidakstabilan di rantau ini.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita dan juga pihak Republik Rakyat China turut mengeluarkan kenyataan bersama berhubung perkara ini sejurus selepas sesi pertemuan tersebut. Pendirian Malaysia juga telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-37

baru-baru ini dan sidang kemuncak berkaitan pada 12 hingga 15 November 2020 yang lepas.

Kementerian bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dan memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan untuk memastikan hak kedaulatan dan kepentingan negara secara terpelihara.

Saya ingin menegaskan juga dalam Dewan yang mulia ini bahawa Nota Bantahan Diplomatik merupakan salah satu kaedah di mana negara menyuarakan bantahan atau pendirian kepada negara asing berhubung dengan sesuatu isu yang spesifik dan ia bukanlah mekanisme dengan izin *dispute settlement* walaupun demikian, ia memberi bukti yang jelas bahawa Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan dan tindakan oleh pihak Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang agak panjang dan ia berulangan sebagaimana Yang Berhormat Arau maklum, berkaitan dengan apa yang kita telah lakukan di peringkat antara dua hala dan juga di peringkat negara-negara ASEAN untuk memastikan bahawa keadaan di Laut China Selatan itu akan terpelihara dan akan diselesaikan melalui konsep dan kaedah diplomasi dan sebagainya. Jadi, saya mungkin dapat berikan kepada Yang Berhormat Arau yang bertulis jawapan selanjutnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih. Saya tidak akan berhenti menyebut perkara ini pada sekarang sampai bila-bila saya jadi Ahli Parlimen pun saya akan menyebut perkara ini sebab tidak ada penyelesaian yang dibuat ya.

Saya minta satu yang pertama perkataan bertindih. Ini bukan tuntutan bertindih. Ini adalah pencerobohan. Bertindih ini kalau di atas sempadan, *border*. Ini bukan atas sempadan, ini ialah sejauh 80 kilometer dari Sarawak. Sempadan kita 200 batu nautika. Jadi 200 batu nautika dan 80 kilometer itu adalah satu yang berbeza.

Oleh sebab yang pertama, China tidak mengiktiraf UNCLOS. Dia tidak iktiraf UNCLOS. Sebab apa? Dia telah dibawa ke Mahkamah Antarabangsa oleh Filipina dia tolak dia tidak terima UNCLOS. Dia tak terima semua sempadan antarabangsa, dia tidak setuju dengan *dotted line* untuk sempadan. Dia setuju dengan *nine-dash line*. Jadi, dia sudah tak setuju semua jadi apa yang kita buat? Jadi Yang Berhormat telah menjawab tadi tuntutan bertindih. Tidak ada tuntutan bertindih. Ini ialah pencerobohan.

#### ■1100

Yang keduanya ialah APMM, APM dan Tentera Laut menjalankan penguatkuasaan. Tidak ada penguatkuasaan. Yang ada hanya mereka pergi tengok.

Jadi sekarang ini kita hendak satu tindakan yang tegas seperti yang dibuat oleh Indonesia, Vietnam dan *Phillipines*. Walaupun ada sedikit pertempuran kecil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekurang-kurangnya mereka sudah tidak menghadirkan diri di sana. Jadi apakah tindakan tegas di samping jawapan bertulis yang diberi oleh pihak pegawai. Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri – pernahkan Yang Berhormat pergi ke Beting Patinggi Ali? Pernahkah mana-mana Menteri atau Timbalan Menteri pergi ke Beting Patinggi Ali? Pergi tengok di sana dan boleh jawab di sini. Tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Arau. Yang saya boleh laporkan kepada Dewan yang mulia ini semasa beliau menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pergi ke Beting Patinggi Ali. *[Dewan ketawa]* Oleh itu menandakan beliau telah memberikan khidmat kepada negara kita semasa itu dengan amat baik sekali.

Saya ingin merujuk khusus kepada apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi, berkaitan dengan sikap dan dasar negara China, yang mengikut Yang Berhormat antaranya tidak menerima *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS). Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini kepada apa yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi iaitu merujuk kepada dengan izin *Joint Press Statement by Foreign Minister Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein and State Councilor and Foreign Minister of the People's Republic of China, Wang Yi* pada 13 Oktober 2020, di Kuala Lumpur.

Antara kenyataan yang panjang itu, ada satu para yang saya dengan izin baca secara ringkas dalam bahasa Inggeris; “*Both sides underscored the importance of maintaining peace, security and stability, as well as freedom of navigation in and overflight above the South China Sea. Both sides emphasized the need for sovereign states directly concerned to pursue peaceful resolution of disputes through friendly consultations and negotiations, in accordance with the universally recognized principles of international law...*”, dan saya tambah dalam teks ini, “...*Including the 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea.*”

Jadi tanpa memanjangkan lagi kenyataan yang panjang ini, kalau berdasarkan kepada kenyataan bersama di antara Menteri Luar Negeri kita dengan Menteri Luar Negeri Republik China, ini menunjukkan bahawa kenyataan bersama yang ditandatangani bersama ini bermaksud iaitu negara Republik China mengiktiraf *the 1982 UNCLOS* itu. Jadi kita bermula di situ, kita berpegang di situ dan *insya-Allah*

kementerian dan kerajaan kita akan mengekalkan usaha-usaha kita untuk memastikan negara dan wilayah kita tidak dicabar oleh mana-mana pihak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey. Terima kasih, saya terima jawapan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Arau jadi Menteri Pertahanan lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan bagi hari ini. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat semua.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **USUL**

#### **MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)**

**12.03 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua:

“Tanpa menghiraukan usul terdahulu berkenaan sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada Khamis, 5 November 2020 dan menurut Peraturan Mesyuarat 90(2), serta dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk menghentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 25(5A), 24A(5) dan 24A(7) bagi membolehkan sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri dipendekkan kepada 10 minit yang mana Ahli yang mengeluarkan pertanyaan akan dipanggil untuk membaca pertanyaannya dan jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dengan tiada pertanyaan tambahan, mulai pada hari Khamis, 19 November 2020 sehingga Selasa, 15 Disember 2020.”

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit penerangan. Peraturan Mesyuarat 24(5A)?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya. 24(5A) iaitu 30 minit untuk pertanyaan Menteri tetapi dipendekkan kepada 10 minit. manakala 24A(5) iaitu 10 minit satu soalan tetapi kesemuanya dirangkumkan 10 minit untuk tiga soalan. Bezanya Menteri akan menjawab di sini, tidak secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, disokong oleh Yang Berhormat Ampang tadi ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Minta penjelasan sedikit boleh Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua? Sini. Boleh saya minta sedikit penjelasan? Saya hendak tanya pertama sama ada perubahan ini telah dipersetujui oleh semua *Whip party* dan kedua saya hendak tanya – dalam pandangan saya, kita tidak perlu Menteri datang sini untuk baca jawapan untuk kita, kalau soalan tambahan tak diizinkan. Ini kerana kita sendiri boleh baca daripada portal. Kalau mereka datang sini untuk baca untuk kita, / *think that is only a show*, dengan izin.

Jadi saya rasa kalau hendak baca soalan di sini, lebih baik sekurang-kurangnya izinkan kita untuk hendak bangkitkan satu soalan tambahan. Ini permintaan saya. Kalau hendak datang sini untuk baca yang sudah lama disediakan, sudah terlebih dahulu disediakan oleh kakitangan kerajaan, saya rasa tak perlulah. Kita sendiri boleh baca hal-hal dari portal.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjelaskan. Untuk makluman Yang Berhormat Kulai, semalam Yang Berhormat Kota Melaka bangun untuk mencadangkan dengan izin, *instead of* hanya baca soalan jawapan bertulis, Yang Berhormat Kota Melaka meminta Dewan mempertimbangkan soalan dibaca, jawapan diberikan *on the spot*. Itu yang telah dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu cadangan daripada pembangkang sendiri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi sekarang, saya minta jasa baik Tuan Yang di-Pertua juga, izinkan satu soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu tidak diminta pun oleh – Yang Berhormat Kota Melaka minta satu, kita beri satu lah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Okey lah sekarang Kulai juga kemukakan permintaan, boleh tak? Janganlah pilih kasih, perlulah....

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tidak ada pilih kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Kota Melaka kalau izinkan, saya rasa permintaan daripada Kulai juga boleh dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kita sudah...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang diminta telah diberikan, Yang Berhormat. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

#### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[17 November 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin menyambung perbahasan rang undang-undang ini.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta celahan sedikit? Sekarang sebab tidak ada cukup masa untuk semua Ahli Parlimen berucap di dalam Dewan ini, saya ingat Timbalan Yang di-Pertua telah buat satu keputusan bahawa yang tidak ada masa atau tidak ada kebenaran untuk berucap boleh berikan ucapannya melalui kertas (*paper*).

Akan tetapi adakah ini akan dimasukkan ke dalam *Hansard*? Adakah ini yang kita beri oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat yang tidak ada masa untuk berucap di dalam Dewan, yang kita beri nota ini akan dimasukkan di dalam *Hansard* sebagai ucapan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kena perhalusi benda itu sama ada ia boleh dibuat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Kalau tak ada, tak ada guna untuk kita beri nota kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlu nasihat undang-undang. Biar saya perhalusi benda itu ya. Terima kasih. Saya ingin jemput Yang Berhormat Tuaran. Dipersilakan. Masa yang diperuntukkan hari ini oleh sebab ramai lagi hendak bercakap, saya peruntukkan 10 minit. Akan tetapi kita fleksibel ya. Silakan Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah bersedia untuk berucap sejak semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya telah bersedia untuk 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

#### **11.09 pg.**

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Tuaran untuk turut membahaskan Bajet 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Jumaat 6 November yang lalu.

Sebelum meneruskan ucapan, izinkan saya mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berhormat Datuk Hasbullah bin Osman, Ahli Parlimen Gerik yang kembali ke rahmatullah pada hari Isnin.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada ketika menolak cadangan Perdana Menteri mengisyiharkan darurat telah bertitah memberi peringatan kepada ahli-ahli politik untuk menghentikan segera segala *politicking* yang boleh mengganggu kestabilan pemerintahan negara. Peringatan Tuanku tersebut dibuat pada ketika negara bukan sahaja berhadapan dengan krisis kesihatan, krisis ekonomi, tetapi juga krisis politik. Namun Tuaran melihat cadangan kerajaan untuk memperuntukkan sebanyak RM85.5 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) sebagai suatu langkah yang bukan sahaja menggalakkan *politicking* tetapi ini juga adalah satu percubaan untuk menggunakan duit pembayar cukai untuk digunakan untuk kegiatan politik.

#### **■1110**

Sejajar dengan peringatan Tuanku, Tuaran meminta kerajaan supaya memansuhkan sahaja JASA dan seterusnya peruntukan RM85.5 juta tersebut diagih-agihkan ke negeri-negeri yang sangat memerlukan peruntukan pembangunan.

Seterusnya, Tuaran meminta supaya sebanyak 50 peratus atau RM42.25 juta daripada peruntukan tersebut diberikan khas kepada Sabah memandangkan Sabah masih berisiko menjadi Wuhan atau Milan bagi Malaysia. Ini disebabkan sebanyak 49

peratus daripada jumlah kes COVID-19, apabila dikira selama enam hingga lapan minggu sejak September, sebanyak 34 peratus kematian dan sebanyak 56 peratus daripada semua kes aktif di Malaysia adalah daripada Sabah.

Tambahan lagi, sempadan Sabah begitu senang dibolosi oleh PTI untuk masuk ke Sabah seperti mana bermulanya Kluster Benteng di Lahad Datu pada 1 September 2020 yang dimulakan dengan dua PTI daripada Filipina. Keadaan ini sangat membimbangkan sebab COVID-19 masih menular di kedua-dua negara jiran kita.

Kita sangat prihatin dengan keadaan ini kerana prasarana kesihatan dan perubatan di Sabah yang jauh terkebelakang berbanding dengan negeri-negeri dan wilayah yang lain di Malaysia. Contohnya, Sabah mempunyai bilangan katil hospital yang paling rendah, terlalu sedikit bilangan kakitangan profesional untuk mengendalikan prasarana kesihatan dan menerima peruntukan untuk menaiktarafkan kesihatan yang paling rendah. Pendek kata, selama ini Sabah tidak diberi keutamaan dalam pemberian peruntukan kesihatan.

Selain itu, Sabah juga perlu mempertingkatkan *connectivity internet* untuk membolehkan pendidikan secara *online* dapat dikendalikan tanpa gangguan di samping menaiktarafkan jalan-jalan luar bandar terutama sekali jalan raya menuju ke sekolah-sekolah. Sabah juga perlu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk belia dan graduan.

Sabah menerima di antara sebanyak 4,000 hingga 7,000 sampel untuk ujian COVID-19 sehari sedangkan kapasiti tiga makmal ujian peringkat PCR hanya mampu mengendalikan sebanyak 2,500 sampel sehari iaitu sebanyak 2,000 sampel di Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, 400 sampel sehari di Hospital Queen Elizabeth I dan 100 sampel sehari di UMS. Selebihnya dihantar ke makmal-makmal di Semenanjung dan menggunakan penerbangan angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Tuaran juga dimaklumkan oleh pengkaji sosioekonomi Sabah bahawa ketika ini kadar pengangguran di Sabah sudah meningkat sebanyak 10 peratus hingga 14 peratus malah sudah mencecah sebanyak 20 peratus di kalangan belia dan sebahagian besar daripadanya adalah graduan.

Dalam hal prasarana pendidikan pula, daripada lebih 2,000 buah bangunan sekolah rendah dan sekolah menengah, sebanyak 908 buah sekolah tidak ada *Occupation Certificate (OC)*, sebanyak 446 buah sekolah daif, sebanyak 52 buah sekolah disahkan oleh JKR sebagai tidak selamat dan sebanyak 150 buah sekolah tidak ada *land title*.

Untuk mengatasi kadar pengangguran yang tinggi di Sabah pada masa ini, kerajaan harus mendengar dengan teliti cadangan daripada pelbagai pihak termasuk daripada NGO. Contohnya, Persatuan SME Sabah mencadangkan supaya satu

program *mobile truck* dilaksanakan dengan kerjasama NGO dan agensi kerajaan di mana mereka memerlukan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk tujuan tersebut dan akhirnya akan memberikan manfaat kepada lebih 100 orang usahawan di pelbagai lapisan.

Atas sebab itulah, Tuaran meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya meneruskan pemansuhan JASA dan seterusnya berbincang dengan kami Ahli-ahli Parlimen bagaimana sebaik-baik mungkin peruntukan tersebut dapat dimanfaatkan.

Tuaran yakin rakan-rakan Ahli Parlimen daripada Sabah bersama-sama Tuaran untuk menyatakan bahawa kita lebih yakin dengan Kerajaan Sabah untuk membelanjakan duit sebanyak RM42.25 juta itu untuk pembangunan daripada digunakan oleh JASA untuk tujuan berpolitik. Cadangan Tuaran ini mendapat sokongan kuat daripada pemimpin-pemimpin masyarakat luar akar umbi di Sabah seperti mana yang mereka telah menzahirkan dalam petisyen meminta kerajaan supaya memansuhkan JASA. Kepada rakan-rakan Ahli Parlimen daripada negeri lain seperti Sarawak boleh mencadangkan bagaimana selebihnya RM42.25 juta harus dibelanjakan untuk kepentingan rakyat negeri masing-masing.

Selain daripada keperluan peruntukan yang sangat mendesak di Sabah, keputusan Kerajaan Persekutuan untuk kembali kepada kadar RM26.7 juta setahun dalam pemberian geran khas kepada Sabah, padahal Kerajaan PH yang lalu sudah pun menambah peruntukan tersebut kepada RM53.4 juta setahun seperti mana yang telah dinyatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Penampang.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada pihak yang melihat jumlah RM42.25 juta itu kecil. Namun, peruntukan ini mencukupi untuk pembelian aset untuk uji kaji kuman COVID-19 yang dianggarkan sebanyak RM10 juta satu peralatan dan tentunya boleh membantu menyelesaikan masalah penggunaan pesawat TUDM untuk menghantar sampel dari Sabah ke Semenanjung setiap hari.

Harus diingat bahawa penggerak utama ekonomi Sabah ialah masih lagi sektor pelancongan. Oleh itu, untuk memulihkan sektor ini, keupayaan uji kaji COVID-19 dengan pantas, cepat dan *accurate* sangatlah diperlukan. Saya difahamkan pada ketika ini, pihak jabatan kesihatan lebih menumpukan perhatian dalam perolehan peralatan *consumable* seperti PPE dan sebagainya. Minta peruntukan sebanyak RM5 juta, dia beri sebanyak RM10 juta. Akan tetapi, tidak pula as *generous* memberikan peruntukan untuk pembelian aset seperti *equipment*, pembinaan makmal dan pengambilan kakitangan profesional secara kontrak untuk Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keperluan seperti mana yang saya telah huraikan sebentar tadi, sebahagian besar daripada wang tersebut boleh juga digunakan

untuk membiayai penyelidikan untuk mengenal pasti golongan dalam masyarakat yang terkesan teruk oleh pandemik COVID-19. Penemuan penyelidikan ini boleh digunakan untuk merumuskan program bantuan untuk dilaksanakan secara bersasar (*targeted-based assistance*).

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mendengar dengan teliti cadangan dan permintaan kami ini supaya berunding dengan Ahli Parlimen dan mengubah bajet ini seperti yang kita cadangkan. Jangan nanti Bajet 2021 ini tidak dapat diluluskan pada peringkat bacaan kali kedua. Kita sama-sama prihatin dengan keperluan kewangan untuk menangani krisis yang melanda negara ketika ini. Namun begitu, elok sangatlah kita berunding. Kalau boleh sehingga kita berjaya mencapai menandatangani *Confidence and Supply Agreement (CSA)* sepetimana yang diamalkan di banyak negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuaran ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan di Dewan yang mulia ini yang turut bersimpati dengan kedudukan pembangunan Sabah yang termiskin. Jauh terkebelakang berbanding dengan wilayah dan negeri-negeri lain dalam pelbagai aspek seperti jalan-jalan luar bandar yang sangat perlu untuk dinaiktarafkan dan prasarana pendidikan yang perlu di baik-pulih, bekalan air terawat, bekalan elektrik dan pembelian serta pembinaan aset kesihatan yang sangat mendesak pada ketika ini. Tuaran berharap kerajaan mengambil tindakan terhadap semua pandangan tersebut dan bukan setakat memandang ke arah Sabah semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini juga harus memahami bahawa sudahlah terkebelakang daripada pembangunan, rakyat tulen Sabah pula terpaksa berkongsi perkhidmatan tersebut dengan lebih satu juta PTI yang mendapat kad pengenalan secara rasuah. Fakta kependudukan ini mudah dilihat apabila kita membuat perbandingan perangkaan Banci Penduduk Sabah Tahun 1980, Tahun 1990, Tahun 2000 dan Tahun 2010 dengan negeri lain seperti Sarawak.

Contoh, dalam Banci Penduduk Tahun 1990, penduduk Sabah hanya seramai 929,299 orang berbanding dengan seramai 1,235,553 orang bagi Sarawak. Pada 30 tahun kemudian, pada tahun 2010, penduduk Sabah menjadi seramai 3,206,946 orang berbanding dengan hanya seramai 2,471,140 orang bagi Sarawak. Pertambahan penduduk Sabah ialah seramai 2,277,643 orang manakala Sarawak hanya 1,235,507 orang pada tempoh yang sama.

Bagaimakah pertumbuhan penduduk yang sangat luar biasa ini boleh berlaku? Jawapannya boleh kita ambil daripada keterangan Encik Jabar Khan Napi semasa Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007. Tuan Yang di-Pertua boleh membacanya dalam *Hansard*

Parlimen. Encik Jabar Khan yang telah ditahan di bawah ISA kerana keterlibatannya dalam kegiatan khianat tersebut.

Perbuatan terkutuk inilah yang menyebabkan orang tulen Sabah bertambah miskin kerana terpaksa berkongsikekayaan dengan PTI. Hari ini, GDP per kapita Sabah hanya sebanyak RM25,000 berbanding dengan RM45,000 untuk Malaysia atau sebanyak RM53,000 untuk Sarawak. Jika satu juta *fake citizen* tersebut tidak dimasukkan dalam jumlah penduduk Sabah, maka sepatutnya GDP per kapita melebihi sebanyak RM30,000.

#### ■1120

Oleh itu, Tuaran meminta supaya kad-kad pengenalan yang telah diberikan secara rasuah kepada *fake citizens* hendaklah dibanteras secara tuntas dengan cara menukar kad-kad pengenalan yang ada sekarang di seluruh negara dan diganti dengan baharu yang didigitalkan. Ini termasuklah mengambil data-data peribadi yang lebih terperinci seperti *thumbprint* supaya penyangak-penyangak serta pengkhianat-pengkhianat termasuk pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara yang telah bermaharajalela melakukan rasuah selama ini dapat dibanteras secara tuntas.

Tuaran juga sangat prihatin dengan Laporan Ketua Audit Negara 2018 yang mana telah menyatakan sebanyak 100,000 orang pelancong dari negara China dan India telah datang ke Malaysia dan selepas itu tiada rekod keluar dari Malaysia. Selepas itu, pada 12 September 2019, enam orang termasuk pegawai Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang telah ditangkap kerana didakwa menjual MyKad. Setakat hari ini belum ada penjelasan daripada kerajaan tentang laporan Ketua Audit Negara tersebut. Saya mohon agar sahabat saya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dapat memberi penjelasan menyeluruh tentang perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, insiden seperti ini penting untuk diambil tindakan. KDN tidak boleh berdiam diri dan sistem penyampaian kewarganegaraan dalam semua jabatan yang terlibat perlu disusun semula supaya tidak ada lagi lompong yang memungkinkan kegiatan rasuah oleh mana-mana pihak. Tuaran juga menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa rekomendasi yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah belum lagi diambil tindakan sehingga pada hari ini.

Rakyat Sabah tertanya-tanya, apakah yang sangat ditakuti oleh kerajaan sehingga gagal melaksanakan rekomendasi tersebut walaupun sudah enam tahun dibentangkan di Dewan yang mulia iaitu pada Disember 2014. Penyelesaian tuntas terhadap ini perlu disegerakan demi masa depan Sabah yang bersatu-padu, harmoni dan makmur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Setiu, silakan.

### 11.22 pg.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca sepotong doa]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada Setiu untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman yang telah pulang ke rahmatullah pada petang semalam. Saya mengenali beliau sebagai seorang yang peramah, suka bertukar pendapat dan sering mengutarakan idea dan pendapat yang bernes dalam perbahasan Dewan. SPNB di bawah kepimpinan beliau sebagai pengurus sempat menguar-uarkan iklan permohonan baru Projek Perumahan Mesra Rakyat selang beberapa hari sebelum beliau meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mendepani COVID-19 yang menggantit setiap aspek kehidupan rakyat Malaysia, saya yakin belanjawan kali ini membawa makna yang amat besar kepada negara. Umum mengetahui sejumlah RM322.5 bilion merupakan perbelanjaan terbesar dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada *frontliners* yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan, PDRM, ATM, RELA, APM dan lain-lain agensi yang telah menyumbang khidmat bakti mereka sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Ini terutamanya kepada Ketua Pengarah Kesihatan yang telah bertungkus-lumus tanpa jemu merancang dan mengambil tindakan proaktif untuk membendung penularan COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, penularan COVID-19 bukan sahaja meragut nyawa, malah turut menjerut ekonomi negara-negara sedunia. Malaysia tidak terkecuali daripada penularan wabak ini. Perkara ini memberi kesan yang amat besar kepada ekonomi negara terutama industri seperti perhotelan, pelancongan, penerangan dan lain-lain lagi. Malah industri perusahaan kecil sederhana (PKS) turut terjejas.

Sebagai Pengurus TEKUN Nasional, saya amat berterima kasih kepada kerajaan hari ini yang telah memperuntukkan satu jumlah yang besar kepada TEKUN dalam belanjawan kali ini. Malah peruntukan tersebut merangkumi pelbagai lapisan masyarakat seperti golongan peniaga kecil, usahawan wanita termasuklah masyarakat Asli dan Siam yang telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta kepada mereka termasuk pembiayaan untuk masyarakat India melalui Skim Pembangunan Usahawan

Masyarakat India telah dinaikkan kepada sebanyak RM20 juta berbanding sebelum ini RM5 juta.

Di kesempatan ini saya ingin mencadangkan agar pengecualian cukai diberikan kepada usahawan-usahawan kecil terutama PKS yang terjejas teruk. Hal ini kerana dengan pengecualian cukai, para peniaga kecil-kecilan terutamanya mampu merendahkan lagi harga barang mereka sekali gus menarik lebih ramai pembeli. Oleh sebab cukai (*tax*) yang tinggi, para peniaga terpaksa meletakkan harga yang tinggi. Bagi menampung penguncupan pendapatan negara, cukai durian runtuh (*windfall tax*) dengan izin Tuan Yang di-Pertua boleh menampung kembali kerugian tersebut. Saya berpandangan ada ruang lagi untuk kerajaan mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat besar yang mencatat keuntungan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan tahniah kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang telah mencapai prestasi cemerlang apabila BTS buah tandan segar telah meningkat harganya semenjak Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih kerajaan. Pada awal tahun 2020, harga hanya sekitar RM300 bagi satu tan, tetapi telah berlaku peningkatan mendadak apabila kenaikan melebihi 100 peratus dengan jualan terakhir pada 17 November sebanyak RM749.25.

Saya juga dimaklumkan harga sawit mentah ialah RM3,500 hari ini adalah yang tertinggi sejak Mei 2012. Dijangka kerajaan akan mengutip cukai keuntungan sebanyak RM350 juta. Tahniah sekali lagi saya ucapkan. Di kesempatan ini, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan Projek Getah Krip sebagai transformasi pengeluaran getah *cup lump*. Sejauh manakah pelaksanaan projek ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan pelbagai projek infra di kawasan Setiu yang telah saya bangkitkan dalam ucapan perbahasan saya sebelum ini. Yang terbaru ialah Projek JENDELA di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang telah bersetuju untuk menaik taraf *coverages* kawasan pedalaman di Setiu kepada 4G dengan pembinaan sejumlah 13 buah menara komunikasi baru dan menaik taraf sebanyak 57 buah alat pemancar telekomunikasi di menara yang sedia ada. Cumanya saya ingin kerajaan juga menyelesaikan masalah sering berlaku *drop communication* di LPT2 dan juga jalan utama Kuala Terengganu ke Kota Bharu khususnya di Sungai Tong.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Alam Sekitar melalui JPS yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM400,000 untuk membina kawasan takungan air di Batu Rakit dan *insya-Allah* membolehkan penanaman padi dua kali setahun dilaksanakan oleh para pesawah.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengetahui status projek infrastruktur yang telah saya utarakan dalam ucapan perbahasan sebelum ini. Antaranya ialah pembinaan IPT di Setiu, bina baharu Klinik Kesihatan Jabi, projek *breakwater* muara Sungai Merang, bina baharu Balai Polis Alor Lek, naik taraf Pondok Polis Jabi dan Merang, pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Setiu di Kampung Ru Sepuluh, Projek Mengatasi Hakisan di Pengkalan Maras dan Bari Kecil, penyelesaian terhadap selekoh tajam di kawasan Sungai Tong dan hadapan Balai Polis Chalok, pembinaan jalan alternatif untuk kawasan banjir Kampung Tok Nandong, Langkap dan akhir sekali menaikkan aras Jalan Kampung Gong Terap ke Kampung Chalok Kedai yang sering tenggelam apabila datangnya banjir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar kerajaan membaik pulih segera infrastruktur di kawasan FELDA seperti longkang tersumbat, bangunan-bangunan uzur kegunaan komuniti peneroka dan infra-infra yang lain serta jalan ladang yang rosak yang memerlukan kos yang tinggi untuk dibaiki sehingga menjangkau jutaan ringgit yang tidak mampu ditanggung oleh peneroka FELDA. Begitu juga perumahan generasi kedua di tiga buah kawasan FELDA dalam kawasan Setiu, di FELDA Chalok Barat, FELDA Chalok dan FELDA Selasih yang saya dimaklumkan telah ada tanah yang telah di-reserve untuk pembinaan perumahan generasi kedua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah berkaitan pembangunan Islam. Dengan bajet yang telah diperuntukkan mencecah sejumlah RM1.4 bilion. Jelas sekali kerajaan hari ini amat mementingkan pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam. Oleh itu menjadi tanggungjawab saya untuk mencadangkan beberapa perkara di Dewan yang mulia ini bagi memastikan peruntukan tersebut tidak mengetepikan beberapa aspek penting.

#### ■1130

Pertama, berkenaan pengurusan projek halal di Malaysia yang perlu diberikan perhatian. Pemerkasaan produk dan industri halal serta pembangunan ekonomi berdasarkan Islam dalam negara mampu melenyapkan amalan riba, rasuah dan pelbagai amalan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pembangunan Islam juga saya berharap agar bajet yang disalurkan turut boleh membantu asatizah-asatizah yang terkesan akibat pandemik. Arahan kerajaan bagi menangguhkan segala aktiviti agama di masjid memberi impak yang besar terhadap hasil pendapatan guru agama sepenuh masa yang berkhidmat sebagai penceramah. Tidak dinafikan pengumuman Bajet 2021 tidak mengetepikan para pendakwah seperti guru KAFA, guru takmir dan imam. Namun begitu, mereka yang berdakwah sepenuh masa di masjid turut terkesan dan terpaksa

mencari pendapatan sampingan dengan pelbagai macam cara bagi menampung perbelanjaan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara berkenaan kelas Al-Quran dan fardu ain. Saya kira bayaran *one-off* sebanyak RM500 kepada para guru KAFA amatlah wajar disokong. Namun begitu, saya kira aspek menaiktarafkan guru-guru KAFA yang sewajarnya diberikan perhatian serius, terutama kepada mereka yang telah berkhidmat selama lebih 10 tahun. Cadangan untuk menaik taraf guru-guru KAFA kepada guru tetap dan berpencen sudah lama dilontarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbesar hati dengan Belanjawan 2021 yang dilihat tidak meminggirkan golongan OKU. Kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja dinaikkan kepada RM300 daripada RM250. Selain itu, kadar bantuan penjagaan OKU turut dinaikkan kepada RM500 daripada RM350. Malah, kadar elauan pekerja OKU juga dinaikkan kepada RM450 daripada RM400. Saya kira ia bantuan yang wajar bagi golongan istimewa ini terima, terutama dalam mendepani COVID-19 yang masih berlarutan.

Namun yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan agar bantuan kerajaan seharusnya juga tertumpu kepada peluang pekerjaan khusus kepada golongan ini. Oleh kerana 72.9 percent daripada keseluruhan jumlah masyarakat OKU adalah mereka yang terdiri daripada umur 19 tahun hingga 60 tahun, mereka memerlukan peluang pekerjaan bagi menampung keperluan hidup harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini sekali lagi memperuntukkan bajet yang besar bagi sektor pendidikan. Inisiatif ini membuktikan sektor pendidikan antara sektor terpenting untuk pembangunan sesebuah negara. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan membaik pulih segera prasarana sekolah seperti kerosakan surau, kelengkapan dan peralatan *laptop* dan komputer, sekolah yang tiada dewan tertutup, khususnya yang dibina secara *design and built*, padang permainan sekolah yang rosak dan lain-lain yang sering menghantui pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, perlaksanaan pembelajaran atas talian telah lama diperaktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan. Namun begitu, pelbagai isu timbul bagi melaksanakan pembelajaran tidak formal ini.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh UNICEF, tiga per empat ibu di kawasan perumahan pendapatan rendah lebih suka anak ke sekolah kerana tidak ada ruang internet dan peranti pembelajaran untuk belajar di rumah. Di mana hampir 90

peratus pelajar di perumahan berpendapatan rendah menggunakan telefon bimbit sebagai peranti utama pembelajaran mereka dengan hampir 80 peratus tidak mempunyai akses kepada komputer. Perkara ini membawa implikasi negatif apabila satu per lima daripada semua ketua isi rumah menyatakan anak mereka hilang minat ke sekolah susulan PKP ini.

Saya dimaklumkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah menubuhkan Pasukan Respons Pantas (PRP). Sejauh manakan penubuhan PRP ini telah beroperasi? Apakah mekanisme pelaksanaan di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bagi memerangi berita palsu sehingga ke akar umbi?

Seperti mana yang telah kita sedia maklum, kerajaan telah melaksanakan sistem panggilan kecemasan menggunakan satu nombor iaitu 999 bagi semua agensi kecemasan semenjak tahun 2007. Sudah lebih 10 tahun sistem ini beroperasi. Pihak KMM dipohon untuk menaiktarafkan sistem ini sesuai dengan perkembangan teknologi semasa supaya tindakan segera dapat diambil apabila menerima aduan kecemasan. Sering terjadi hari ini berlaku kelewatan agensi terbabit ke tempat kejadian. Dalam masa yang sama, kerajaan juga dicadangkan supaya aduan berkaitan jenayah pencemaran alam sekitar juga disalurkan melalui 999 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan mata pelajaran Kajian Islam yang merangkumi akidah, syariat, akhlak di institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar pencegahan persaraan kakitangan awam di agensi yang kini telah diswastakan seperti Lembaga Elektrik Negara, KTM dan lain-lain agensi mencapai tahap gaji minimum RM1,100. Begitu juga kakitangan awam yang lain. Saya ingin penjelasan berhubung status GCR bagi penjawat awam. Sejauh manakah cadangan yang sudah saya lontarkan sebelum ini diambil tindakan oleh pihak kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya saya menyokong dan menghargai kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin sebagai Perdana Menteri yang telah membuktikan kesungguhan dan kecaknaan kepada rakyat ketika rakyat menghadapi kesusahan seperti COVID-19 ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2021 ini dengan tema *Teguh Kita, Menang Bersama*. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Pokok Sena.

**11.36 pg.**

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh. Bismillahir Rahmaniir Rahim.* Terima kasih kerana diberikan kesempatan. Saya pada pagi ini juga ingin merakamkan kesedihan dan kedukaan saya atas pemergian sahabat baik saya yang tinggal satu hotel dengan saya bertahun-tahun, kami bersarapan sekali setiap pagi, bermesra dan ini merupakan satu kehilangan yang sangat saya terasa. Semoga Allah SWT akan mencucuri rahmat ke atas roh bekas Ahli Parlimen Gerik, Dato' Hasbullah bin Osman.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini satu belanjawan yang bukan luar biasa. Dalam keadaan kita menghadapi situasi yang sangat luar biasa, rakyat sewajarnya menunggu dan menanti suatu pembentangan yang luar biasa dalam keadaan mereka sedang berhadapan, bergelut dengan satu kehidupan yang sangat mencabar. Akan tetapi apa yang dapat dilihat bahawa belanjawan ini dibentangkan dalam keadaan yang sangat darurat selepas daripada mereka tidak mendapat pengisytiharan darurat. Lalu, akibat daripada kedudukan kuasa politik yang sangat darurat, maka datanglah bagi saya belanjawan yang sangat darurat, yang dibuat dalam keadaan yang tergesa-gesa, yang akhirnya dilihat sebagai belanjawan yang tidak menepati kepada persoalan-persoalan masalah yang sebenarnya. Belanjawan yang hilang tumpuan kepada persoalan-persoalan yang sebenarnya. Bagi saya seperti JASA, itu bukan satu tumpuan yang sepatutnya dibuat oleh pihak kerajaan, khususnya daripada Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan. Ia bukan suatu yang menjadi keperluan kepada anjakan ekonomi dalam negara kita sebab penubuhan, mengembalikan JASA dengan peruntukan RM85 juta itu tidak membantu kepada penjanaan ekonomi dalam negara kita.

Perkara yang utama yang saya hendak sentuh di sini ialah perkaitan dengan soal masalah kehilangan pekerjaan yang sangat tinggi bagi saya. Walaupun angka ini tidak dapat hendak dipastikan daripada sumber-sumber kerajaan sendiri agak berbagai-bagai. Daripada Kementerian Sumber Manusia kalau diikut angka rasmi setakat Disember yang lalu yang dibuat oleh PERKESO, 90,000 orang diberhentikan kerja pekerjaan mereka. Akan tetapi kalau kita lihat kepada pembentangan guna tenaga semasa yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan baru-baru ini, 60,000 buah syarikat telah ditutup. Menteri Pembangunan Usahawan dalam jawapannya mengatakan bahawa 32,000 buah yang ditutup itu adalah SME, daripada syarikat kumpulan SME. Jadi, kalau 60,000 buah itu saya ambil sebagai SME kesemuanya seperti mana disebut oleh Jabatan Perangkaan ini, kalau SME itu kalau sebuah syarikat itu 20 orang, 60,000 buah bermakna bahawa sejuta lebih.

**■1140**

Kalau 30 orang lagi tinggi, kalau 50 orang satu syarikat, sudah tentu sampai tiga juta lebih pekerja yang telah hilang pekerjaan.

Namun, dua hari sudah, KWSP dalam proses *U-turn* dia, walaupun dia pusing tidak lepas, dia *U-turn* tidak lepas. Dia tersangkut di *divider* saya lihat tetapi angka yang disebut di sana ialah dua juta pekerja yang terjejas akibat daripada COVID-19 iaitu dalam program i-Sinar iaitu tiga kategori yang boleh memohon untuk mengeluarkan daripada Akaun 1 KWSP iaitu orang yang hilang pekerjaan, diberhentikan kerja ataupun orang yang diberikan cuti tanpa gaji. Bermakna bahawa orang itu tidak ada gaji. Maknanya dia tidak kerja, dia tidak ada gaji, orang yang kurang pendapatan ataupun hilang pendapatan. Kategorinya sama iaitu orang itu sudah diberhentikan pekerjaan. Dia kata bahawa dianggarkan dua juta boleh mendapat manfaat daripada i-Sinar. Ini bermakna bahawa KWSP mengakui paling kurangnya dua juta rakyat Malaysia ini, pekerja di Malaysia ini telah kehilangan.

Jadi, saya hendak sebutkan di sini bahawa, Program Subsidi Upah yang telah pun dibuat pada peringkat awalnya menggambarkan bahawa kerajaan gagal melihat kepada perkara-perkara yang lebih menyeluruh untuk memastikan supaya Program Subsidi Upah ialah program untuk mengekalkan pekerjaan supaya industri ini, majikan ini tidak buang pekerja. Akan tetapi dalam hal ini menunjukkan bahawa Program Subsidi Upah ini telah gagal untuk mengurangkan ataupun menghalang daripada proses pembuangan dan pemberhentian pekerja.

Jadi saya lihat bahawa di sini persoalannya ialah kerana Program Subsidi Upah itu tidak mencukupi untuk membantu majikan mengekalkan pekerja-pekerja mereka. Ini kerana di Malaysia ini, yang diberikan pada peringkat awal itu RM1,200 untuk semua industri, untuk semua sektor. RM1,200 hanya 25 peratus daripada gaji penengah berbanding dengan negara-negara yang lain. Kalau di New Zealand, 60 peratus daripada gaji penengah. Kalau di Australia, 70 peratus daripada gaji penengah, Kanada 75 peratus, Singapura pun 75 peratus. Kita hanya 25 peratus. Jadi majikan tidak mampu untuk membantu mereka bagi mengekalkan pekerja-pekerja mereka supaya mereka tidak menanggung kos yang lebih tinggi. Jadi bagi saya bahawa RM1,200 itu terlalu tinggi. RM1,200 itu berasaskan kepada gaji minimum.

Jadi yang kedua, PSU yang kedua, PSU 2.0 dikurangkan kepada RM600 walaupun masih lagi dikekalkan kepada semua sektor tetapi dalam Belanjawan 2021 ini, program Subsidi Upah hanya diberikan RM600 kepada dua sektor sahaja iaitu pelancongan dan peruncitan. Jadi bagi saya bahawa mereka mengecilkan ataupun mengurangkan bayaran dan mengecilkan sektor. Ini akan menyebabkan kesan yang akan lebih buruk kepada masa yang akan datang. Kalau RM1,200 ini pun dilihat masih

gagal untuk menghalang proses pembuangan dan pemberhentian pekerja, saya lihat bagaimana kalau RM600 sahaja dengan dua sektor sahaja sedangkan sektor-sektor yang lain juga hadapi masalah yang besar.

Jadi sebab itu bagi saya, saya mencadangkan dan saya mengharapkan ini merupakan perkara pokok untuk memanggil kepada saya dan rakan-rakan yang lain untuk bersetuju ataupun meluluskan bajet ini. Bukan sahaja soal KWSP, bukan sahaja soal moratorium tetapi ini juga merupakan perkara pokok untuk dijadikan asas bagi memastikan supaya bajet ini diluluskan iaitu paling tidak, kalau dia tidak boleh beri lebih daripada 25 peratus daripada gaji penengah ini, paling tidak dia kembali kepada yang asal yang pertama mula-mula dibuat iaitu pada RM1,200 iaitu 25 peratus. Akan tetapi saya mengharapkan paling-paling tidaknya, dia akan menaikkan lagi daripada RM1,200 itu kepada RM1,500 ataupun lebih daripada itu. Ini merupakan perkara pokok untuk memanggil kepada menjadi syarat kepada Ahli-ahli Parlimen untuk bersetuju menerima dan meluluskan bajet ataupun Belanjawan 2021 ini. Jadi bagi saya bahawa ini satu yang harus diberikan pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Keduanya ialah soal KWSP. Apa yang diumumkan baru-baru ini sebenarnya tidak menyelesaikan masalah. Syarat-syarat yang semakin menyulitkan, mereka yang terkesan daripada pembuangan dan pemberhentian pekerja ini kerana antara syarat-syaratnya yang dibuat oleh pihak KWSP iaitu mereka mesti mencarum, paling tidaknya, caruman mesti dibuat dalam tempoh – Ahli yang aktif sekurang-kurangnya satu bulan, satu bulan caruman mulai bulan Mac 2019 sehingga Februari 2020.

Bagi saya, bagi orang yang tidak mencarum sebelum dari bulan Mac, contohnya dia ada simpanan yang banyak dalam KWSP, lalu dia berhenti bekerja di Malaysia, dia bekerja di luar negara, dia berhenti untuk mencarum. Tiba-tiba kesan COVID-19 di seluruh dunia ini menyebabkan dia juga kehilangan pekerjaan di luar negara. Jadi dia kembali ke Malaysia. Sepatutnya orang seperti ini walaupun tidak mencarum lagi sejak daripada sebelum bulan Mac 2019 sepatutnya juga diberikan hak untuk mereka mengeluarkan caruman mereka.

Begitu juga sesetengah daripada pekerja ini tidak ada KWSP. Maklumlah sahaja syarikat kampung, syarikat kecil tetapi mereka mampu memberikan pekerjaan dengan kadar gaji rendah daripada gaji minimum, contoh ya Tuan Yang di-Pertua. Jadi sepatutnya bagi saya, mereka terpaksa tutup syarikat. Bila tutup syarikat, pekerja mereka hilang pekerjaan. Jadi sekurang-kurangnya ibu bapa yang bekerja, yang masih ada caruman, walaupun dia tidak terjejas pendapatan, sepatutnya bagi saya dia diberikan hak untuk mengeluarkan caruman mereka, membantu anak mereka. Jadi sebab itu kita tuntut supaya diperluaskan lagi supaya kesemua mereka itu boleh keluarkan seperti mana yang penah kita utarakan, paling tidaknya ialah RM10,00.

Jadi akhir sekali yang saya hendak sebutkan ialah persoalan yang berkaitan dengan sebuah syarikat yang telah pun menyaman pihak kerajaan khususnya pihak Kementerian Kewangan. Syarikat tersebut ialah Syarikat Perumahan Negara yang telah pun disita oleh mahkamah. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan, saya tidak menyalahkan *board* ataupun lembaga pengarah Syarikat Perumahan Negara kerana mereka adalah syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan.

Ini tanggungjawab Menteri Kewangan yang sepatutnya melangsaikan hutang yang tertunggak itu, yang telah tidak dibayar sebanyak RM90 juta. Ini satu yang sangat malang bagi saya kerana kesannya nanti sangat besar apabila kerajaan gagal dan akhirnya kalau syarikat yang menuntut daripada mahkamah ini membuat tuntutan untuk membankrapkan Syarikat Perumahan Negara ini, ini memberikan kesan yang sangat buruk kepada kerajaan dan juga negara kita.

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ini telah pun diperintahkan oleh mahkamah Tuan Yang di-Pertua, untuk membayar kepada satu syarikat yang lain kerana ada isu-isu yang berasaskan perlanggaran kepada perjanjian. Jadi kesannya nanti ialah apabila SPNB ini tidak membayar, akhirnya menyebabkan implikasinya ialah SPNB akan diisyiharkan muflis. Syarikat ini saya difahamkan sedang – Kalau Kementerian Kewangan tidak bersedia untuk membayar, mereka tidak ada jalan lain, akhirnya mengisyiharkan SPNB, syarikat milik kerajaan, syarikat di bawah Kementerian Kewangan akan dimufliskan. Ini akan menyebabkan semua akaun akan dibekukan, pejabat akan disita. Sekarang pejabat telah pun disita tetapi masih lagi boleh keluar masuk pejabat tetapi tidak boleh keluar apa-apa barang dan sebagainya.

Kesannya ialah pihak KWAP pula dan MBSB akan membuat tuntutan hutang kepada semua syarikat yang terbabit dengan SPNB. Ini akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada negara kita. Apa yang lebih buruknya ialah juga memberikan kesan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang sedang menanti sebuah pembinaan rumah PR1MA yang diusahakan oleh SPNB dan akhirnya bila terkesan dengan SPNB ini dimufliskan nanti, bermakna bahawa perumahan PR1MA yang sedang dibina, kalau tidak silap saya di Cyberjaya juga akan terbantut sedangkan pegawai-pegawai kerajaan telah pun mengalami pemotongan gaji.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan khususnya daripada Menteri Kewangan, apakah Menteri Kewangan akan mematuhi arahan mahkamah ataupun dia hendak mengingkari keputusan mahkamah?

#### ■1150

Saya lihat bahawa perkara ini telah berlarutan. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berlarutan begitu lama, berbulan-bulan, sejak daripada awal tahun ini apabila perintah mahkamah telah dikeluarkan. Akan tetapi, malangnya, Yang Berhormat

Menteri Kewangan tidak bersedia untuk berjumpa dengan pihak syarikat yang menuntut ini.

Jadi, saya minta supaya satu penjelasan perlu dibuat segera bagi memastikan syarikat yang menuntut ini tidak terumbang-ambing. Kalau tidak bersedia untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan penjelasan dan membayar sebanyak RM90 juta itu, saya fikir syarikat SPNB akan dimufliskan. Ini bermakna bahawa sekali gus ia memberikan kesan yang lebih buruk kepada negara kita.

Sekian. Syarat saya, PSU, KWSP, moratorium perlu diberikan kepada semua untuk memastikan supaya bajet ini diluluskan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam.* Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya kini mempersilakan Yang Berhormat Baram. Silakan.

#### 11.51 pg.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk bahas dalam Bajet 2021 bernilai RM324.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2021 ini memang berat kepada COVID-19. Kita laksanakan bajet ini, kita bentangkan bajet ini oleh sebab fokus kepada kesan COVID-19. Saya dari kawasan pedalaman menganggapkan bahawa apabila dibentangkan berkenaan dengan Bantuan Prihatin Rakyat, saya menyambut baik ini kerana ini adalah menjadi punca untuk rakyat khususnya dalam golongan B40 dan M40 untuk *put the food on the table*, dengan izin.

Namun, semasa pelaksanaan PRIHATIN pertengahan tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, rintihan yang kita terima daripada kawasan ataupun dari rakyat di kawasan pedalaman adalah, satu, mereka mengadukan bahawa modus operandi yang digunakan oleh agensi-agensi yang melaksanakan PRIHATIN ini adalah tidak sesuai bagi mereka. Ini adalah kerana apabila mereka hendak menerima bantuan PRIHATIN ini, mereka perlu melalui jalan yang jauh, jarak yang jauh. Oleh yang demikian, bayaran sewaan yang tinggi. Dan mereka datang ke pusat bandar seperti di Miri untuk menerima bantuan ini. Jadi, nilai sebenar Bantuan Prihatin Rakyat ini tidaklah seperti yang dinyatakan.

Jadi, saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya agensi-agensi yang melaksanakan Bantuan Prihatin Rakyat ini pergi turun padang. Modus operandi ini saya percaya telah pun dibuat semasa BR1M pada suatu ketika dahulu di mana pejabat daerah dengan agensi-agensi yang lain seperti polis pergi ke kampung, pergi ke rumah panjang termasuk dengan bank pergi ke rumah panjang dan agihkan Bantuan Prihatin Rakyat ini kepada mereka. Ini saya pasti akan memudahkan dan menyenangkan

rakyat. Lebih-lebih lagi sebab kita kata kerajaan kita prihatin, jadi kita buatlah yang prihatin ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, ada kawan-kawan yang mengatakan bahawa mereka B40 ataupun M40 tetapi mereka terkeluar daripada senarai penerima Prihatin ini. Jadi, saya minta agensi yang melaksanakan ini untuk menyemak semula sama ada mereka ini layak ataupun tidak layak. Saya mahu tanya dengan kementerian, berapa golongan B40 dan golongan M40 yang membuat rayuan semasa PRIHATIN pertengahan tahun ini yang diluluskan ataupun yang ditolak? Oleh sebab kita rasa mungkin ada yang tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, saban bajet saya sentiasa sebut berkenaan dengan jalan di kawasan luar bandar khususnya di kawasan Baram. Saya mohon daripada RM7.2 bilion yang diluluskan untuk peruntukan pembangunan di Jabatan Perdana Menteri ataupun RM6.6 bilion yang diperuntukkan untuk KPLB, sebahagian daripada peruntukan ini diguna pakai untuk laksanakan jalan-jalan di luar bandar. Di Baram, saya mohon supaya jalan dari Pekan Lapok ke Long Hayak yang jaraknya 59 kilometer sahaja dinaikkan taraf sebab ini adalah merupakan jalan utama bagi kita di kawasan itu.

Di samping itu, semasa Kerajaan Barisan Nasional dahulu, disebutkan naikkan taraf jalan balak fasa keempat dan juga disebutkan dalam Dewan yang mulia ini oleh saya beberapa kali. Namun, sehingga hari ini, dia pun jadi COVID jalan balak yang naik taraf ini belum lagi pasti. Saya percaya kalau ini juga jadi COVID, sudah pasti ini pun sudah merebaklah ini. Namun, saya percaya dan saya yakin bahawa dengan adanya peruntukan ini, kita percaya bahawa dalam Bajet 2021 ini nanti, kedua-dua jalan ini dan juga termasuk jalan-jalan yang lain di luar bandar diutamakan. Kita mahu mulakan sebab kesan COVID-19 ini banyak mengajar kita bahawa betapa pentingnya kemudahan-kemudahan asas ini kepada rakyat kita terutama yang berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi Parlimen pada bulan Ogos yang lalu, saya ada sebut berkenaan dengan kemudahan jaringan *internet* ini. Juga, di kawasan pedalaman khususnya di Baram, masalah ini memang masih lagi melarat sejak dari dulu lagi. Kita sudah sebut, pihak kementerian juga ada mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini, mengatakan memang kita akan mempertimbangkan, kita akan ada perancangan-perancangan. Namun, perancangan kalau tidak dilaksanakan, kita semua tahu ia tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada kita semua.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]**

Jadi, saya mohon sekali lagi di Dewan yang mulia ini supaya jaringan *internet* di kawasan pedalaman lebih-lebih lagi semasa COVID-19 ini— sebab kita mahu anak-anak kita, cucu-cucu kita terlibat dalam *virtual learning* ini. Mohon supaya perkara-perkara ini dipertimbangkan dan diluluskan sahaja dalam Bajet 2021 yang akan datang ini.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah membuat kerja yang baik. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada mereka semua. Di kawasan Baram, kita— saya mohon penjelasan daripada kementerian. Apakah status Klinik Kesihatan Long Lama yang dalam tahun ini dilanda tanah runtuh? Pada hari ini, Klinik Kesihatan Long Lama ini beroperasi daripada Dewan Masyarakat Long Lama. Apakah perancangan yang seterusnya oleh kementerian untuk selesaikan masalah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, minta rumuskan. Ada setengah minit.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Kedua ialah berkenaan dengan Klinik Long San. Saya juga ada difahamkan ada peruntukan pada tahun ini. Apakah status pelaksanaan projek sekarang ini?

Jadi, oleh sebab masa yang tidak mengizinkan, saya nak rumuskan di sini bahawa saya menyokong Bajet 2020 ini dengan penuh harapan yang kita sebutkan dalam Dewan ini, khususnya berkenaan dengan jalan, berkenaan dengan *internet*, berkenaan dengan klinik ini diluluskan dalam tahun 2021. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baram. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jerlun, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Rengas. Silakan Yang Berhormat Jerlun. Masa 10 minit.

#### 12.01 tgh.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Jerlun turut menyertai perbahasan Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Secara keseluruhannya, saya lihat belanjawan ini tidak menonjolkan sifat empati terhadap rakyat, khususnya yang paling teruk terjejas akibat daripada COVID-19.

Ia dikatakan belanjawan yang dirangka bagi menangani situasi yang sangat luar biasa seperti COVID-19 dan kesannya terhadap ekonomi rakyat dan negara. Namun, apa yang telah dibentangkan ternampak *more of the same* dan *business as usual*, dengan izin. Sepatutnya jumlah belanjawan ini tidak semestinya melebihi tahun-tahun

sebelum ini. Jumlah sebanyak RM322.54 bilion adalah yang terbesar pernah diumumkan oleh kerajaan.

Namun, setelah diteliti, belanjawan ini tidak mengurangkan perbelanjaan yang biasa dilakukan setiap tahun dan yang mengecewakan ialah ia tidak pula menambah peruntukan untuk memerangi COVID-19 atau membantu rakyat yang paling terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, di awal perbahasan saya ini, saya mengatakan secara jelas bahawa saya yang mewakili kawasan Jerlun bersama rakan-rakan yang lain iaitu Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Kubang Pasu dan Yang Berhormat Sri Gading bertekad untuk menolak Belanjawan 2021 sekiranya tiada pindaan dibuat seperti yang akan saya senaraikan di sini. Syarat-syarat yang hendak kami kemukakan ini, sebanyak 12 kesemuanya, adalah untuk memastikan bahawa kerajaan tidak boros berbelanja untuk perkara-perkara yang tidak pun diperlukan ketika kita dilanda krisis yang serius ini. Kemudian, sejumlah wang pula disediakan bagi menghapuskan wabak COVID-19 dan sejumlah yang lain untuk merancakkan semula ekonomi negara khususnya yang menambahkan pendapatan rakyat.

Pertama, tunda semua projek pembangunan premis kementerian-kementerian yang tidak menjadi keutamaan ketika ini. Contohnya, projek yang dimaksudkan sebanyak RM60.5 juta untuk MITI, bangunan baharu MITI itu. Sebanyak RM265 juta untuk Jabatan Perdana Menteri, sebanyak RM63.9 juta untuk naik taraf bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan lain-lain lagi. Jumlah keseluruhan, sebanyak RM736.6 juta. Apa perlunya ini semua? Bagaimana perbelanjaan sebesar ini akan membantu rakyat menangani COVID-19 dan kesannya kepada ekonomi?

Kedua, kurangkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri. Apa perlunya peruntukan dinaikkan dari RM7.9 bilion kepada RM11.7 bilion? Kalaupun untuk menampung perbelanjaan tambahan Menteri Tugas-tugas Khas atau Menteri Tanpa Portfolio, adakah sampai memerlukan tambahan sebanyak RM4 bilion? Juga, apa perlunya peruntukan projek khas dinaikkan dari RM100 juta kepada RM1 bilion? Adakah ini sebahagian daripada *scheme of things*, dengan izin?

Ketiga, tunda semua projek mega yang bernilai RM15 bilion dan peruntukan disalurkan kepada lebih banyak projek kecil seperti pembinaan dan pemberian jalan kampung, parit, pemberian dewan serba guna dan dewan komuniti orang ramai yang melibatkan lebih banyak kontraktor G1 dan G2.

Keempat, kurangkan jumlah Menteri Kabinet dan turunkan gaji Menteri dan Timbalan Menteri. Kalau boleh sebanyak 30 peratus sehingga penularan COVID-19 ini terkawal. Lebih baik lagi buat seperti negara Itali, gugurkan sahaja jawatan-jawatan Timbalan Menteri buat seketika. *[Tepuk]*

Kelima, gugurkan peruntukan sebanyak RM8.6 juta untuk Penggerak Komuniti Tempatan. [Tepuk] Kita semua tahu sebenarnya apa peranan pertubuhan sivil ini seperti yang telah diumumkan oleh Ketua Bersatu Selangor baru-baru ini. Jika diberikan juga, laporan akan dibuat kepada SPRM untuk ianya disiasat. [Tepuk]

Selain itu juga, gugurkan peruntukan sebanyak RM85.5 juta untuk JASA. [Tepuk]

Keenam, pastikan sumbangan *one-off* kakitangan kerajaan memberikan keutamaan kepada *frontliners* dan mereka yang benar-benar memerlukan. Tambahkan bantuan peniaga kecil, penjaja, IKS yang terkesan dengan PKP untuk mengajikan pekerja mereka.

Ketujuh, tambahkan peruntukan untuk menangani COVID-19 dengan membiayai *mass testing*. Bukan hanya untuk warganegara kita, tetapi juga untuk warga asing yang berada di dalam negara secara sah maupun tidak sah. Dengan tidak mengiktiraf kehadiran mereka itu, tidak membendung jangkitan kepada warga kita.

Kelapan, sediakan peruntukan untuk penciptaan vaksin tempatan yang lebih tepat *efficacy*-nya bagi warga kita yang berbilang kaum. Kita tidak boleh bergantung hanya kepada pembekalan vaksin dari luar. Tentunya mereka akan mengutamakan warga mereka sendiri dahulu. Kalaupun dijual kepada kita, tentunya pada harga yang sangat mahal, Tuan Yang di-Pertua.

Kesembilan, tambahkan belanjawan Kementerian Kesihatan untuk rawatan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, diabetes dan lain-lain. Walaupun kita bergelut dengan COVID-19, memang benar, tetapi ia tidak bermakna penyakit-penyakit lain tiba-tiba hilang begitu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Kesepuluh, sediakan pinjaman tanpa faedah bagi pengusaha IKS dengan geran mudah maksima sebanyak RM30,000 untuk perniagaan kecil. Sediakan juga peruntukan untuk *informal workers*, dengan izin, selain sumbangan *one-off* bagi mereka seperti ibu tunggal yang menyara hidup keluarga.

Kesebelas, buat unjuran baharu hasil dan nilai KDNK yang lebih realistik agar kadar defisit dapat diukur dengan lebih tepat lagi.

Kedua belas, arahkan bank-bank untuk melanjutkan moratorium bayaran semula pinjaman bagi peminjam-peminjam yang memerlukan *relief* itu. Benarkan pencarum KWSP mengeluarkan wang mereka dalam keadaan yang mendesak ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat merayu untuk dibenarkan mengeluarkan wang caruman KWSP mereka sendiri, ini bermakna kerajaan sudah gagal membantu mereka. Rakyat sudah tiada pilihan, rakyat sudah terdesak sehingga terpaksa melihat wang yang disimpan untuk hari tua mereka itu sebagai penyelamat bagi hari ini. Sepatutnya kerajaan boleh mengarahkan KWSP untuk menyalurkan sebahagian

daripada rizab berjumlah RM400 bilion untuk digunakan oleh kerajaan bagi manfaat rakyat.

Malah, rizab Bank Negara sendiri juga sepatutnya boleh digunakan oleh kerajaan untuk tujuan yang sama.

**■1210**

Kalaupun dianggap bahawa rizab ini adalah khas digunakan *on the rainy day* dengan izin, saya ingin menyatakan kita sekarang menghadapi *a stormy day*. Maka wajar sangatlah dana-dana ini dibelanjakan bagi menyelamatkan rakyat yang sedang sengsara. Sekalipun dana ini tidak boleh disentuh langsung, maka kerajaan sewajarnya mengeluarkan bon yang boleh dibeli oleh dana-dana ini. Tidak perlulah kerajaan meminjam daripada sumber-sumber lain sehingga memecahkan siling pinjaman yang mungkin mengancam kedudukan fiskal negara.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 hampir-hampir tidak jadi dibentangkan. Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perkenan dengan permintaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisyiharkan darurat kononnya atas sebab pandemik COVID-19 ini, maka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan seminit lagi.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Maka tiadalah persidangan Parlimen seperti yang sedang kita hadiri sekarang. Seminit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Bagi pihak diri saya sendiri, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan untuk menolak permintaan itu. *[Tepuk]* Reaksi rakyat yang rata-rata melepaskan nafas lega menerima berita baik itu menunjukkan bahawa mereka juga menyokong keputusan bijak yang dibuat oleh Baginda Tuanku.

Perlembagaan Persekutuan jelas menghalang sesuatu Titah keputusan Yang di-Pertuan Agong mengenai pengisytiharan darurat dipertikaikan di mahkamah. Namun, saman pemula berkait perkara itu telah dibawa untuk semakan mahkamah dan Yang Berhormat Menteri Undang-undang masih mengungkit kononnya Baginda Tuanku perlu terus diyakini untuk mengisyiharkan darurat. Kerajaan Perikatan Nasional mesti dihalang dari terus mengganggu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan pengisytiharan darurat yang sebenarnya bertujuan untuk menyelamatkan kerajaan yang tidak pun mempunyai legitimasi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negara dilanda satu wabak yang mengancam nyawa rakyat jelata, maka Jerlun ingin mengusulkan agar satu pindaan terhadap Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan berkenaan pembubaran Dewan dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 dan dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 14 dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tujuan usul ini adalah untuk membenarkan kerajaan menunda pilihan raya atas alasan keselamatan atau kesihatan rakyat sehingga ancaman itu berakhir. Ini sangat diperlukan ketika ini kerana keadaan undang-undang sekarang yang mendesak pilihan raya diadakan semasa situasi ancaman COVID-19. Tambahan pula, beberapa orang wakil kerajaan menyebut bahawa keadaan ini hanya boleh dielak dengan diisyiharkan darurat.

Walaupun pindaan ini memerlukan sokongan majoriti dua per tiga Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Jerlun percaya bahawa kerajaan juga ingin memastikan COVID-19 ditangani sebaik mungkin dan tidak hanya bermain politik sahaja. Maka kerajaan harus menyokong cadangan pindaan ini. Malah ada baiknya jika kerajaan sendiri yang draftkan usul untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Jerlun sangat yakin sekiranya wujud azam politik yang tinggi di kalangan semua pihak, kenapa tidak Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi menyelamatkan rakyat daripada ancaman penyakit seperti COVID-19. Walaupun begitu, Jerlun akan mengemukakan usul tersebut secara rasmi kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai suatu perkara yang tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan yang ramai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya jemput yang seterusnya Yang Berhormat Padang Rengas.

#### **12.14 tgh.**

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet ini.

Saya ingin menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas keputusan yang telah dibuat oleh beliau bagi menolak darurat baru-baru ini. Saya berkata demikian tanpa ada apa-apa agenda politik tetapi sebagai seorang yang mengamalkan demokrasi dan juga sebagai seorang Ahli Parlimen, maka sudah tentulah darurat ini merupakan satu perkara yang kita fikir bertentangan dengan demokrasi dan juga sebagai Ahli Parlimen, *poles apart* dengan izin.

Ini kerana kalau darurat ini diisyiharkan, maknanya iaitu bahawa sepanjang tempoh yang dibenarkan Parlimen akan digantung. Apabila Parlimen digantung, maka

kesannya serupalah seperti tidak ada demokrasi. Kita pun tidak tahu berapa lama yang diminta tetapi kalau dalam Perlembagaan sekurang-kurangnya enam bulan. Jadi dalam masa enam bulan ini satu masa yang panjang untuk kita tidak membenarkan Parlimen bersidang.

Namun, saya ingin menyatakan iaitu bahawa keputusan yang dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah satu keputusan yang tepat dan betul, *right and proper*. Ini kerana apa yang dilakukan oleh Baginda itu adalah merupakan sebenarnya kuasa yang sememangnya diberikan kepada Baginda untuk berbuat demikian iaitu di bawah Artikel 150. Kita kena faham iaitu bahawa Perlembagaan ini adalah satu buku Undang-undang Tubuh yang semestinya apabila ia dibentuk, diwujudkan, ia mesti senang difahami oleh rakyat.

Ia bukan satu buku yang hanya dikhurasukan kepada peguam, kepada pengamal undang-undang atau pun hakim-hakim. Mungkin kalau ia untuk mereka, sudah tentulah bahasanya akan dipenuhi dengan bahasa-bahasa legal dan macam-macam lagi. Akan tetapi Perlembagaan ialah untuk orang biasa. Bermakna perkataan-perkataan yang digunakan itu bukanlah perkataan yang susah untuk rakyat biasa memahami. Apa yang disebut, itulah.

Lagi satu perkara yang kita apabila bercakap tentang Perlembagaan, satu ia mesti mudah difahami. Kedua, versi sahih ialah versi Bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan. Tidak payahlah kita hendak rujuk kepada versi Bahasa Inggeris tetapi apa juga yang kita hendak tafsirkan dalam Perlembagaan mestilah mengikut versi bahasa kebangsaan.

Artikel 150 ini Tuan Yang di-Pertua cukup mudah. Kalau izinkan saya membaca Artikel 150(1), “*Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagian yang terancam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan satu proklamasi darurat dengan membuat dalamnya suatu pengisyiharan yang bermaksud sedemikian*”. Macam-macamlah ditulis di bawah itu.

Jadi, proklamasi ini sebenarnya untuk perkataan yang penting ialah berpuas hati. Jadi kalau Baginda berpuas hati, maknanya barulah boleh mengisyiharkan. Kalau tidak, Baginda berhak untuk menolaknya. Walaupun di kalangan peguam-peguam kita faham iaitu bahawa ia mesti dibaca dengan Artikel 40 iaitu Artikel 40 mengatakan Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat. Itu umumnya tetapi khusus Artikel 150 ini apabila disebut berpuas hati, Agong mesti berpuas hati. Tidak konsistenlah kalau sekiranya kita mengatakan Baginda tidak ada hak sebab puas hati ini walaupun atas nasihat Jemaah Menteri mengatakan iaitu bahawa dinasihatkan untuk

mengisytiharkan darurat tetapi berpuas hati itu khusus kepada Agong. Baginda ada perasaan, Baginda ada kebolehan untuk bertanya kepada khalayak ramai sama ada sesuai atau tidak.

**■1220**

Jadi sebab itu, saya tetap menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong ada kuasa budi bicara dia. Sepertimana juga kita tahu di bawah Perkara 150(8), dia kata “*(a) hal puas hati Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal 1 dan Fasal (2B) adalah muktamad dan konklusif dan tidaklah boleh dicabar atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan; dan (b) Tiada mahkamah boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, soal, atau prosiding dalam apa-apa jua bentuk atas apa-apa jua alasan, mengenai kesahan*” hal puas hati tadi.

Jadi sebenarnya, sepatutnya mahkamah *straight way* masalah apabila ada permohonan untuk mempertikaikan keputusan Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan kepuasan hatinya. Sepatutnya awal-awal ditolak daripada kita berdiam diri seperti begini akan mendatangkan satu suasana yang tidak senang, yang sentiasa orang kata apa, tertanya-tanya kerana tidak ada *finality* dalam soal ini.

Jadi, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu mengadakan darurat. Sebab pertama sekali, saya percaya iaitu Malaysia ini bukan sebuah negara dalam dunia yang menghadapi COVID-19. Saya kira tidak ada negara yang terkecuali dalam dunia ini kerana – mungkin ada satu dua saya tidak tahu. Akan tetapi, dalam soal menghadapi COVID-19 ini, seluruh dunia dan negara. Jadi, maknanya mungkin ada satu dua yang saya dapat tahu Sepanyol sebagai contoh.

Akan tetapi, negara Sepanyol ini diisyiharkan darurat disebabkan kerana dalam satu hari berpuluhan ribu yang kena. Bukan macam kita, seribu. Itu pun kerana terlambat *test* COVID-19. Akan tetapi, di negara Sepanyol, seramai 10,000 hingga 20,000 satu hari pun ada dan yang mati pun banyak. Jadi sebab itu, mereka mengisytiharkan darurat. Akan tetapi, itu satu negara sahajalah. Mungkin ada negara lain saya tidak tahu. Akan tetapi, saya tengok negara dunia ketiga, yang kita anggap mungkin mereka juga sebagai kerajaan diktator, mereka sendiri pun tidak mengisytiharkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Rengas, ada selama satu minit lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Satu minit lagi? *[Ketawa]* Okeylah. Cuma saya hendak menyatakan di sini bahawa *tok sahlah* mengadakan keadaan lebih teruk lagi kalau kita mengheret Yang di-Pertuan Agong itu ke mahkamah untuk mempertikaikan keputusan berkenaan dengan hak berpuas hati dia untuk menolak permintaan untuk mengadakan darurat. Namun Tuan Yang di-

Pertua, saya ingin menyatakan, saya juga sebagai Yang Berhormat Arau dan juga sebagai Yang Berhormat Pekan, kita menyokonglah bajet ini dan kita mintaklah supaya dua perkara iaitu EPF dan moratorium diberikan pertimbangan yang positif dan sebaik-baiknya. Terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Rengas, tepat pada masanya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sibuti.

## 12.24 tgh.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Johor Bahru mengambil bahagian dalam Perbahasan Perbekalan 2021 dengan penuh kesedaran dan keinsafan bahawa kesengsaraan dan kesusahan rakyat di luar sana tidak pernah berlaku dalam sejarah negara. Semua golongan lapisan masyarakat termasuk anak muda terkesan dengan penularan COVID-19. Terkesan dengan kelembapan ekonomi, terkesan dengan ketidakstabilan politik, terkesan dengan ketidakcekapan kerajaan pada hari ini.

Berlatar belakangkan permasalahan tersebut, apa yang kita perlukan sekarang adalah kepimpinan yang ada integriti, hala tuju, faham masalah rakyat, meletakkan kepentingan politik dan peribadi ke tepi dalam keadaan kita hendak melangkah ke hadapan dengan izin *forward Malaysia*. Malangnya, Belanjawan 2021 bila dibentangkan tidak seperti yang diharapkan. Ternyata ada muslihat, tidak munasabah dan tidak meyakinkan. Bagi rata-rata rakyat di luar sana menganggap belanjawan ini sebagai belanjawan tersasar yang mana saya akan terangkan dalam ucapan saya.

Perkara pertama Tuan Yang di-Pertua adalah soal ekonomi rakyat, iaitu setiap sekatan yang dikenakan oleh kerajaan seperti PKP, PKPB itu ada implikasi kewangan. Mungkin daripada segi data negara kita rugi sebanyak RM2.4 bilion sehari ketika PKP, tetapi kesan yang lebih besar rakyat hilang pendapatan. Jadi, ketika berlaku pengkhianatan Langkah Sheraton, Johor Bahru seperti rakan-rakan di sini memilih untuk berprinsip, berintegriti. [Tepuk] Natijahnya, peruntukkan untuk kami bantu masyarakat setempat itu disekat, malah Bakul Makanan JKM diagihkan, disalurkan ke pihak yang lain.

Jadi, kami tetap berusaha yang man alhamdulillah berkat sokongan dan sumbangan orang ramai. Kalau kami di Johor Bahru kita mengadakan Food Bank JB. Kami edarkan bahan basah dan kering ke perumahan rakyat di Sri Setulang, Setanggi, Flat Larkin, kami masuk ke kawasan kampung-kampung pinggiran bandar seperti Kampung Melayu Majidee, Sulaiman Menteri, Kampung Bakar Batu. Jadi bagi saya,

dalam keadaan sekarang berprinsip itu boleh, sebab bagi saya bila kita berprinsip jiwa kita tenang, hati dan kehidupan kita tu penuh keberkatan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal di Larkin. Di Larkin inilah terletaknya Larkin Sentral iaitu merupakan Terminal Bas Bersepadu seperti TBS di Kuala Lumpur. Ia juga menempatkan Pasar Awam dan kedai-kedai perniagaan. Ketika PKP lagi, perniagaan di sana sangat hambar, yang mana ada peniaga yang terpaksa memulangkan stok barang sebab tidak mampu membayar hutang. Cuma kini keadaan bertambah parah.

Kalau Tuan Yang di-Pertua turun ke Johor Bahru, Tuan Yang di-Pertua akan lihat beratus-ratus buah bas ekspres tersadai tidak bergerak. Jadi saya berjumpa dengan wakil daripada Persatuan Pemandu-pemandu Bas Ekspres yang mana difahamkan bahawa ribuan pemandu di seluruh negara termasuk yang bekerja dengan syarikat-syarikat bas terkemuka, mereka tidak ada gaji pokok. Selama ini mereka dibayar gaji trip. Jadi, apabila PKP dilaksanakan lagi, tidak ada trip tiada gaji.

Kini apabila PKP dilaksanakan sekali lagi memang mereka tidak ada gaji. Hanya mereka yang bekerja dengan syarikat yang membayar caruman PERKESO adalah subsidi upah. Akan tetapi, sekumpulan besarnya tidak dijaga melalui jaringan yang kita ada. Bayangkan mereka yang bekerja untuk perkhidmatan pengangkutan awam ini dipandang sepi dalam belanjawan kali ini. Bagaimana pula dengan nasib-nasib usahawan, mereka yang bekerja sendiri Tuan Yang di-Pertua?

Perkara ketiga, sebagai perbandingan bila kita buka belanjawan tersebut peruntukkan untuk propaganda JASA, sejumlah RM85.5 juta. Peruntukkan untuk Penggerak, sejumlah RM8.6 juta. Campur kedua-dua ini, sebanyak RM94.1 juta, hampir mencecah berjumlah RM100 juta. Jika perbelanjaan untuk menghasut rakyat ini diteruskan, maksudnya kerajaan akui mereka tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna. Terpaksa mengupah pengampu, tukang karut yang mana dalam keadaan sekarang ini kita seolah-olah kerajaan mengetepikan, menzalimi mereka yang lebih memerlukan.

Tanpa JASA dan Penggerak, sejumlah RM100 juta ini jika kita agihkan sebanyak RM500 seorang seperti mana imbuhan *frontliners* kesihatan, kita mampu menyantuni seramai 200 orang. Tanpa JASA dan Penggerak, kita dapat bantu pemandu-pemandu bas ekspres, bas persiaran, sekolah, kantin-kantin, peniaga-peniaga kecil. Tanpa JASA dan Penggerak kita dapat tingkatkan elauan untuk sukarelawan. Mereka yang membantu badan kerajaan seperti Sukarelawan Polis Diraja Malaysia (PVR) yang kini masih dibayar elauan RM6 sebulan, naiklah RM2 jadilah RM8 sejam.

**■1230**

Tanpa JASA dan Penggerak, saya pasti kita juga boleh memilih untuk membantu mahasiswa dengan mengurangkan yuran pengajian mereka. Kita boleh bagi data percuma untuk mereka ikuti pengajian atas talian dan pastikan PTPTN untuk tempoh dua tahun ini janganlah kenakan faedah ataupun bunga kepada mereka.

Perkara keempat, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang ini, pengangguran yang dilaporkan secara rasmi mencecah 4.7 peratus ataupun 750,000 orang yang menganggur.

Berbalik kepada contoh di Johor Bahru. Keadaan ekonomi bertambah parah apabila ratusan ribu rakyat Malaysia yang tinggal di Johor Bahru sebelum ini berulang-alik setiap hari masuk ke Singapura untuk bekerja. Sekarang ini yang saya difahamkan kebanyakannya daripada mereka sama ada telah dibuang kerja ataupun diberikan cuti tanpa gaji sejak tujuh, lapan bulan yang lalu dan mereka kini pun tidak tahu bila nasib mereka akan berakhir. Bukan sahaja kesan itu kepada mereka, kepada keluarga mereka, bukan kepada anak-anak mereka sahaja tetapi apabila tanpa pendapatan ini, mereka juga tidak ada kuasa membeli yang memberi kesan kepada peniaga-peniaga di sekitar Bandar Raya Johor Bahru.

Rakyat sebenarnya tahu keadaan ekonomi ini rumit, bukan perkara yang mudah untuk diselesaikan. Saya pasti ramai rakyat di luar sana pun bersedia untuk ikat perut, untuk kita tahu menghadapi suasana yang mencabar ini. Akan tetapi, rakyat juga kecewa apabila orang politik terus dilihat mendapat laba keuntungan, Tuan Yang di-Pertua.

Anak muda terpaksa mencari jalan alternatif, bekerjalah dalam *gig economy*. Ada yang terpaksa buka gerai burger. Akan tetapi, persoalan yang saya sering ditanya sebagai anak muda iaitu hendak tanya dalam Dewan, benar kah— sudah umum pun di Kelantan bahawa ADUN dan Exco di sana dinaikkan gaji sebanyak RM5,000 sebulan. Akan tetapi yang lebih menjadi tidak tenteram ataupun marah rakyat di luar sana, benar kah kenaikan itu akan di-*backdated*, dengan izin, dari bulan Januari? Jadi maksudnya, orang-orang politik di Kelantan akan mendapat durian runtuh RM50,000 seorang dalam keadaan rakyat dipaksa ikat perut, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebagai penutup, saya hormat waktu yang diberikan. Akhirnya, selepas mengikuti perbahasan daripada kedua-dua belah pihak, saya boleh simpulkan bahawa majoriti bersetuju dalam soal moratorium itu perlu ditambah baik. Berdasarkan hujah tersebut, ternyata Belanjawan 2021 ini tidak akan diluluskan tanpa pindaan. Jadi, kepada sahabat-sahabat di blok kerajaan yang telah berhujah soal moratorium dan sebagainya, janganlah goyang, janganlah jadi lalang, janganlah bila ditawarkan jawatan Ketua Pengarah JASA, kamu lupa soal rakyat. [Tepuk]

Jadi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekiranya belanjawan ini gagal diluluskan, janganlah terus mencetus ketidaktentuan, mengugut rakyat, hendak memanggil darurat dan lebih teruk lagi, hendak heret kita semua masuk ke dalam pilihan raya. Jadi, kalau ditanya soal pendirian Angkatan Muda Keadilan mengenai belanjawan ini, kita akan terus mempertahankan rakyat dan memperjuangkan nasib anak muda.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti. Masa 10 minit.

### **12.34 tgh.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* kepada Tuan Yang di-Pertua. Sibuti ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang untuk berbahas dalam Belanjawan 2021 kali ini.

Kita fahami bahawa kita mengalami pandemik COVID-19. Seluruh dunia mengalami kesusahan secara global dan juga Malaysia tidak ketinggalan mengalami kesusahan. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan kerana ketika susah ini, masih lagi mampu untuk membentangkan Belanjawan 2021. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan dan juga Menteri Kewangan kerana sudi untuk memanggil Ahli Parlimen GPS untuk berbincang. Perkara ini tidak berlaku pada 22 bulan ketika PH menjadi kerajaan. *[Tepuk]* Sehingga kami didesak untuk membayar hutang, didesak untuk membayar RM1 bilion, didesak untuk menjadi negeri yang bankrap oleh Menteri Kewangan.

Saya akan terus pergi kepada perkara yang saya minati dan juga konsisten di dalam perbahasan yang lepas iaitu berkenaan tentang pendidikan dan juga perkhidmatan jalur lebar.

Kementerian Pendidikan telah diberikan sejumlah peruntukan yang besar sebanyak RM50.4 bilion. Akan tetapi, saya ingin bercakap tentang permasalahan pendidikan di Sarawak dan juga Sabah yang memerlukan kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa yang khusus. Saya sudah bosan mendengar peruntukan yang orang cakap ‘sejemput’, kalau dekat negeri Sarawak ini, alang-alang dan tidak menyelesaikan secara *total* berkenaan tentang sekolah daif.

Isu-isu besar di Sarawak adalah berkenaan sekolah-sekolah yang usang, sekolah-sekolah kurang murid. Kerajaan juga tidak pernah pun mendengar dan juga memberi penyelesaian berkenaan pergabungan sekolah-sekolah yang diperlukan hingga memikirkan hanya mengganti secara penuh sekolah-sekolah tersebut. Keputusan kerajaan untuk meneruskan PKP ini sangat merunsingkan. Saya sendiri

*confused*, dengan izin. Bayangkan, di kawasan Parlimen Sibuti mempunyai banyak sekolah kurang murid dan juga banyak sekolah tersebut dibina bersebelahan dengan rumah-rumah panjang. Hanya memerlukan lima sehingga 10 minit untuk pergi dan masuk ke sekolah. Kawasan kami, kawasan Baram dan juga banyak kawasan di pedalaman adalah kawasan hijau yang tidak mempunyai masalah COVID-19.

Walaupun kita mengambil langkah-langkah berhati-hati tetapi kita menyekat hak pelajar-pelajar di luar bandar untuk masuk ke kelas. Ini adalah sangat-sangat pelik. Kerajaan tidak mempunyai satu *solution* untuk mengadakan kelas secara *online*. Kepincangan kerajaan yang lepas di dalam Barisan Nasional telah menyebabkan pencawang-pencawang (*tower*) telekomunikasi ini tidak berfungsi. Kawasan di luar bandar tidak mempunyai akses untuk mengadakan kelas di dalam talian. Ini adalah masalah besar.

Sedangkan anak-anak ini boleh sahaja untuk bergerak selama lima minit berjalan kaki untuk masuk ke kelas dan guru-guru dibenarkan untuk mengajar. Akan tetapi, kerajaan mengambil keputusan, Menteri Pendidikan mengambil keputusan, pegawai-pegawai pendidikan mengambil keputusan untuk memikirkan polisi ini secara, saya lihat mungkin rakan-rakan di Sabah pun memikirkan, Semenanjung *centric* ataupun Semenanjung *priviledge* ini. Keputusan yang hanya melihat sekolah-sekolah yang terkesan di kawasan-kawasan bandar di Kuala Lumpur dan di Putrajaya. Sedangkan sekolah seperti SK Rumah Isau dan SK Bakas, sekolah yang bersebelahan dengan rumah panjang, pelajar tidak dibenarkan untuk masuk kelas kerana COVID-19.

Tempoh masa yang sangat panjang mereka tidak mendapatkan pendidikan dan juga pendidikan luar bandar, kita sedar ia tidak menyamai pendidikan di kawasan-kawasan bandar. Untuk mendapat *gadget*, saya lihat sekarang ibu bapa, ibu-ibu sibuk untuk pergi ulang-alik ke sekolah semata-mata untuk mengambil helaian kerja rumah kerana tidak mendapat hak untuk mengadakan kelas secara *online*. Ini adalah isu besar di kawasan negeri Sarawak. Sehinggakan saya melihat di dalam *postings social media*, guru-guru terpaksa membawa anak-anak merentas sungai dan menaiki bukit semata-mata untuk mendapat talian dan juga *connectivity*.

SKMM perlu melihat perkara ini. Permasalahan berkenaan jalur lebar di kawasan luar bandar adalah sangat kritikal. Begitu juga di kawasan-kawasan bandar. Saya tidaklah menidakkan hak rakan-rakan di bandar untuk menikmati peruntukan yang lebih besar. Akan tetapi, adalah wajar untuk kita melihat bahawa pendidikan di luar bandar ini sangat penting.

#### ■1240

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada kerajaan untuk melihat berkenaan tentang sedikit peruntukan untuk kesihatan

mental dan juga penyalahgunaan *substance*. Rekod soalan parlimen yang saya terima, AADK telah menjawab bahawa berlakunya peningkatan dalam penyalahgunaan *substance* ketika musim COVID-19 ini. Saya setuju memandangkan keadaan ekonomi dan juga desakan kehidupan ini menyebabkan rakyat beralih kepada untuk menyelesaikan masalah *anxiety* ataupun keresahan dengan penyalahgunaan *substance*. Saya juga memuji kerajaan untuk meneruskan agar pihak swasta ataupun syarikat-syarikat mengambil bekas-bekas penagih ataupun bekas-bekas banduan ini untuk masuk ke dalam sistem untuk bekerja dan juga untuk diberikan pengecualian cukai.

Selain daripada itu, banyak perkara yang ingin saya perkatakan. Salah satu adalah saya memohon agar Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai hampir 25,000 permohonan rumah mampu milik. Saya juga sedikit kecewa, pandangan saya lontarkan kepada Menteri Kewangan adalah berkenaan tentang perlunya Kerajaan Persekutuan untuk membantu daripada segi pinjaman kepada pembangunan rumah-rumah panjang.

Kita lihat dalam rekod dari tahun 2017 hingga 2020 dan juga baru-baru ini terdapat dua buah rumah panjang di Sarawak terbakar. Untuk membina kehidupan baharu ini agak sukar dan juga memerlukan sedikit pinjaman. Kerajaan negeri menyalurkan pinjaman khusus kepada pembinaan baharu rumah panjang. Akan tetapi saya ingin melihat agar Kerajaan Persekutuan pun dapat membantu daripada segi ini. Terima kasih juga atas peruntukkan berkenaan tentang penyukatan tanah NCR.

Saya ingin menyebut satu topik yang banyak diperkatakan, sebentar tadi Yang Berhormat Johor Bahru menyebut berkenaan tentang Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya adalah merupakan Ahli Parliment dan juga bekas pegawai JASA. Saya juga merasakan layak untuk menceritakan ekosistem JASA tersebut. Saya setuju bahawa JASA adalah merupakan sebuah jabatan gerak saraf yang telah diwujudkan dalam tempoh 40 tahun yang lepas. Saya mempunyai satu pandangan berkenaan tentang perwujudan JASA baharu ini ataupun JASA 2.0.

Saya mengikuti perkembangan dan juga proses permohonan untuk mewujudkan JASA setelah JASA ini ditidurkan dan juga dimansuhkan. Kesan pemansuhan JASA ini telah menyebabkan ramai rakan JASA telah mengalami kehidupan yang agak sukar. Ada yang menjadi pembancuh simen, ada saya jumpa rakan-rakan JASA saya di Parliment bekerja untuk menjadi tukang hidang minuman. Sedangkan mereka mempunyai ijazah untuk bekerja. Terdapat juga pegawai-pegawai JASA yang bertugas sehingga hampir 15 tahun telah diberhentikan sedangkan mereka hanya beberapa minggu lagi untuk mendapat pekerjaan tetap dalam sektor kerajaan.

Saya juga melihat keputusan pemansuhan JASA ini adalah kerana perasaan kurang senang gerak kerja yang telah dipimpin oleh ketua pengarah yang lepas. Maka

di sini saya melihat sekiranya kerajaan ingin menubuhkan JASA baharu, saya menuntut agar Ketua Pengarah JASA yang baharu adalah harus datang di kalangan Pegawai Tadbir Diplomatik atau PTD. Tidak berlakunya lantikan ketua pengarah yang merupakan ahli parti ataupun mempunyai kepentingan tertentu.

Saya berharap agar JASA ini dipertimbangkan jumlah dana yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 ini dapat diguna pakai untuk membantu rakyat. Memang saya terkesan dengan komen-komen dan juga rakan-rakan berkenaan JASA. Memandangkan JASA bukanlah merupakan *cybertrooper*. Saya tidak akan menjadi seorang Ahli Parlimen sekiranya saya bekerja untuk menjadi *cybertrooper* ketika di dalam JASA. JASA pernah pergi Ba'kelalan membina sebuah padang futsal kerana kita melihat masyarakat memerlukan perkara tersebut. JASA pernah mengelilingi, saya sendiri pernah mengelilingi seluruh, dari Kangar sehingga Sabah untuk melihat dan juga mendengar dan juga maklumat-maklumat ini disampaikan kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Kerajaan dan juga JASA pernah mempunyai satu divisyen yang menyamai '*Invo*' walaupun setelah berlakunya pertukaran ketua pengarah. Perhatian berkenaan tentang analisa politik telah berkurang dan juga JASA bukannya melakukan *cybertrooper*. Selain daripada itu, untuk kawasan Sibuti— saya memohon sedikit 30 seconds berkenaan tentang gantian penuh SK Rumah Tinggi Pakut dan juga sekiranya kerajaan dapat meluluskan dalam belanjawan ini untuk projek gantian penuh SK Ulu Satap dan juga bina baru blok *last* SMK Luar Bandar untuk menjadikan SMK Luar Bandar satu sesi. Selain daripada itu, berkenaan status bina baru Klinik Sepupok, Niah kategori jenis dua.

Saya faham, banyak lagi perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan. Walaupun demikian saya berharap agar kerajaan dapat mempertimbangkan permintaan-permintaan Ahli Parlimen supaya dapat membantu rakyat. Dapat mengembalikan wang ringgit ini ke tangan rakyat untuk dibelanjakan untuk membawa makanan ke atas meja. Selain daripada itu, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada belanjawan ini agar belanjawan ini dapat segera diluluskan dan juga dapat dinikmati oleh masyarakat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Selangau. Diikuti oleh Yang Berhormat Jerantut. Sila Yang Berhormat Selangau, 10 minit.

**12.46 tgh.**

**Tuan Baru Bian [Selangau]:** Tuan Yang di-Pertua, Selangau berterima kasih kerana beri peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Dewan yang mulia ini. Saya memulakan dengan peruntukan kewangan ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan ke Sarawak adalah RM4.5 bilion. Hanya RM100 juta sahaja lebih berbanding peruntukan RM4.4 bilion yang diberikan pada tahun 2020. Bajet pembangunan Kerajaan PH iaitu Sabah dan Sarawak pada tahun 2020 adalah 17.1 peratus dengan Sarawak mewakili 7.8 peratus daripada bajet tersebut. Tahun ini peruntukan bajet untuk Sabah dan Sarawak mengecil kepada 13.9 peratus daripada jumlah keseluruhan bajet dengan Sarawak turun dari 7.8 peratus kepada 7.3 pada tahun 2021. Perkara ini adalah pelik kerana terdapat beberapa Menteri penuh dalam GPS yang kini berada Kabinet PN.

Pada masa pandemik ini, kita menjangkakan peningkatan dalam peruntukan kewangan. Kekurangan peruntukan jelas menjadi batu penghalang kepada Sarawak untuk mengejar pembangunan seperti yang dikecapi oleh Semenanjung Malaysia dari segi ekonomi. Semasa pembentukan Malaysia Tunku Abdul Rahman pernah berjanji untuk membawa pembangunan ekonomi ke Sarawak semasa Malaya menjemput Sarawak untuk membentuk Malaysia.

Sebagai peringatan, saya memetik kata-kata Tunku Abdul Rahman yang berbunyi dengan izin, *I quote him. "One of the principle objective was to further the economic development of the border territories, so that the standard of living and technical skill might be raised in a firm basis provided for accelerated economic growth, so that the gap between relatively backward step and advance would be narrowed and not widen."*

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Sarawak ketinggalan jauh di belakang Semenanjung Malaysia sekarang, sama seperti tahun 1963. Malah beberapa daerah termiskin di Malaysia adalah terletak di Sarawak. Saya akan jelaskan kenyataan ini nanti dan jelas sekali Kerajaan Persekutuan gagal mencapai objektif utama pembentukan Malaysia seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963. Saya tidak melihat kesungguhan dan keinginan Kerajaan PN untuk membuat sebarang perubahan pada situasi ini.

Mengangkat daerah yang miskin di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas kita dikejutkan oleh data yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia yang menunjukkan tujuh daripada 10 daerah termiskin di Malaysia adalah dari Sarawak. Daerah termiskin adalah Pakan, diikuti oleh Lubok Antu, Song, Kapit, Selangau, Simunjan dan Daro. Kerajaan seharusnya merangka program khas dan memberi

tumpuan yang lebih bagi memerangi kemiskinan dan membantu komuniti di kawasan-kawasan ini untuk meningkatkan status sosioekonomi mereka.

Saya percaya program jangka panjang yang harus dilaksanakan adalah memfokuskan kepada pendidikan untuk golongan muda. Oleh yang demikian, saya menyeru kerajaan memberikan peruntukan istimewa untuk mengangkat status daerah ini. Kajian juga harus dibuat untuk mengetahui faktor yang membawa kemiskinan kepada komuniti ini dan program khusus haruslah dilaksanakan untuk membantu komuniti ini.

#### ■1250

Peruntukan khas kepada komuniti tertentu. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faktor ialah peruntukan sebanyak RM100 juta untuk memperkasakan masyarakat India dan RM177 juta kepada masyarakat Cina. Kaum Dayak di Sarawak adakah kumpulan etnik terbesar di Sarawak. Membentuk lebih 43 peratus daripada jumlah Sarawak. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khas untuk pemerkasaan atau pendidikan Dayak. Saya ambil makluman terdapat pelbagai peruntukan untuk membantu Orang Asli Semenanjung Malaysia. Penduduk asal Sarawak dan Sabah juga berhak mendapat bantuan. Ada peruntukan untuk usahawan bumiputera dan PKS tetapi diragui kaum Dayak akan dimasukkan dalam peruntukan ini. Maka tidak hairanlah orang Dayak diselubungi kebencian kerana sehingga hari ini masih lagi dianaktirikan dan dilayan sebagai bumiputera kelas kedua. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa rakyat kita perlu dinaikkan daripada kelembapan ekonomi di daerah termiskin di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk merekrut lebih daripada 500 bekas tentera dan polis termasuk Orang Asli untuk mengawasi biodiversiti hutan-hutan dan aktiviti berburu di kawasan mereka. Selain daripada itu, merekrut 500 penduduk tempatan dan komuniti Orang Asli sebagai pemandu pelancong di Taman Negara mampu melonjakkan aktiviti ekopelancongan dan pengrekutan ini harus diluaskan kepada penduduk asal Sarawak juga. Hal ini mampu memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk asal Sarawak seperti kaum Dayak dan juga mereka dapat mengawasi hutan-hutan di sempadan negara dan sekali gus mampu menyekat kemasukan pendatang asing tanpa izin ke Sarawak.

Penubuhan semula JASA. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang penubuhan semula JASA oleh Kerajaan PN. JASA telah dibubarkan oleh Kerajaan PH selepas mengambil alih pemerintahan negara kerana JASA dijadikan sebagai alat politik Kerajaan BN untuk berkempen. Apakah justifikasi kerajaan untuk memperuntukkan jumlah yang amat besar sebanyak RM85.5 juta kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menghidupkan semula JASA? Adakah tidak masuk

akal untuk kerajaan memberikan peruntukan yang begitu besar kepada agensi kerajaan yang menjadi alat propaganda parti memerintah? Peruntukan yang besar ini adalah lebih baik digunakan untuk menyambung rangkaian internet untuk 830 buah sekolah di Sarawak yang rata-ratanya mempunyai sambungan internet yang amat teruk. Malah ada yang tidak mempunyai sambungan internet sama sekali.

Tahun ini kebanyakan kelas diadakan secara atas talian berikutan pelaksanaan MCO. Malangnya adalah mustahil untuk lebih daripada 50 peratus pelajar di Sarawak untuk mengikuti kelas tersebut seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Sains dan Teknologi Sarawak pada bulan Jun lepas. Fakta utamanya adalah kekurangan akses internet di kawasan pedalaman dan ketidakupayaan ibu bapa pelajar untuk membeli komputer riba atau *tablet* untuk kegunaan anak-anak atau kemampuan untuk melanggan perkhidmatan rangkaian internet.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seharusnya bertanggungjawab untuk membekalkan *gadget* kepada mana-mana pelajar yang tidak mampu membeli peralatan tersebut dan memperbaiki rangkaian internet di kawasan luar bandar terutamanya di Sarawak. Program JENDELA yang bernilai RM500 juta adalah bertujuan untuk membuat sambungan internet di 430 buah sekolah di seluruh Malaysia dan sudah pasti 830 sekolah di Sarawak akan tidak dapat menikmati kemudahan tersebut. Pilihan lain, bajet ini juga boleh diguna untuk mengangkat daerah yang termiskin seperti yang telah dinyatakan sebelumnya.

Geran Prihatin Khas. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Geran Prihatin Khas yang bernilai RM1,000 kepada 20,000 peniaga, pemandu teksi, *e-hailing*, sewa kereta dan pemandu pelancong di Sabah, geran tersebut seharusnya diperuntukkan kepada golongan peniaga yang sama di Sarawak kerana menghadapi cabaran yang sama.

Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pelancongan, Sarawak mempunyai potensi pelancongan yang besar tetapi tiada perhatian diberikan untuk membangunkannya selain daripada peruntukan sebanyak RM20 juta untuk menambah baik Kampung Budaya di Terengganu, Melaka, Sarawak dan Negeri Sembilan. Saya juga ingin menambah bahawa tidak ada perhatian lebih diberikan kepada industri perhotelan dan pemain industri pelancongan yang terjejas berikutan pandemik COVID-19.

Pembekalan makanan. Tuan Yang di-Pertua, penutupan pintu sempadan negara dan pengurangan aktiviti perdagangan dengan negara luar semasa MCO lalu mengajar kita betapa pentingnya kemampuan negara untuk menghasilkan makanan kita sendiri. Tidak kira berapa banyak wang di dunia ini, ia tidak mampu mengisi perut keluarga kita jika pesara tidak ada bekalan makanan. Inilah yang berlaku semasa

pembelian panik semasa MCO dulu. Peruntukan hendaklah diberikan kepada Sarawak khususnya untuk menjadikan negeri tersebut sebagai pengeluar beras terbesar di negara ini. Jadi kita boleh mengurangkan kebergantungan beras import dari Thailand dan Vietnam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, minta rumuskan Yang Berhormat.

**Tuan Baru Bian [Selangau]:** Malaysia mengimport sekurang-kurangnya 30 peratus hingga 40 peratus beras negara sejak 30 tahun yang lepas. Sarawak mempunyai beras terbaik, beras adan dan beras bario, tanah yang luas dan kerana itu petani kita seharusnya diberi sokongan untuk mengkomersialkan beras mereka dan membantu mempromosikan produk *local* untuk tujuan kegunaan tempatan dan pengeksportan ke luar negara. Masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri di sini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Selangau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jerantut.

#### **12.56 tgh.**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan saya untuk bersama membahaskan rang undang-undang kewangan negara tahun 2021 dalam suasana yang agak tidak menentu kepada dunia hari ini termasuklah juga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bajet ini secara keseluruhannya adalah baik. Namun ia bukanlah sesuatu yang *syumul*, yang tidak boleh ditambah baik, yang tidak boleh diberikan pandangan di mana-mana demi kebaikan rakyat dan juga negara kita. Justeru itu saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Perkara yang pertamanya ialah saya ingin menyentuh tentang bajet yang telah diberikan kepada Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi iaitu mengenai dengan peruntukan insentif pengeluaran harga getah yang bagi membantu para penoreh dan juga para pekebun kecil. Peruntukan tahun ini berjumlah sebanyak RM150 juta telah dinaikkan kepada RM300 juta. Terima kasih, kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan. Ini saya yakin sedikit sebanyak akan dapat membantu para penoreh meningkatkan nilai ekonomi mereka.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]*

Walau bagaimanapun saya sangat berharap agar sebahagian daripada jumlah ini dapat diberikan mungkin dari segi cara pentadbirannya diberikan juga kepada mereka yang menghasilkan lateks, iaitu getah dalam bentuk cecair. Ini kerana apa saya perhatikan negara kita memerlukan sebanyak 348,000 tan metrik getah cair yang digunakan kebanyakannya dalam produk-produk yang berasaskan kepada kesihatan. Peningkatan produk getah akibat daripada serangan COVID-19 di seluruh dunia tidak dapat banyak membantu kepada para penoreh kerana para penoreh negara kita kebanyakannya mengeluarkan getah dalam bentuk *cup lump*. Sedangkan permintaan yang banyaknya dalam bentuk lateks.

Jadi saya berharap agar kerajaan dapat memberikan pertimbangan sebagai galakan kepada para penoreh kita untuk mengalih tumpuan daripada mengeluarkan getah dalam bentuk *cup lump* kepada bentuk lateks dan dari segi jangka panjangnya *insya-Allah* jika sekiranya prasarana yang lengkap diberikan kepada pengeluar lateks ini, sudah pasti para penoreh akan beralih kepada pengeluaran lateks kerana harganya didapati jauh lebih tinggi daripada harga *cup lump*. Sekali gus sebagaimana saya katakan tadi, ia dapat mengelak kerajaan terus mengeluarkan peruntukan kepada IPG ini.

#### ■1300

Tuan Yang di-Pertua, kini negara kita hanya mengeluarkan sekitar sebanyak 10 peratus daripada keperluan negara, sedangkan kita mempunyai banyak kawasan-kawasan getah yang boleh menghasilkan pengeluaran lateks ini. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan idea untuk mewujudkan kawasan Koridor Lateks Wilayah Timur. Mudah-mudahan kerajaan dapat memberikan sedikit lagi pertambahan kepada geran padanan yang berjumlah sebanyak RM16 juta bagi meningkat maksud pengeluaran lateks ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada isu yang kedua yang ingin saya utarakan dalam waktu yang singkat ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan. Sejauh manakah kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula perjanjian yang melibatkan syarikat-syarikat konsesi dalam menguruskan jalan-jalan raya di Malaysia ketika ini? Pada hemat saya, pengagihan peruntukan kepada syarikat konsesi ini banyak merugikan negara dan juga rakyat.

Sebagai contoh, katalah sesuatu peruntukan itu diberikan sebanyak RM1 juta kepada satu daerah. Syarikat konsesi mengambil keuntungan sebanyak 20 ke 30 peratus. Kemudian baharu mengagih kepada kontraktor pelaksana. Kontraktor pelaksana mengambil lagi untung sebanyak 10 ke 20 peratus, yang tinggal untuk projek hanyalah sekadar sebanyak 50 ke 60 peratus. Jadi sudah pasti rugi kepada kerajaan

dan juga rakyat. Apalah salahnya sebahagian atau kesemua peruntukan ini kita agihkan kepada Kementerian Kerja Raya.

Kementerian Kerja Rayalah yang menguruskan kembali segala penyelenggaraan jalan ini terus kepada kontraktor-kontraktor kecil ataupun kontraktor G1 di setiap daerah. Sekali gus, ianya akan merancakkan lagi ekonomi di satu-satu kawasan sempena dengan COVID-19 ini. Tambah-tambah lagi lah keperluan kumpulan kontraktor G1 ini dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalihkan tumpuan saya kepada satu lagi topik iaitu kawasan-kawasan Taman Negara. Seperti contoh, Taman Negara di Jerantut Pahang. Saya berharapkan agar kerajaan bersedia untuk memberikan pengurusan Taman Negara ini kepada perbadanan-perbadanan yang diwujud oleh kerajaan negeri agar ianya dapat ditambah nilaiakan aset-aset yang ada untuk pengembangan ekonomi di satu-satu kawasan tersebut. Ini kerana buat masa ini sekiranya di bawah pentadbiran kerajaan, sudah pasti ia ada tersedikit halangan.

Contoh baru-baru ini, sempena dengan COVID-19, pihak kerajaan telah mengarahkan penutupan kepada Taman Negara ini, sedangkan kawasan Taman Negara ini adalah kawasan hijau yang tidak sepatutnya kita tutup. Akan tetapi apabila diarah tutup serta-merta, sudah pasti memberikan masalah kepada penggiat-penggiat pelancongan. Pelancong yang ada sekitar lebih kurang sebanyak 500 orang di Taman Negara.

Perniagaan pelancongan bukanlah macam kita jual ubat, hari ini tutup, petang karang buka, orang datang balik. Untuk perniagaan pelancongan ini memerlukan masa, paling tidak seminggu baharu industri ini agak beransur pulih. Jadi saya harap, kerajaan bersedia memberikan pengurusan kepada perbadanan jika diminta atau dicadangkan oleh kerajaan negeri.

Seperkara lagi yang terakhir mungkin ialah saya mengharapkan moratorium pembayaran pinjaman ini dipanjangkan dan dilebarkan terutamanya kepada agensi-agensi yang berkaitan dengan kerajaan seperti pinjaman TEKUN, pinjaman PTPTN yang hari ini mungkin para peminjam terpaksa meneruskan pembayaran, sedangkan mereka tertekan akibat tidak ada mendapat gaji ataupun punca-punca pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada permohonan di kawasan saya. Perkara pertamanya ialah saya hendak menarik perhatian kerajaan agar menyegerakan naik aras Jalan Jerantut – Padang Piol iaitu di AP1508. Ini sudah lama saya bangkitkan sejak saya menjadi wakil rakyat bermula pada tahun 2013. Setiap tahun saya bangkitkan hanya sekadar bangkit, tidak nampak jalan lagi sampai sekarang, sedangkan jalan ini penting. Apabila musim tengkujuh tidak dapat dilalui kerana air naik, para pelancong dan juga penduduk terkandas. Tidak banyak Tuan Yang di-Pertua,

peruntukannya lebih kurang sebanyak RM14.1 juta sahaja. Janganlah dijadikan alasan sempena COVID-19 ini, jalan ini pun tidak dapat hendak dibuat. Sudah selama lapan tahun. Kerajaan sudah bertukar daripada BN kepada PH, sekarang ini PN. Jadi harap sempena dengan PN ini, dapatlah direalisasikan jalan tersebut.

Perkara yang kedua yang saya tanya kepada Kementerian Kesihatan. Bilakah agaknya permohonan membina baharu pusat kesihatan di Taman Negara? Kawasan pelancongan, keadaannya sangat daif. Malu kita kerana para pelancong keluar tengok keadaan pusat kesihatan seolah-olah macam kawasan setinggan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah datang tetapi nampaknya tidak ada hasil juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharap agar sebuah IPD baharu dapat dilaksanakan pembinaan di Jerantut kerana IPD sekarang ini sudah tidak kondusif. Maklumlah dibina pada tahun 1976, sudah pastilah berbeza suasana tahun 2020 ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirnya saya mengharap agar Jalan Jerantut Temerloh yang melalui Parlimen Kuala Krau ini dapat dinaik taraf bagi kepentingan pengguna di tiga daerah iaitu Temerloh, Jerantut dan juga Kuala Krau. Ianya juga akan menggalakkan perkembangan pelancongan di kawasan melibatkan tiga-tiga Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih ada sebanyak 11 minit lagi saya hendak berikan dua buah pantun:

*Titah Tuanku kedengaran di seluruh negara,  
Untuk kita bertindak bersama,  
Sepakat kita majulah negara,  
Tegak kita menang bersama.*

*Tegak kita menang bersama,  
Berpecah kita untung tiada,  
Bajet dipinda kebaikan bersama,  
Bajet disokong sengketa tiada.*

Sekian, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. *Wabillahi Taufiq Walhidayah*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Dipersilakan Yang Berhormat Puchong.

### 13.07 tgh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya juga untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021. Tuan Yang di-Pertua, memang kita semua sedar bahawa dalam masa kita melalui wabak COVID-19 ini, ramai yang melalui keadaan yang susah. Kalau kita lihat kepada

atas belanjawan untuk tahun depan, menjadi satu belanjawan yang cukup besar. Ianya meliputi satu jumlah yang cukup besar yang mencecah lebih daripada RM300 bilion.

Satu perkara yang kita perlu memberi penekanan Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan sumber aset atau sumber kewangan negara kita. Dalam keadaan ini kita kena lihat juga kepada usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk pastikan bahawa wang-wang yang telah dilesapkan daripada negara kita, khususnya dalam skandal 1MDB dikembalikan kepada negara kita. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada baca satu rencana dan ianya dalam semua portal rasmi negara kita dan saya bawa petikan daripada portal di *Free Malaysia Today*. Di mana dinyatakan seperti berikut dan saya minta izin untuk baca, “*Jho Low blames Najib, sees ‘no wrongdoing’ in 1MDB scandal*”. Ini apa yang dinyatakan oleh Jho Low dan ianya telah pun dipetik oleh Al Jazeera. Ada juga rakaman-rakaman percakapan dalam petikan itu dan ianya disiarkan untuk seluruh dunia membaca.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di dalam rencana itu juga bagaimana beliau menyatakan bahawa ada usaha-usaha untuk kembalikan wang-wang yang telah pun dilesapkan melalui skandal 1MDB ini. Juga dinyatakan berkenaan dengan permata ataupun *jewelry* yang diambil oleh seseorang tertentu dan dengan perkataan beliau; “*in the region of the north of half a billion ringgit*” dan ini perkara yang cukup besar.

### ■1310

Apakah respons kita? Respons kita melalui IGP dalam satu petikan juga— saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk baca. “*IGP says aware of Jho Low’s bargain attempts since 2018, assures fugitive of safe passage to Malaysia to explain himself*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu apakah tindakan yang telah pun diambil oleh kerajaan untuk pastikan bahawa kita boleh kembalikan Jho Low ke Malaysia? Kenapa sekarang kita tidak dengar berkenaan dengan perkara itu? Walhal kita di sini melihat ke sini ke sana untuk memastikan kita ada sumber kewangan untuk meringankan beban rakyat dalam masa yang susah ini. Bagaimana dengan usaha kita untuk kita pastikan bahawa beliau kembali ke Malaysia, tindakan diambil terhadap beliau untuk kesalahan sekiranya ada? Yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harta-harta yang telah pun dilesapkan oleh beliau dalam skandal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu petikan lagi. Dalam belanjawan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada kekurangan ataupun *reduction* di dalam jumlah wang yang disalurkan kepada Jabatan Peguam Negara. Saya baca, Tuan Yang di-Pertua, dalam *Malay Mail report*, [malaymail.com](http://malaymail.com), 16 November 2020. Ini apa yang dinyatakan.

“*The prosecution takes 37 percent cut even as overall allocation for AGC rises slightly in Budget 2021.*” Apa yang dinyatakan adalah seperti berikut. “*The Attorney*

*General Chambers annual budget will inch up RM178 million for 2021 but its Prosecution Division will see its allocation shrink by nearly 37 percent to just RM9.8 million next year.*" Ini satu perkara yang memang memusyikkan. Ada seorang peguam yang dipetik yang menyatakan, yang express concerns that the 37 percent cut would leave the Prosecution Division with only RM9.8 million compared to RM15.5 million in 2020. Jadi jumlahnya turun daripada RM15.5 juta dalam tahun lepas kepada RM9.8 juta sahaja dalam tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat kepada betapa pentingnya Jabatan Peguam Negara dalam perkara-perkara menguruskan keselamatan dan juga menegakkan undang-undang dalam negara ini. Satu daripada kes yang telah pun mereka mendakwa adalah kes terhadap Yang Berhormat Pekan, Datuk Seri Najib Razak. Dalam artikel ini juga ada menyatakan, saya baca, "*He said this division was one that heads the prosecution of various politicians including former Prime Minister Datuk Seri Najib Razak and urge the government to explain the lower budget for prosecution work, questioning the justice that this reduction would bring*".

Jadi saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa kah ada satu pengurangan bukan 10 peratus, 20 peratus tetapi 37 peratus, *almost half*, daripada wang yang disalurkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk mereka melaksanakan tugas? Kepada saya, ini satu perkara yang sangat penting kerana kita perlu melihat bagaimana kita boleh menggalakkan mereka lagi untuk menjalankan tugas khususnya di mana mereka ini mengambil kes-kes yang sebesar ini yang mempunyai kesan yang juga dilihat oleh seluruh dunia.

Jadi, di satu sudut kita lihat kekurangan kewangan, kekurangan sumber dana dan sebagainya tetapi apabila kita lihat ada artikel sebegini disiarkan, tidak ada respons. Kerajaan kita duduk diam. Kenapa? Saya mahu tahu. Tidak akan setakat kita hanya ada IGP yang kata, "*Please come back*"? Adakah itu setakat apa yang kita boleh laksanakan? Bagaimana dengan prosedur-prosedur yang wujud bagi tujuan kita memastikan bahawa mereka-mereka yang kita perlukan buat tujuan pendakwaan ataupun tujuan untuk kita menuntut semula wang-wang ataupun aset kita dikembalikan kepada negara ini? Saya menuntut satu penjelasan daripada kerajaan berkenaan dengan perkara ini.

Di dalam artikel itu juga dibangkitkan dan saya rasa ini adalah satu mungkin a comparison which is fair. Dia kata kita ini menurunkan peruntukan untuk prosecution department dalam AG's Chambers by 37 percent. Dalam masa yang sama, kita ingin mewujudkan satu bajet RM85.5 juta untuk satu unit propaganda kerajaan. Ini membawa satu persoalan dan tanda tanya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat hari ini ada beberapa pihak yang menyatakan berkenaan dengan Komuniti Harapan Malaysia (KHM) yang telah pun saya wujudkan semasa saya menjadi Menteri Komunikasi dan Multimedia. Ada di situ disebutkan bahawa KHM ada wang sebanyak RM100 juta yang digunakan semasa itu buat tujuan yang sama. Saya ingin memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, semasa saya menjadi menteri, kita telah pun mengambil langkah-langkah untuk kita mengukuhkan Jabatan Penerangan Malaysia. KKMM ada Jabatan Penerangan, ramai yang bekerja di situ dan *to be fair and I want to say this openly*, ramai daripada mereka yang sangat berkaliber, yang boleh melaksanakan tugas, yang saya tahu selama dua tahun saya di situ melaksanakan tugas dengan cukup baik.

Di dalam jabatan ini, ada usaha-usaha untuk kita menggerakkan program-program komuniti. Untuk tujuan itu, kita telah pun menubuhkan apa yang disebut sebagai Komuniti Harapan Malaysia dan ia telah menggantikan apa yang dulunya dikenali Komuniti 1Malaysia. Tak ada siapa-siapa yang dibayar gaji, Tuan Yang di-Pertua, kerana ia program komuniti yang diuruskan oleh sukarelawan. Setiap komuniti diberikan RM6,000 setahun. Bukan sebulan tapi setahun untuk menyusun program-program komuniti dan daripada itu kita lihat jumlah sebanyak RM8.5 juta diketepikan setahun untuk komuniti-komuniti itu. Memang tidak sama. Tidak perlu kita menggariskan persamaan di antara ini dua.

Saya ingin menekankan di sini sekali lagi. Kita boleh membawa usaha-usaha untuk kita mengukuhkan lagi Jabatan Penerangan, mengukuhkan lagi apa-apa akses yang kita ada dalam KKMM. Saya beri contoh, RTM. Saya ingin menyatakan dan juga tanya kerajaan berkenaan dengan masalah yang kita hadapi oleh pekerja-pekerja '*piecemeal*' dalam RTM. Kita lihat keadaan-keadaan di mana bayaran mereka, gaji mereka ini lewat kerana kononnya tidak ada dana.

Akan tetapi, di sini kita lihat bagaimana wang sebesar ini boleh disalurkan untuk kita membangunkan semula apa yang disebut sebagai JASA. Jadi, apakah usaha-usaha kita ini untuk menggalakkan pekerja yang ada dalam KKMM supaya mereka boleh melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik supaya kita boleh meneruskan dengan membawa maklumat yang perlu kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya dalam keadaan sekarang di mana kita melalui wabak seperti COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa masa tidak memihak kepada saya. Bolehkah, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bangkitkan satu lagi perkara berkenaan dengan infrastruktur telekomunikasi?

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar beberapa jawapan yang diberikan dua tiga hari berlanjutan dalam Dewan ini, khususnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di

mana disentuh perkara berkenaan perlunya kita melihat bagaimana kita boleh bangkitkan infrastruktur untuk kita pastikan bahawa khususnya kawasan-kawasan luar bandar itu ada akses kepada *internet*. Ini kerana kita tahu dalam musim wabak sebegini, kita ini menggalakkan *work from home* ataupun *studies from home*. Satu daripada perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya lihat adalah pengumuman bahawa kita ada rancangan di mana kita akan bangunkan apa yang disebutkan sebagai *infra telecommunication towers*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu itu akan mengambil masa yang cukup panjang. Bukan senang. Bukan sehari dua kita boleh mewujudkan tiang-tiang telekomunikasi, bukan sahaja di kawasan bandar, kawasan luar bandar, kawasan pinggir bandar dan sebagainya. *So, we have to look for ways, by which we can actually connect the country faster.* Bagaimana kita akan melaksanakan ini?

Kita tidak ada masa setahun. Dalam masa setahun kita tidak boleh beritahu pada murid-murid sekolah bahawa untuk satu tahun tidak ada sekolah melalui talian. *We can't because we will then establish a country where there are two different sets of people.* Satu yang ada akses kepada *internet* dan juga maklumat melalui *internet* dan satu yang kena tunggu.

Semasa saya menjadi menteri, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun lihat kepada bagaimana kita boleh lihat infrastruktur lain. Satu daripada perkara yang kita lihat adalah bagaimana kita boleh mungkin menyediakan akses jalur lebar dengan menggunakan teknologi satelit di mana melalui teknologi tersebut kita boleh dalam masa yang singkat, kita boleh *connect*, dengan izin, tempat-tempat khususnya di luar bandar dan sebagainya.

Saya minta supaya kerajaan lihat kepada perkara ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bagaimana dalam enam bulan yang lalu, ramai sekarang yang telah pun mula bekerja daripada rumah. Kita juga perlu menggalakkan apa yang disebut sebagai perniagaan melalui talian dan sebagainya. *And I think* dalam masa yang akan datang, seperti mana bila saya menjadi menteri dulu, saya katakan bahawa *internet* ini sangat penting.

## ■1320

Ia seharusnya dilihat sebagai satu utiliti dan kepada saya ia dan kepentingannya akan menjadi lebih dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa tidak mengizinkan. Dengan keadaan itu, saya ingin menyatakan bahawa saya dalam keadaan ini berharap bahawa apa yang kita dapat lihat dalam jawapan ini— bukan jawapan sekadar apakah rancangan yang ada. Saya rasa rakyat mahu tahu apakah yang akan dilaksanakan sekarang yang mana

kita dapat lihat hasilnya sekarang dan bagaimanakah ia boleh bantu rakyat dalam masa yang kita menghadapi sekarang.

Saya harap bahawa jawapan-jawapan itu dapat diberikan kepada saya. Saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Kemaman.

### 1.21 tgh.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 pada tahun ini.

Sebelum itu, saya mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham bekas Ahli Parlimen Gerik, Yang Berhormat Dato' Hasbullah bin Osman yang telah kembali ke rahmatullah pada dua hari lepas. Didoakan semoga rohnya bersama orang yang beriman dan yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini merupakan suatu belanjawan yang penting kerana ia merupakan satu pakej besar kepada rakyat dan negara bagi menghadapi fasa memperkasakan ekonomi negara kita. Malah dalam masa yang sama membina batubata ke arah fasa menyusun semula ekonomi bagi jangka masa yang panjang. Kedua-dua fasa ini adalah sebahagian daripada strategi '6R' yang telah dirangka oleh pihak kerajaan bagi menghadapi impak daripada penularan pandemik COVID-19. Kita mendoakan agar strategi-strategi ini dapat diterjemahkan dengan sebaik mungkin serta penularan pandemik ini berakhir dengan segera *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Bank Negara pada 13 November yang lalu menunjukkan KDNK sebenar negara kembali mengukuh kepada negatif 2.7 peratus kepada negatif 17 peratus pada suku kedua tahun ini. Kedudukan ini bertitik-tolak daripada peningkatan permintaan luar khususnya dari China, kelonggaran daripada fasa PKPP yang mendorong aktiviti ekonomi kembali rancak serta pakej rangsangan ekonomi yang secara keseluruhannya menelan belanja sebanyak RM305 bilion dengan suntikan fiskal sebanyak RM55 bilion.

Kita mengharapkan agar KDNK negara dapat mencapai sasaran sebanyak 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun hadapan seperti yang diunjurkan Kementerian Kewangan. Tambahan lagi, berdasarkan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2021–2023 yang mana KDNK negara diunjurkan berada dalam lingkungan sebanyak 4.5 peratus hingga 5.5 peratus dengan jangkaan harga minyak mentah global berada pada

paras USD45 hingga USD55 setong sehari serta pengeluaran minyak pada jumlah sebanyak 580,000 setong sehari.

Dengan kedudukan KDNK yang mengukuh pada tahun hadapan, sedikit sebanyak akan menstabilkan paras hutang kerajaan kepada KDNK yang telah mencapai paras sebanyak 60.7 peratus dengan jumlah RM874.3 bilion sehingga September 2020 ini. Namun dalam konteks fiskal, apa yang lebih perlu diberikan perhatian adalah paras bagi akaun semasa yang semakin menipis sejak tahun 2008 lagi.

Baki daripada hasil kerajaan yang digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus telah mengalami penurunan dan jumlah itu semakin mengecil. Pada tahun 2019, jumlah baki akaun semasa adalah sejumlah RM1.07 bilion, manakala berkurang kepada sebanyak RM550 juta pada tahun 2020 dan terus diunjurkan rendah pada tahun 2021 iaitu sejumlah RM360 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan sejumlah 60 peratus hingga 70 peratus *lock-in* perbelanjaan mengurus yang sukar untuk diubah seperti emolumen, bayaran khidmat hutang, geran kepada kerajaan negeri dan sebagainya. Maka, *option* lain yang ada adalah dengan mempelbagaikan hasil kerajaan itu sendiri. Hasil kerajaan bergantung sepenuhnya kepada cukai langsung dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara sememangnya telah mengurangkan kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum.

Dalam hal ini, saya mengutarakan dan mencadangkan kepada pihak kementerian khususnya kepada Kementerian Kewangan supaya melakukan kajian yang mendalam untuk memperkenalkan mungkin cukai baharu yang boleh diambil dalam tempoh dua hingga tiga tahun yang akan datang ini. Cukai ini mestilah memenuhi prinsip asas iaitulah tidak mengambil daripada harta orang miskin dan mengambil lebihan kekayaan daripada individu ataupun syarikat konglomerat lebihan kekayaan yang tidak terusik atau *ideal resources* serta dengan kadar yang bersesuaian.

Pengenalan cukai dengan prinsip ini perlu bagi memastikan kekayaan tadi dapat *di-inject* kembali ke dalam ekonomi dan menstabilkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Di samping, dalam masa yang sama dapat menambahkan hasil kepada kerajaan itu sendiri. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT di dalam Al-Quran supaya harta kekayaan tidak berlegar dalam kalangan orang-orang yang kaya semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PKPB semula pada November hingga Disember tahun ini sememangnya memberi impak yang mengejutkan kepada seluruh ekonomi negara kita bahkan rakyat negara kita. Apatah lagi dengan penutupan sekolah. Golongan pengusaha kantin dan bas sekolah sudah tentu terkesan selain para guru dan pelajar. Saya mengharapkan kerajaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan

Malaysia dapat memberi perhatian terhadap keluhan para pengusaha kantin dan juga bas sekolah ini. Peruntukan keseluruhan sebanyak RM50.4 bilion perlu dioptimumkan bagi memastikan kesemua pihak tidak ketinggalan dalam menerima bantuan dan peruntukan yang sepatutnya ini.

Walau bagaimanapun, saya menyambut baik langkah kementerian supaya program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dilaksanakan pada setiap hari. Namun, saya mengharapkan agar kos RMT bagi seorang pelajar dapat dinaikkan mengambil kira peningkatan kos bahan mentah pada sekarang ini.

Selain itu, saya juga ingin membangkitkan mengenai bentuk bantuan pendidikan untuk melanjutkan pelajaran seperti MyBrain15 dan sebagainya. Apakah perkara tersebut berada dalam perancangan kerajaan untuk dilaksanakan pada tahun hadapan?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebutkan beberapa perkara berhubung dengan isu di Kemaman. Kemaman merupakan sebuah daerah yang kedua terpenting selepas daripada Kuala Terengganu dalam konteks pembangunan ekonomi. Laporan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2018 menunjukkan jumlah pelaburan dalam beberapa projek di Teluk Kalong, Kemaman yang hampir mencecah sejumlah RM4 bilion termasuklah salah satunya daripada *petroleum product*.

Di Kemaman juga mempunyai loji penapis minyak sejak tahun 1982, loji tersebut diuruskan oleh syarikat Petroleum Penapisan Terengganu Sdn. Bhd.. Dengan keadaan pembangunan ekonomi yang pesat ini, malangnya untuk makluman Dewan dan kementerian, Kemaman masih tidak mempunyai sekolah bertaraf Sekolah Berasrama Penuh.

Oleh itu, sekali lagi saya mohon untuk diwujudkan Sekolah Berasrama Penuh demi kemudahan rakyat di Kemaman. Malahan, dengan pembangunan dan kemajuan bidang minyak dan gas (*oil and gas*) di Parlimen Kemaman ini, sewajarnya kerajaan juga mempertimbangkan untuk membina sama ada UTP kedua bertaraf universiti ataupun mana-mana cawangan universiti awam dapat diwujudkan di Kemaman ini. Ini adalah sesuai dengan demografi dan kedudukan geografi selain memikirkan pembangunan jangka masa panjang bidang minyak dan gas yang sinonim dengan negeri Terengganu itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada kerajaan kerana berjaya memulihkan semula harga minyak sawit negara kita. Harga minyak sawit mentah negara kita naik kepada sejumlah RM3,429.50 satu tan menjadikan harga tertinggi yang pernah tercatat daripada Mei 2012 dahulu lagi.

**■1330**

Tentunya ia merupakan satu petanda yang positif kepada kementerian yang terbabit berkaitan terhadap pemulihan harga komoditi sawit di negara ini. Selain menunjukkan peningkatan permintaan yang positif daripada negara China dan India yang menjadi dua pengimport utama sawit negara, oleh itu saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada pihak kementerian mengenai rancangan galakan pelaburan dalam mekanisme atau automasi kementerian dengan geran padanan sebanyak RM30 juta. Apakah rancangan terperinci mengenai perkara berkenaan dan juga jangka masa yang panjang iaitu *return of investment* yang bakal diperoleh oleh pihak kerajaan bagi tujuan tersebut? Hal yang demikian sangat penting bagi terus mempersadakan sektor komoditi negara kita.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu gangguan gajah liar yang berlaku di Parlimen Kemaman, di mana peningkatan kes-kes gangguan gajah liar ini telah mengancam keselamatan masyarakat setempat selain menyebabkan kemasuhan terhadap kebun dan ladang yang berhampiran. Saya ingin mendapatkan perhatian pihak kerajaan, khususnya kementerian terbabit supaya dapat mempertimbangkan penambahan anggota PERHILITAN, khususnya di negeri Terengganu serta aset-aset yang sudah lama berkaitan dengan tugas mereka bagi menangani perkara ini.

Hal yang demikian, memandangkan jumlah bilangan kakitangan Pejabat PERHILITAN, khususnya di daerah Kemaman, saya difahamkan seramai tujuh orang dan awal bulan lepas ditukar seorang lagi ke Johor, kemudian seorang ke Perak, sekarang ini tinggal lima orang. Inilah keadaan yang ada kepada Jabatan PERHILITAN supaya saya mengharapkan pihak kementerian memberi perhatian yang sewajarnya. Apa pun saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan PERHILITAN Daerah Kemaman yang berjaya menangkap minggu lepas seekor gajah liar ini dan dapat dipindahkan ke tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapan kepada *frontliners* dan barisan hadapan yang mencurahkan khidmat mereka sepanjang berdepan dengan COVID-19 ini sehingga sanggup mempertahankan nyawa sendiri demi negara dan rakyat negara kita seluruhnya dan didoakan agar Allah SWT sentiasa melindungi kesihatan mereka dan berikan kekuatan kepada mereka. Saya mengharapkan semua pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat diambil kira pandangan mereka oleh kerajaan demi kepentingan rakyat dan ekonomi di negara kita ini. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Saya mempersilakan Yang Berhormat Labuan.

### 1.33 tgh.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang untuk turut membahaskan Belanjawan 2021 ini. Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan situasi luar biasa yang sangat mencabar. Jadi, kita perlu peruntukan kewangan yang cukup besar untuk menanganinya dengan berkesan. Amaun RM322.5 bilion adalah terlalu kecil. Sedikit lebih besar daripada belanjawan sebelum ini sahaja. Di samping keutamaan mesti dibetulkan, bagi saya jumlahnya perlu ditambah sekurang-kurangnya 10 peratus atau RM32 bilion lagi walaupun ia akan meningkatkan hutang negara.

Krisis ekonomi kali ini sangat dahsyat. Peruntukan besar diperlukan untuk Kementerian Kesihatan. Kita mesti menyediakan vaksin COVID-19 yang selamat untuk seluruh negara secepat mungkin. Ia mesti murah dan ramai juga yang perlu diberi percuma. Begitu juga untuk kementerian-kementerian lain untuk menyelamatkan rakyat yang sudah ramai kehilangan mata pencarian. Kerajaan kena bantu peniaga kecil, sederhana dan mikro yang mengalami cabaran aliran tunai. Kena bantu betul-betul, bukan setakat '*melepas batok di tangga*'.

Saya menyokong supaya pengeluaran yang cukup besar *one-off* dari Akaun 1 KWSP dibenarkan kepada semua pencarum. Selain ia membolehkan rakyat dapat menangani masalah masing-masing menggunakan wang sendiri, ia juga akan membantu pemulihan ekonomi negara. Begitu juga opsyen lanjutan moratorium untuk semua. Ramai di luar sana yang berhadapan dengan masalah aliran tunai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa membahas singkat, saya ingin terus tumpu kepada Labuan. Tema Belanjawan 2021 *Teguh Kita, Menang Bersama*. Perbahasan saya bertajuk, "*Apa nak jadi dengan Labuan?*". Labuan sudah 37 tahun sebagai Wilayah Persekutuan, lebih lama dari Putrajaya. Semalam, jumlah keseluruhan kes COVID-19 positif di Labuan yang penduduknya hanya 100,000 orang adalah 1,184 kes. Nombor satu paling tinggi dalam negara dari segi peratusan atau kadar per kapita. Lebih dua kali ganda dari yang nombor dua, Sabah. Padahal pasukan Pusat Kawalan Operasi Bencana COVID-19 Labuan sudah bertungkus-lumus dan mereka adalah yang terbaik.

Kenapa ini boleh terjadi? Ia oleh sebab di Labuan kepadatan penghuni setinggan dan penempatan pelarian terlalu tinggi. Anggaran konservatif melebihi 15,000, termasuk PTI yang sentiasa menyelinap keluar masuk. Angka 15,000 adalah 15 peratus dari penduduk Labuan, sangat tidak padan dengan status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa. Ini kerajaan tidak

boleh biarkan, kena urus. Rumah kos rendah, terutamanya untuk disewa dengan sewa yang paling rendah seperti yang ada di Kuala Lumpur sepatutnya disediakan secukupnya untuk semua warga Labuan yang layak dan memerlukan sama ada dari keluarga orang asal Labuan atau warga Malaysia yang sudah bermastautin di Labuan. Labuan sepatutnya sifar setinggan. Saya sudah cakap sebelum ini di Parlimen, mengulangi apa yang diberitahu oleh Pengarah Kesihatan Labuan bahawa perkampungan setinggan dan penempatan tersebut adalah bom jangka untuk penyakit berjangkit. Waktu itu kita risau mengenai tibi, kolera, denggi dan lain-lain. Sekarang mimpi ngeri itu sudah jadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya di sini adalah kerajaan dari dulu lagi gagal untuk melengkapkan pembangunan bersepadu Pulau Labuan yang kecil saja pun, yang sepatutnya dijadikan pulau taman *the Pearl of Borneo*. Akan tetapi Kerajaan Persekutuan sejak 20 tahun yang lepas, berhenti bersungguh dalam memberikan peruntukan yang cukup besar untuk terus melonjak dan menjayakan Labuan. Sebelum COVID-19 melanda pun, kehidupan ramai rakyat Labuan berpendapatan rendah memang sudah cukup sengsara. Bagi mereka yang menghidap sakit jantung, kanser mata antaranya terpaksa pergi ke Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu sebab rawatan itu belum ada di Labuan. Dalam keadaan sakit dan kekurangan wang, mereka terpaksa minta bantuan sana sini. Selepas itu, kena naik feri dua jam sebelum mula memandu atau naik bas selama dua jam setengah lagi. Yang Berhormat Menteri Kesihatan boleh *check bed occupancy rate* (BOR) di Labuan agak rendah sebab ramai pesakit terpaksa ke Kota Kinabalu.

Di bawah kepimpinan Pengarah Kesihatan Labuan sekarang ini, bilangan doktor dan *equipment* sudah ketara bertambah. Syabas tetapi kami di Labuan sepatutnya sudah lama mempunyai hospital pakar *major* dengan bidang kepakaran yang cukup. Perkhidmatan boleh diberikan bukan sahaja untuk Labuan tetapi juga kawasan berhampiran di selatan Sabah. Mana boleh Labuan yang berstatus sebagai pusat kewangan antarabangsa dan hab logistik minyak dan gas tidak mempunyai hospital pakar *major*. Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa Labuan mempunyai KDNK hampir RM8 bilion, lebih besar daripada negeri Perlis dan KDNK per kapita mengikut negeri, Labuan sentiasa berada nombor dua di belakang Kuala Lumpur.

#### ■1340

Labuan di tahap RM77,798 per kapita bagi tahun 2019 dibandingkan dengan RM46,050 untuk Malaysia. Akan tetapi ia tidak memperlihatkan keadaan sebenar kualiti kehidupan rakyat kebanyakan di Labuan. Banyak keluarga yang masih hidup dalam serba kekurangan. Rumah-rumah keluarga miskin sangat daif dan baru-baru ini ada lagi beberapa buah yang roboh dan rosak teruk apabila hujan lebat dan angin kuat menimpa

Labuan. Mereka selalunya akan cuba diberi bantuan kecemasan sedikit sahaja dengan mereka terpaksa menumpang di rumah keluarga dengan lama. Ada yang sampai bertahun-tahun. Sebelum COVID-19, kadar pengangguran Labuan tujuh peratus hingga lapan peratus, adalah melebihi dua kali ganda daripada kadar pengangguran negara.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan sudah 30 tahun sebagai pusat kewangan antarabangsa. Belasan ribu syarikat antarabangsa berdaftar di *Labuan Financial Services Authority* (LFSA). Untuk memenuhi syarat antarabangsa OECD, Dewan Parlimen ini telah meluluskan undang-undang di mana *Labuan entities* tersebut dikenakan *Economic Substance Requirements* (ASR) bermula bulan Januari 2019. ASR ini mensyaratkan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) mesti ada perbelanjaan minimum;
- (ii) mempunyai pejabat; dan
- (iii) sekurang-kurangnya mempunyai dua orang staf di Labuan.

Ini baik untuk ekonomi Labuan tetapi *Labuan entities* yang kebanyakannya melakukan *general trading* dan *services*, tidak dimasukkan di dalam jadual di bawah *Labuan Business Activity Tax Act 1990* (LBATA). Jadi dikenakan bayaran *tax* yang lebih tinggi di bawah *income tax* iaitu antara 17 peratus hingga 24 peratus. Ini sudah tentu menyebabkan *Labuan entities* tersebut akan berpindah ke *jurisdiction* lain seperti Singapura, Hong Kong, BVI, Cayman Islands dan lain-lain.

Saya difahamkan sudah banyak dan banyak lagi, ribuan yang dalam proses untuk meninggalkan Labuan. Ini akan merugikan negara yang akan kehilangan jutaan ringgit kutipan *tax* dan ini akan menggagalkan Labuan sebagai IBFC. Perkara ini adalah *urgent*. Kementerian Kewangan kena bertindak segera sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 ini juga mencadangkan supaya produk *tobacco* dikenakan cukai di pulau-pulau bebas cukai termasuklah Labuan. Saya sendiri tidak merokok tetapi saya menentang sebab ia akan membuatkan ekonomi Labuan bertambah parah. Selama ini jumlah kedatangan masuk ke Labuan melebihi satu juta orang setahun dan sebahagian besar adalah dari Sabah dan Sarawak yang datang ke Labuan untuk *duty free shopping* termasuk produk *tobacco*. *Domestic tourism* adalah sebahagian besar daripada ekonomi Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun pertama saya di Dewan ini pada 2013, saya terus menerus bercakap mengenai Jambatan Labuan-Menumbok. Apa keadaan sekali pun saya tidak akan berhenti menyuarakannya. Projek pemacu perubahan ini sangat penting untuk masa depan Labuan, Sabah dan juga negara. Projek ini sepatutnya menjadi salah satu ikon kepada era pandang ke Borneo.

Tuan Yang di-Pertua sebagai penutup, saya ingin menyentuh mengenai peruntukan mengurus Perbadanan Labuan (PL) melalui Kementerian Wilayah

Persekutuan. Untuk sekian lama, PL diberikan peruntukan mengurus dalam RM50 juta sebagai tambahan kepada pendapatan PL sendiri iaitu lebih kurang RM35 juta, hasil daripada kutipan cukai pintu, fi lesen, sewa dan lain-lain setiap tahun. Selama ini pun PL terpaksa membuat langkah-langkah penjimatan.

Peruntukan 2021, saya lihat akan diturunkan begitu banyak menjadi cuma RM39.4 juta. Apa hendak jadi dengan Labuan? Sebelum ini pun banyak kerja penyelenggaraan terpaksa diabaikan. Takkun hendak naikkan cukai pintu? Tahun 2021 ini, PL perlu memberikan sewa percuma hingga ke hujung tahun untuk peruncit di pasar sentral, UTC, medan selera dan lain-lain. Begitu juga penyewa-penyewa gudang dan tanah-tanah perindustrian milik PL perlu diberikan diskau yang cukup.

Perbadanan Labuan sepatutnya diberikan *empowerment* dengan tambahan besar peruntukan termasuk peruntukan khas supaya bantuan dapat dibuat untuk semua peringkat rakyat Labuan. Banyak kumpulan rentan lain yang perlu diberikan perhatian seperti pengusaha teksi dan bas mini di antaranya. Restoran dan gerai-gerai makan, kontraktor-kontraktor kecil, pusat rekreasi, peniaga berkaitan pelancongan, *event managers* dan semua. Bantuan *one-off* sahaja sudah tentu tidak mencukupi. Bagaimana dengan penjaja-penjaja tepi jalan di kampung dan kawasan perumahan yang tidak berdaftar? PKP lepas, bantuan *one-off* pun mereka tidak dapat dan semakin ramai yang diberhentikan kerja.

Bolehkah Kementerian Wilayah Persekutuan menyalurkan peruntukan tambahan, sedangkan peruntukan kementerian jauh lebih rendah dibandingkan dengan tahun-tahun yang sudah? Saya mahu Perbadanan Labuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan ditambahkan peruntukannya, bukan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, demi rakyat, saya akan sokong belanjawan ini sekiranya ia diperbaiki dan keadilan kepada Labuan diberikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Jerai.

#### 1.46 ptg.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang dan ruang untuk saya turut sama berbahas Belanjawan 2021 ini. Sudah pasti dalam tempoh wabak COVID-19 ini, rangka dasar belanjawan tidak dapat lari daripada melakukan yang terbaik untuk rakyat. Sebanyak RM322.5 bilion telah diperuntukkan dalam belanjawan kali ini.

Saya mulakan yang pertamanya dengan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dengan empat landasan yang mengambil masa keseluruhan

sehingga tahun 2050. Fasa pertama dan kedua pada peringkat awal pembinaan setelah siap dan diluluskan dalam Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Projek yang berimpak tinggi yang mampu melonjakkan pendapatan kerajaan negeri juga memberikan impak positif keseluruhan wilayah utara. Bagi negeri Kedah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim ini mercu tanda yang hebat kepada dunia kerana dapat menambahkan kemasukan pelancong serta membantu unjuran kemasukan penumpang yang tidak mampu ditanggung oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Setakat ini, sejauh manakah pihak Kementerian Pengangkutan dapat memberikan komitmen untuk meneruskan projek ini?

Keduanya ialah Tuan Yang di-Pertua, harapan kepada Kerajaan Persekutuan agar dapat memperuntukkan sebanyak RM130 juta setahun kepada Kerajaan Negeri Kedah sebagai pampasan khas bagi pengekalan hutan simpan negeri Kedah manakala pengekalan tanah pertanian yang dikhurasukan untuk tanaman padi sekiranya diubah syarat komersial mampu meningkatkan kutipan cukai sebanyak RM177.8 juta. Saya juga turut menyokong penuh kerajaan negeri bagi mendapatkan sepuluh peratus daripada kutipan cukai itu sebanyak RM170 juta sebagai menghargai pengorbanan kerajaan negeri untuk keselesaan rakyat di negara ini umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mendapat peruntukan terbesar sebanyak RM50.3 bilion bagi menangani isu pendidikan dalam negara ini. Ramai murid di seluruh negara terkesan dengan pandemik COVID-19 ini. Apatah lagi yang terlibat dengan peperiksaan awam seperti SPM dan STPM, sudah tentu tekanan perasaan untuk menghadapi peperiksaan akan menjadi trauma kehidupan.

Dalam hal ini, saya mencadangkan agar pelajar yang terlibat dengan peperiksaan diberikan segala kemudahan pembelajaran normal kerana pembelajaran atas talian Internet pada hakikatnya, tidak mampu memberi jawapan penyelesaian. Pihak kementerian saya cadangkan agar memberikan kelonggaran dengan SOP yang ketat bagi membolehkan pelajar yang terlibat dengan peperiksaan awam khususnya SPM mampu belajar secara bersemuka. Seterusnya seperti yang pernah dicadangkan agar pelajar yang terkesan dengan COVID-19 ini dapat diberi kemudahan dengan memudahkan bentuk soalan dan bentuk skema dalam menyelesaikan kemelut pembelajaran yang tidak teratur dan sering terdapat sekolah ditutup semasa penularan wabak COVID-19 ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam penataran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), guru-guru Pendidikan Islam dimaklumkan bahawa tulisan Jawi telah ditiadakan dalam soalan peperiksaan peringkat SPM.

**■1350**

Asas alasannya ialah guru-guru difahamkan bahawa murid-murid telah menguasai pengkaedahan tulisan jawi di Tingkatan Satu, Dua dan Tiga. Dalam mengangkat tulisan jawi sebagai wahana ilmu, sepatutnya keputusan Kementerian Pendidikan tidak terburu-buru memutuskan keputusan meniadakan tulisan jawi dalam SPM seolah-olah menjadi penyambung pihak-pihak tertentu untuk membunuh khazanah ilmu dari diolah sebagai tulisan yang berpengaruh di negara ini.

Saya berpandangan KPM mesti bertanggungjawab sepenuhnya atas kehilangan tulisan jawi sebenarnya dibuat secara halus. Sebagai orang yang pernah turun di lapangan memberi kursus kepada murid dan guru di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, bukan sekadar murid yang perlukan pendedahan jawi malah para guru juga masih terkial-kial dengan pengkaedahan tulisan jawi.

Boleh disimpulkan bahawa pengajaran tulisan jawi hanya baru bermula di Tingkatan Empat. Agenda apakah sebenarnya pihak yang berkepentingan untuk menghapuskan pengajaran dan pembelajaran jawi di peringkat menengah atas? Dengan meniadakan tulisan jawi di peringkat ini dan memasukkan pula teks tulisan jawi dalam buku sangat tidak memadai. Majoriti pelajar masih ketinggalan dalam menguasai tulisan jawi.

Ramai pelajar hilang identiti tulisan jawi malah tidak pernah tahu sejarah tulisan jawi. Tiba-tiba KPM yang menghapuskan tulisan jawi pada peringkat itu padahal di peringkat pengajian tinggi IPT, umpamanya di UPM dan di UPSI, disediakan pula kursus tulisan jawi asas. Terputus di tengah jalan disambung pula di hujung jalan. Kealpaan inilah menyebabkan tulisan jawi tiada jati diri untuk bangun dek kerana tangan-tangan cendekiawan yang gagal memahami situasi nazaknya jawi mutakhir ini. Saya sarankan agar tulisan jawi dihidupkan semula untuk pelajar menengah atas dengan mengekalkan dan menambah baik dalam bentuk soalan dalam SPM khususnya.

Begitu juga saya mohon agar guru-guru diadakan kursus perdana yang sering kali saya laungkan dalam Parlimen ini bagi menguasai tulisan jawi agar kesinambungan khazanah negara ini akan terus dipelihara, dimartabatkan dan seterusnya dibudayakan oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengimbangi perkembangan teknologi hari ini, terdapat dua perkara penting yang perlu diberikan cadangan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Pertamanya ialah menyediakan segala kemudahan sama ada sifatnya *software* ataupun *hardware* kepada rakyat supaya dapat mengimbangi penggunaan kemudahan teknologi oleh negara pencipta teknologi. Kedua, memastikan masyarakat Malaysia mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menggunakan teknologi yang dimiliki.

Saya meneliti tulisan Wan Mohd Nor Wan Daud dalam buku beliau *Budaya Ilmu*. Dinyatakan walaupun pembacaan merupakan jalan ilmu yang utama, namun budaya ilmu hakiki perlu dikukuhkan dengan ilmu yang diperoleh melalui cara lain seperti perbincangan dan pendengaran. Budaya ilmu tidak sekadar terbatas kepada sumber *akli* dan rasional sahaja tetapi merangkumi juga wahyu dan ilham yang melangkaui batas akal.

Sehubungan itu, sejauh manakah kemajuan dan penciptaan teknologi yang berkembang pesat, apa lagi jika segala pencapaian dan perkembangan itu tidak dapat dinikmati secara menyeluruh, ia perlu diimbangi dengan keperluan memiliki ilmu yang sesuai dengan kepesatan bertujuan mengimbang dampak negatif?

Senario amalan membaca yang kajiannya dilakukan oleh Perpustakaan Negara, Tuan Yang di-Pertua, bahawa purata rakyat Malaysia yang hanya membaca 15 hingga 20 judul buku setahun. Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia, peningkatan jumlah bacaan ini masih di tahap yang begitu rendah kerana tahap celik huruf Malaysia mencapai 95 peratus.

Dalam satu kajian, rakyat Malaysia menghabiskan masa tidak kurang 20 jam seminggu di media sosial. Jadi, berdasarkan perbandingan tempoh masa membaca dan tempoh masa di media sosial, sepatutnya jika kita kata sekarang menghadapi masalah dengan isu penyebaran berita tidak benar, fitnah dan lain-lain, ini kerana masyarakat kita tidak menjadikan budaya ilmu sebagai pengiring kepada budaya di media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, dalam masa yang singkat ini, dalam isu benih padi sah yang menjadi keluhan dan rungutan para petani akibat kelompongan di sana sini hingga alternatifnya diberikan kepada pihak NAFAS untuk mengendalikan semua urusan benih padi untuk petani pada tahun hadapan. Sebagai Ahli Parlimen yang mewakili golongan petani, golongan pesawah, saya amat berharap pihak NAFAS yang diamanahkan untuk mengambil alih penyediaan benih padi untuk pesawah di seluruh negara supaya tidak lagi mengulangi kesilapan yang merugikan semua pihak.

Malah, harapan para pesawah agar kemelut dengan peritnya permainan harga benih yang tinggi atas terdesaknya petani tidak akan berulang serta tanggungjawab sosial pihak NAFAS untuk pesawah mampu memberi pulangan kebajikan kepada petani dan seharusnya akan menambah keyakinan petani terhadap kesungguhan kerajaan agar kebajikan dan nasib petani lebih terbela di bawah pengurusan pihak NAFAS.

Terakhir, saya mohon di Parlimen Jerai, jalan dari Bidong ke Gurun masih tidak diturap dengan baik. Sejak dua tahun yang lepas saya telah pun membangkitkan masalah yang sama tetapi pihak yang berkenaan masih lagi tidak mengambil peduli.

Rakyat, setiap kali balik ke kawasan, mereka merungut tentang jalan Persekutuan yang masih belum dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Belanjawan 2021. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan panjangkan *sitting* sehingga pukul 2.15 petang untuk membolehkan Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk berucap. Yang Berhormat Muar, silakan.

### 1.56 ptg.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana membuat pendirian yang tegas dan berani untuk menolak pengisytiharan darurat. Nasihat saya kepada kerajaan, tidak perlu untuk kita membunuh demokrasi untuk kekal berkuasa. Ada jalan tengah yang boleh kita ambil iaitu untuk panggil pimpinan pembangkang untuk duduk semeja, berdialog cari jalan tengah. Mungkin melalui perjanjian keyakinan dan pembekalan, mungkin melalui pembentangan belanjawan perpaduan. Lakukan perubahan supaya akhirnya semua Ahli Parlimen boleh mengikut nasihat Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya belanjawan ini dapat diluluskan semasa tempoh COVID-19.

Saya ingin mulakan dengan peruntukan di kawasan pembangkang. Peruntukan bagi rakyat di kawasan pembangkang yang telah pun ditarik semula. Saya tahu mungkin akan ada Ahli Parlimen dan pimpinan kerajaan yang akan menanyakan soalan yang sama kenapa kita tidak lakukan perkara ini sebelum ini apabila kita juga berada dalam kerajaan.

Saya ingin memberikan beberapa contoh. Sebelum ini apabila kita membentuk kerajaan bagi negeri Kelantan dan Terengganu yang ditadbir oleh pimpinan PAS, di Kelantan RM400 juta diperuntukkan secara terus kepada kerajaan negeri walaupun di bawah pimpinan PAS. Di Terengganu, RM1.3 bilion diperuntukkan secara terus kepada kerajaan negeri dan walaupun sebahagian daripada RM1.3 bilion ini akhirnya diperuntukkan bagi kawasan-kawasan PAS, bagi peruntukan ADUN, kita tidak bantah kerana itu merupakan hak mereka yang dipilih.

Persoalannya, jika perkara itu dapat dipraktikkan sebelum ini, kenapa di kawasan pembangkang rakyat terus kekal sengsara apabila hak mereka ditarik semula? Ada contoh kedua. Sebelum ini ada yang dipertikaikan apabila Yang Berhormat Menteri Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali memberikan peruntukan khas bagi kawasan-kawasan pembangkang khususnya Ahli Parlimen pembangkang yang rapat dengan pimpinan Yang Berhormat Menteri, Ahli Parlimen Sembrong yang ada juga di

hadapan saya, Yang Berhormat Kuala Kangsar sebelum ini mendapat peruntukan khas yang diperuntukkan oleh Yang Berhormat Menteri, Mohamed Azmin bin Ali.

Persoalannya, jika boleh dijustifikasikan sebelum ini tidak salah untuk pembangkang mendapat peruntukan pembangunan, kenapa pada hari ini peruntukan RM3.8 juta yang sepatutnya diperuntukkan kepada semua Ahli Parlimen pembangkang ditarik semula? Mana keadilan apabila sebelum ini kita pertahankan bermati-matian tetapi kini hanya kerana rakyat mengundi Ahli Parlimen pembangkang, mereka tidak dapat bantuan khususnya pada musim COVID-19 yang agak sukar.

Contoh yang ketiga. Saya ingat apabila saya berkhidmat di KBS, kita membuat keputusan untuk memulangkan penganjuran SUKMA kepada negeri Kelantan.

#### ■1400

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat].*

Ini buat pertama kali dalam sejarah Malaysia. Selepas lebih 35 tahun SUKMA diadakan, tidak pernah sekali pun hak penganjuran dipulangkan kepada Kelantan. Kini dipulangkan dan dianggarkan sebanyak RM250 juta pembangunan infrasukan akan diberikan kepada Kelantan.

Pada masa tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Pulau Pinang, Sabah melobi kata tidak boleh, sepatutnya berikan kepada negeri mereka. Akan tetapi saya pertahankan keputusan untuk memberikan kepada negeri Kelantan, walaupun dipimpin oleh pimpinan PAS. Ini kerana bantuan rakyat dan bantuan kerajaan perlu merentasi fahaman politik. Kita tidak boleh lihat ini PAS, ini UMNO, ini Bersatu, ini Pakatan Harapan kerana akhirnya ini adalah bantuan untuk rakyat. Jangan kita bezakan ikut warna baju parti politik kita.

Oleh sebab itu saya berharap, kerajaan perlu berani dan mengambil pendirian yang tegas untuk memulangkan semula peruntukan Ahli Parlimen pembangkang kerana akhirnya ini musim COVID-19. Rakyat susah dan sengsara. Pada hari ini mereka tidak dapat bantuan tersebut. Sebanyak RM3.8 juta bagi setiap kawasan Parlimen pembangkang, apakah kita boleh buat? Kita boleh beli sebanyak 3,000 buah *laptop* bagi anak-anak muda dari keluarga susah, kita boleh beri bantuan *one-off* sebanyak RM500 kepada lebih 7,600 keluarga, kita boleh berikan sebanyak 38,000 bakul makanan kepada orang-orang susah.

Bukan itu sahaja, sekarang penyelaras Parlimen di kawasan pembangkang pun tidak ada. Kenapa? Ini kerana mereka masih bergaduh di antara satu sama lain. Di Muar, hendak kasi UMNO kah? Hendak kasi PAS kah? Hendak kasi Bersatu kah?

Bukan sahaja Ahli Parlimen pembangkang dengan peruntukan untuk bantu orang susah, tetapi di kalangan mereka pun tidak ada wakil. Akhirnya, di kawasan pembangkang, musim COVID-19 mereka susah. Kita perlu perbetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, tepat pukul 2.00 sepatutnya berhenti, tetapi saya gunakan Peraturan 12 untuk teruskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang kedua yang hendak saya bangkitkan adalah di kalangan orang muda. Saya rasa kita faham denyut nadi rakyat, orang muda khususnya dan kebanyakannya mereka kecewa. Kenapa?

Pertama, jikalau kita lihat yuran universiti tidak diturunkan walaupun mereka terpaksa melalui *online distance learning*. Bukan itu sahaja, bukan hanya kerana mereka tidak mengguna pakai fasiliti universiti, bukan— apabila mereka terpaksa membayar kos internet di rumah, pada masa yang sama apabila banyak keputusan yang dibuat pada minit yang terakhir, mereka perlu pulang semula ke rumah, datang balik ke universiti, pulang semula ke rumah. Bayangkan anak-anak muda dari Sabah dan Sarawak, kos itu sangat tinggi.

Bukan itu sahaja. Kerajaan baru-baru ini mengumumkan peruntukan khas sebanyak RM300 juta bagi pengusaha-pengusaha IPTS. Persoalannya, apabila kerajaan memperuntukkan sebanyak RM300 juta dan kita pertahankan, kenapa pengusaha IPTS ini tidak menurunkan kos pengajian di IPTS tersebut dan akhirnya sama sahaja. Ini tidak adil, sebabnya kerajaan letakkan prasyarat. Kalau kamu dapat bantuan ini, turunkan kos yuran universiti di IPTA dan juga di IPTS supaya akhirnya mahasiswa kita dapat pembelaan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama, kita berikan bantuan *laptop*. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM150 juta. Akan tetapi di bawah Kerajaan BN, mereka peruntukan sebanyak RM400 juta bagi *laptop* 1Malaysia tetapi kita semua tahu, akhirnya guna selama tiga hingga enam bulan, rosak terus. Oleh sebab itu saya berharap, peruntukan ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin. Lakukan proses *open tender*, pilih yang terbaik. Pastikan orang muda dapat *laptop* yang berkualiti, bukan seperti yang dipraktikkan sebelum ini.

Saya ingin mengambil masa seterusnya untuk mengupas isu yang ketiga. Isu yang agak dekat dengan hati saya iaitu cukai durian runtuh atau dikenali sebagai *windfall tax*. Di sini saya rasa kerajaan perlu ada keberanian untuk berdepan dengan syarikat-syarikat gergasi untuk adakan sistem percukaian yang adil supaya akhirnya rakyat menerima manfaatnya. Tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat Setiu

daripada PAS. Saya sokong, dia pun ada bentangkan cadangan yang sama. Apa cukai durian runtuh ini? Cadangan saya adalah supaya kerajaan memperkenalkan *windfall tax* kepada syarikat-syarikat pembuat sarung tangan getah di Malaysia yang telah menikmati keuntungan berkali-kali ganda dalam musim COVID-19 ini.

Saya beri contoh, *Top Glove* untung mencecah sebanyak RM1.9 bilion dalam tempoh masa yang agak pendek, kenaikan sebanyak 417 peratus untungnya jika hendak dibandingkan pada tahun lepas. Supermax Corporation Berhad, untung bersih sebanyak RM789 juta, naik sebanyak 32 kali ganda, jika hendak dibandingkan sebelum ini. Apabila kerajaan hanya menerima sebanyak RM400 juta daripada semua syarikat-syarikat *glove* gergasi ini semasa tempoh COVID-19 untuk bantuan peralatan, itu tidak cukup. Itu jalan senang untuk keluar.

Persoalan saya, kenapa tidak meletakkan cukai durian runtuh ini yang akhirnya kerajaan boleh menerima manfaat lebih RM4.8 bilion yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat, yang boleh digunakan untuk membantu *frontliners* dan membeli vaksin COVID-19 yang jumlahnya RM3 bilion. Kita bukannya hendak menghukum syarikat-syarikat ini, tetapi apabila mereka mendapat untung yang luar biasa, apabila orang sengsara hanya kerana musim COVID-19, mereka ada tanggungjawab. Bukan sahaja moral, tetapi *legal* untuk memulangkan wang itu untuk kegunaan rakyat menangani COVID-19 juga.

Saya berharap rakyat akan berpendirian— kerajaan akan berpendirian tegas untuk memastikan bahawa cukai durian runtuh ini akan dipulangkan semula kepada rakyat. Ini kerana nanti, ramai di luar sana akan tanya. Kenapa secara tiba-tiba mereka takut untuk berdepan syarikat gergasi ini? Adakah kerana mereka ingat pilihan raya sudah dekat, kalau kita tidak kenakan cukai ini, akhirnya tauke-tauke ini boleh memberikan sumbangan yang besar kepada parti-parti politik? Rakyat yang akan tanya, sebab itu saya berharap pendirian yang tegas ini dapat diambil.

Rumusannya mudah Tuan Yang di-Pertua. Tidak salah untuk kerajaan duduk semeja dengan pembangkang, cari titik pertemuan. Apa yang baik, kita sokong dalam belanjawan, yang tidak baik, kita boleh ubah. Tidak salah untuk kerajaan—pembangkang duduk satu meja supaya akhirnya Titah Yang di-Pertuan Agong dapat kita ikuti. Letakkan politik di tepi, cari titik pertemuan bersama kerana COVID-19 dan luluskan belanjawan. Akan tetapi janganlah hanya kata kita perlu terima belanjawan 100 peratus, isu-isu pembangkang kita ketepikan, cari titik tengah. Akhirnya, *the ball is in your court, Prime Minister*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya jemput pembahas yang terakhir pada hari ini Yang Berhormat Permatang Pauh, dengan izin *up to 2.15 p.m only*. Baik, terima kasih.

**2.07 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam hormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya, Permatang Pauh untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2021. *Insya-Allah* kita doakan menjelang tahun hadapan vaksin akan sampai ke Malaysia. Namun dengan izin, memetik kata-kata Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, “*There is no vaccine for poverty, hunger, climate change and inequality*”.

Justeru langkah-langkah yang kita ambil, sama ada dalam belanjawan, undang-undang, kawal selia dan program di lapangan, sekiranya tepat dan memadai, mampu untuk membantu masalah sosioekonomi rakyat, urang miskin kaya dan kelangsungan sistem pendidikan. Jikalau tidak, tersasarlah rakyat dan negara. Maka amanahnya amat besar. Kita perlu pastikan Malaysia kalis cabaran masa hadapan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua dari segi melindungi generasi COVID-19. Menjelang tahun hadapan seramai 208,131 kohort pertama, pelajar Tahun 1 bakal alami masalah buta huruf. Bebanan ekonomi yang menekan tidak memungkinkan ibu dan ayah hendak mengajar anak-anak. Sudahlah bilangan anak-anak yang berkongsi peranti yang sama, begitu ramai. Itu pun kalau dapat akses internet. Tambahan lebih, hampir 40 peratus pelajar langsung tidak mempunyai kelengkapan digital di rumah.

Persoalannya saya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Bagaimanakah kementerian memaksimumkan rangkaian dan capaian DELIMa? Berapakah jumlah capaian setakat ini setelah kegagalan 1BestariNet di bawah Yang Amat Berhormat Pagoh pada satu ketika dahulu? Bilakah kementerian bakal mengumumkan sesi persekolahan baharu yang terjamin pembukaannya menerusi penjarakan sosial yang diterima pakai?

**■1410**

Kedua, perihal jaringan keselamatan sosial. Menjelang tahun 2021 juga Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan peluang pekerjaan bagi anak muda? Saya rujuk Laporan Tinjauan Ekonomi— kerajaan sendiri ya [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] ber definisi kepada apa itu jaringan keselamatan sosial. Analogi yang diberi, adalah seorang pejalan kaki di atas wayar tali tinggi. Pejalan kaki akan dilindungi oleh jaring keselamatan sekiranya terjatuh dan lepas berlakunya pandemik, di bawah wayar ini bukan sahaja lantai bersimen, ada jerung, ada bara api yang menanti. Rakyat yang dipukul oleh ombak virus, ditimpa pula ombak krisis ekonomi dan krisis kesihatan, meninggalkan semuanya jauh lebih teruk khususnya golongan rentan daripada sebelumnya.

Saya rujuk golongan yang tergolong di dalam *gig economy*. Seramai 459,000 didaftar dengan MDEC walaupun jumlah sebenar dianggarkan lebih tinggi kerana menjelang tahun ini, tambahan 300,000 graduan baharu. Mereka juga mungkin mempertimbangkan untuk melibatkan diri dalam sektor gig. Malangnya, kenapa mereka mempertimbangkan nak libatkan diri dalam sektor gig? Ini kerana sehingga bulan Disember 2019, hanya lima peratus peluang pekerjaan baharu untuk tenaga mahir diwujudkan daripada sejumlah 62,400 kekosongan pekerjaan.

Jelas, kita perlukan jaringan keselamatan sosial, saya rujuk daripada i-Saraan di bawah KWSP hanya lebih kurang 94 peratus didaftarkan – Timbalan Menteri ada buat lawatan, ya. Ada juga lebih kurang— di bawah PenjanaGig, tujuh peratus daripada 400,000 orang pekerja gig yang berdaftar dengan PERKESO. Kesimpulannya, sebagaimana disimpulkan oleh kajian *The Centre*, skim perlindungan sosial harus dijadikan mandatori ataupun automatik. Mungkin dilaksanakan menerusi caruman harian atau mingguan, lebih sesuai dengan pemegang taruh. Hal ini perlu ada penglibatan dan perbincangan yang lanjut. Akan tetapi dari segi jangka masa panjang, kerajaan harus menangani masalah ketidakpadanan pendidikan.

Jadi, langkah pertama sama ada menerusi integrasi data dengan penerima Bantuan Sara Hidup. Ini saranan Khazanah Research Institute, tetapi peranan kerajaan apa. Menabung untuk rakyat bukan sekadar mengharap rakyat menggunakan duit tabungan kerana keterdesakan ekonomi. *Their savings dengan izin, while it's rightly theirs, should be used as a last resort.* Lebih 70 peratus pencarum KWSP yang mengeluarkan simpanan bawah i-Lestari. Jadi, kita kena pastikan tabungan rakyat ini dijaga untuk masa depan sama ada undang-undang bagi mengawal selia syarikat gig yang sudah *established*, mempunyai keuntungan yang lumayan perlu diperkenalkan. Majikan perlu bertanggungjawab menjaga kebajikan pekerjanya.

Langkah kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah *upskilling*. Saya rujuk kepada laporan *The Centre* juga, disebut daripada survey mereka. Survey buruh lebih kurang 86 peratus, semuanya bukan graduan bagi tahun 2019. Masalahnya, kita belanja sebanyak RM19 bilion untuk *upskilling*, merentasi kementerian dan agensi. Akan tetapi jawab mereka, mereka tidak temui latihan yang sepadan. Mereka juga memerlukan mentor yang tidak diberikan dengan mudah menerusi apa yang diberikan dan ditawarkan oleh kerajaan. Maka, opsyen lain juga yang saya fikir Kementerian Kewangan harus ambil kira dengan serius ialah mendaftar mereka yang berumur 16 tahun ke atas secara automatik, memberikan nombor jaminan sosial.

Kesimpulannya, ramai Ahli Parlimen pembangkang juga bersama kerajaan bersetuju dengan penambahan jumlah belanjawan untuk membantu rakyat menangani cabaran ekonomi. Ini termasuklah peningkatan had syiling hutang bersyarat untuk

COVID, bukan untuk politik. Kita sudah cadang, janganlah hanya tumpukan kepada '*port paralleling projects*' dengan izin, boleh dikurangkan kerana *construction sectors* pun tidak membantu rakyat dalam kala mereka memerlukan *cash on hand*. Jadi, pada saya penting untuk Menteri Kewangan memikirkan cara bagaimana menambah subsidi upah Program Pemberian Tunai juga termasuk caruman.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu seterusnya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, haruslah menjadi kementerian barisan hadapan. Sejak tahun 2018, mantan Menteri melancarkan i-Suri tertumpu kepada pewujudan jaringan sosial keselamatan untuk wanita. Terkini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat daripada 500,000 orang penerima tanggungan bertambah kepada 1.5 juta orang selepas paras garis kemiskinan dikemaskinikan. Maka, memandangkan kementerian bertambah tanggungan, kes yang diselenggarakan oleh pegawai JKM juga bakal bertambah. Di Permatang Pauh contohnya, kalau ada kes berkaitan warga emas dengan mangsa strok, kemalangan yang memerlukan bantuan, *who do we call? You call JKM*. Jadi atas dasar itu, Akta Profesional Kerja Sosial penting untuk kementerian bawakan kenapa ditunda termasuklah Akta Gangguan Seksual. Kenapa? Ini kerana urusan *daruriyyat* melibatkan nyawa, rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sampai pecah rekod 159,000 panggilan melalui Talian Kasih. Akan tetapi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hanya bertemu kira-kira bulan April tahun ini untuk membincangkan apa yang perlu dilakukan. Saya berharap ini diambil kira dengan serius dan Menteri mengambil peluang untuk bertemu membincangkan isu yang melibatkan nyawa dan kepentingan masyarakat khususnya wanita.

Saya juga ingin bertanya, bila kah akan dilaksanakan projek rintis *Alternatives to Detention* (ATD) kerana setakat 26 Oktober 2020, kita ada 405 orang kanak-kanak tanpa penjaga yang ditahan di seluruh depot imigresen di seluruh Malaysia. Sudah ada kelulusan oleh majlis mesyuarat pengurusan tertinggi, patut jalan bulan April tahun ini. Saya mohon penting Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan sedikit. Jadi, saya minta boleh diberikan keputusan terkini bila akan dilaksanakan? Sudah dapat pun kelulusan. Jadi, hanya tunggu dilaksanakan.

Ketiga, terakhir, reformasi penjara. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sebelumnya penularan penyakit berjangkit atas dasar kesesakan. Dulu, kita takut bila kita bercakap tentang *scabies*, ada TB sekarang COVID-19. Sampai timbul tembok kluster penjara. Saya hanya minta sekarang Kementerian Dalam Negeri untuk mempercepatkan segala pindaan termasuklah usaha menerusi parol ataupun Lembaga Pengampunan supaya lebih ramai, termasuk *target* 25,000 orang daripada banduan

yang layak dibebaskan menurut anggaran dan juga visi Jabatan Penjara Malaysia. Saya tidak minta lebih daripada itu, *just to follow through* apakah wawasan mereka.

Kementerian juga berjanji memandangkan 60 peratus tahanan dalam penjara akibat penyalahgunaan dadah. Bila akan diperkenalkan rang undang-undang baharu Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan 2020 termasuk pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Ini sangat penting dan saya rasa kalau kita sudah dengar statistik bertambah mereka yang salah gunakan dadah, *then why don't you move to have evidence based programmes*, dengan izin. Penutup...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** ...Saya harap cadangan diambil kira dengan serius. Tuan Yang di-Pertua, tiba masanya untuk melaksanakan kata-kata. Kalau dalam tinjauan ekonomi sudah memperincikan segala masalah yang saya bawa, *it is time* masanya untuk Kementerian Kewangan ambil serius kerana kita berada di dalam persimpangan. *Alhamdulillah* tidak ada pengisytiharan darurat. Akan tetapi kita perlu ambil peluang untuk mengambil kira saranan yang dibawa oleh pihak pembangkang termasuklah juga beberapa Ahli Parlimen daripada kerajaan dan melaksanakan belanjawan yang mampu menjadi pengubat kepada derita rakyat.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, Khamis, 19 November 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.19 petang]**